



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS**

**2 NOVEMBER 2017,
6 NOVEMBER 2017 HINGGA 14 NOVEMBER 2017**

8 NOVEMBER 2017 (RABU)

Dikeluarkan oleh

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

8 NOVEMBER 2017 (RABU)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	4 - 5
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 6 – Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanashekharan A/L Autherapady)	6
Soalan No. 7 – Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin)	7
Soalan No. 8 – Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng)	8
Soalan No. 9 – Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad)	9
Soalan No. 10 – Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee)	10
Soalan No. 12 – Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	12
Soalan No. 13 – Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin)	17
Soalan No. 14 – Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fook)	19
Soalan No. 15 – Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad)	21
SESI PERBAHASAN PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2018 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018	
Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	23
Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	35
SESI PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA	
Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) menyambung semula perbahasan.	39

Kandungan	Muka Surat
Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) menyambung semula perbahasan.	47
Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	55
PENGUMUMAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI UNTUK MELANJUTKAN PERSIDANGAN DEWAN DIBAWAH PERATURAN 6A(1)	60
Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	60
Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	63
Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanashekarani A/L Autherapady) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	71
UCAPAN PENANGGUHAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI	76

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 8 NOVEMBER 2017 (RABU)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Ong Kok Fook	Berapit
15.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
16.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
17.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
18.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
19.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
20.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
21.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
22.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
23.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
24.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
26.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
27.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
28.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
29.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
30.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
31.	YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
32.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
33.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
34.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
35.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
36.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
2.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
3.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
4.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

“Bacaan Doa.”

Setiausaha Dewan:

Soalan Lisan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula dengan sesi Soalan Lisan. Soalan seterusnya daripada Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Thanasekharan A/L Autherapady):

YB. Dato' Timbalan Speaker, soalan saya nombor 6.

No. 6. Bilakah projek tebatan banjir di kawasan Bagan akan siap dibina?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB. Bagan Dalam, projek tebatan banjir di kawasan Bagan iaitu projek Rancangan Tebatan Banjir Mak Mandin merupakan salah satu projek *high impact* yang diumumkan dalam Belanjawan 2017. Projek ini akan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM40 juta. Pada masa kini, JPS sedang dalam proses menilai tender pra-kelayakan di mana kontraktor dijangka akan dilantik pada Disember 2017 dan projek ini dijangka siap pada bulan Disember 2019.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Thanasekharan A/L Autherapady):

Memandangkan banjir yang teruk dihadapi di Bagan dan lain-lain tempat di Negeri Pulau Pinang dan kesusahan yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang, kehilangan harta benda dan nyawa, satu tragedi yang tidak pernah berlaku di Pulau Pinang, saya ingin tahu berapa banyak wang cukai yang telah disalurkan atau dijanjikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sila ulangi itu bahagian yang akhir itu.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Thanasekharan A/L Autherapady):

Berapa banyak wang cukai yang telah disalurkan atau dijanji oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, soalan tidak berapa fokus sama ada ianya berhubung dengan bantuan saguhati kepada mangsa-mangsa ataupun dari segi projek-projek tebatan banjir. Kalau mengenai projek-projek tebatan banjir, jawab juga. Untuk dijelaskan soalan melalui jawapan. Kalau mengikut perjanjian bagi projek-projek tebatan banjir, memang baru-baru ini pemimpin dan Menteri telah buat pengumuman dan tuduhan bahawa sudah sebanyak RM2.6 bilion diperuntukkan kepada Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan projek tebatan banjir sejak RMK-9, 10 dan 11. Kita pun sudah memberi jawapan bahawa sebenarnya mengikut rekod kita memang tidak sampai pun setengah bilion ringgit projek-projek dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang sejak ianya dijanjikan atau diperuntukkan di bawah RMK-9, 10 dan 11. Ada projek yang sudah mula tetapi masih banyak yang tidak disiapkan dan baru-baru ini semasa menjawab soalan di Parlimen, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Bagan merangkap Ketua Menteri, akhirnya Menteri sendiri mengakui bahawa walaupun Menteri menyatakan RM2.6 bilion diperuntukkan, sebenarnya lebih kurang RM1 bilion sahaja disalurkan tetapi itu pun kita boleh pertikaikan. Tetapi masa kini, kita tidak berminat untuk perkara ini. Sebenarnya ada projek-projek yang menelan melebihi RM1 bilion yang sepatutnya perlu dilaksanakan di Negeri

Pulau Pinang tetapi masih belum dilaksanakan.

Kita sangka Perdana Menteri yang membuat lawatan akan membawa berita baik sebab JPS Negeri pun sudah banyak kali kemukakan senarai projek-projek yang perlu dilaksanakan tetapi apa yang diumumkan adalah pengumuman yang lama iaitu RM150 juta untuk RTB Sungai Pinang, tidak ada apa-apa peruntukan yang baru, tambahan, yang diumumkan oleh Perdana Menteri walaupun bencana banjir dan ribut melanda Pulau Pinang baru-baru ini.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Soalan saya nombor 7.

- No.7. Semasa Tempoh Pemutihan sehingga kilang/ kedai/struktur/kerja tanah haram mendapat kelulusan; apakah tindakan interim:
- (a) Memberhentikan Operasi dan Pemulihan Tanah jika mendapat bantahan penduduk dan warta tanah bendang?
 - (b) Untuk JAS menguatkuasakan Seksyen 38 Akta Alam Sekitar memberhentikan operasi atau pun bantu kilang patuh syarat JAS.
 - (c) Struktur-struktur haram selepas Laporan PAC 19/5/2017?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB. Penanti adalah seperti berikut. Tindakan-tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan ke atas kilang/kedai atau struktur dan kerja tanah haram dalam tempoh pemutihan yang dijalankan adalah:

- (a) Sekiranya terdapat bantahan daripada penduduk dan melibatkan warta tanah bendang, tindakan interim yang diambil bagi memberhentikan operasi dan pemulihan tanah adalah seperti berikut:
 - (i) mengeluarkan Notis Berhenti Kerja serta-merta;
 - (ii) membina halangan di tapak kerja tanah bagi memastikan kenderaan tidak dapat masuk tapak kerja tanah;
 - (iii) menyita kenderaan yang berada di tapak kerja tanah;
 - (iv) melakukan dakwaan di mahkamah selepas kertas siasatan disediakan. Pada masa yang sama, pemilik dikehendaki dengan segera menjalankan kerja pemulihan tapak atau menjalankan kerja mitigasi atas nasihat jurutera perunding bertauliah bagi memastikan keadaan tapak tidak mendatangkan bahaya dan kacau ganggu kepada orang awam, harta awam dan persekitaran;
 - (v) memberikan permit sementara dalam satu kategori iaitu rumah tumpangan kepada hotel yang berdaftar di bawah program pemutihan untuk menjalankan perniagaan. Pengusaha yang beroperasi tanpa permit sementara, sama ada enggan membayar atau mengambil permit sementara akan dikenakan kompaun berjadual; dan
 - (vi) menawarkan lesen premis perniagaan (bersyarat tukar guna) kepada premis perniagaan yang terlibat dengan tukar guna bangunan di dalam Zon Perniagaan Am, Zon Pelancongan Am dan Zon Industri yang dibenarkan iaitu di kawasan Sungai Pinang dan kawasan Batu Maung sahaja untuk tempoh setahun secara berkala setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam. Pengusaha yang beroperasi tanpa lesen premis perniagaan kerana enggan membayar dan mengambil lesen akan dikeluarkan kompaun berjadual.

Di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling tahun 1974, tiada peruntukan yang membolehkan JAS merobohkan premis atau bangunan atau memberhentikan keseluruhan operasi premis. Dalam Seksyen 38 Akta ini, kuasa diperuntukkan untuk memasuki premis tanpa waran untuk tujuan siasatan, pemeriksaan, menyita atau menahan apa-apa kelengkapan, komputer atau loji perindustrian yang menghasilkan pencemar. Dalam isu kilang haram, JAS menggunakan Seksyen 38 untuk menghentikan penggunaan peralatan atau kelengkapan proses yang melepaskan pencemar yang tidak dipasang peralatan kawalan.

Berhubung laporan struktur haram di atas Lot 199, Mukim 1, Telok Bahang, Pulau Pinang sebanyak dua tindakan telah diambil pada 7 Mac 2017 dan 17 Mei tahun ini oleh PBT ke atas struktur kandang kuda dan bangsal terbuka. Tindakan penguatkuasaan yang akan diambil adalah di bawah Seksyen 27, Akta Perancang Bandar dan Desa iaitu tindakan ke atas mana-mana kes pembinaan struktur haram yang dijalankan tanpa Kebenaran Merancang.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan pertama berkenaan dengan jawapan (a), dan tadi YB. Padang Kota memberitahu maknanya ada kilang itu boleh dihalang dan 7 perkara lagi yang boleh diambil oleh pihak berkuasa. Jadi dalam kes Sungai Lembu, Sungai Lembu itu aduan dibuat walaupun kilang itu telah beroperasi 10 tahun dan saya dapat bantahan dari penduduk dari tahun 2015 sehingga 2017 pada sidang DUN bulan Mei yang lepas. Ini adalah petisyen yang ditandatangani oleh penduduk sendiri, maknanya kalau mengikut jawapan EXCO Padang Kota, soalannya, kenapa bila aduan telah dibuat dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan petisyen telah dibuat, kalau kita *check* dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, saya telah bangkitkan dan semua 7 itu, kenapa perkara itu tidak dilakukan? Maknanya kilang itu terus beroperasi walaupun ada terdapat bantahan penduduk sebanyak 18 muka surat.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat, adakah mengulangi...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Tak. Saya nak tanya....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Soalan yang sama pada penggal yang lalu...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Penggal yang lalu? Tak. Ni jawapan soalan lisan. Saya nak tanya sebab dalam jawapan...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tanya pendek ja.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Ya. Itu soalan yang pertama. Soalan yang kedua, maknanya kenapakah 7 perkara yang untuk menghentikan operasi dan Jabatan Alam Sekitar *actually* boleh masuk dan hentikan kelengkapan sebab mengikut surat yang dikeluarkan pada 2015 memang oleh Pengarah DOE, memang kilang ini tidak mengikut piawaian DOE. Kenapakah DOE tidak menggunakan Akta Seksyen 38 iaitu soalan ke-2 untuk menghentikan kelengkapan *and* masuk premis *and so far*. Itu saya nak tanya.

Lepas tu soalan ke-3, mengikut jawapan yang disebut tadi, hanya terhadap struktur haram kandang kuda, tetapi kalau kita tengok mengikut laporan PAC, struktur haram dan juga pembotakan Botak Hill di Relau, semua tu adalah perkara haram tapi saya nak tahu semua perkara-perkara yang tajuk asal soalan ini berkenaan dengan kerja tanah haram, kilang haram, struktur haram, jadi saya nak tanya, selain daripada yang kandang kuda tu, apakah tindakan susulan yang telah dilakukan berdasarkan syor dan rumusan dalam laporan PAC?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kilang di Sungai Lembu sudah pun henti operasi. Tindakan terhadap kandang kuda adalah setelah diberi notis, manakala struktur-struktur yang lain diberi kesempatan untuk proses pemutihan sekiranya mereka penuhi syarat dan kemukakan Kebenaran Merancang, ianya akan dipertimbangkan. Sekian.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya, Ahli Kawasan Tanjung Bunga.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

YB. Dato' Timbalan Speaker, Soalan saya no. 8.

- No. 8. Senaraikan semua rumah orang tua dengan terperinci (nama/alamat/berlesen atau tidak berlesen/NGO, swasta atau kerajaan/kapasiti dan lain-lain) di seluruh Pulau Pinang). Huraikan keadaan penuaan (*aging*) di Negeri Pulau Pinang dan strategi, Pelan dan polisi kerajaan negeri pada masa jangka panjang. Huraikan kebajikan penuaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima Kasih Dato' Timbalan Speaker. Soalan no.8. Pada masa ini, jumlah keseluruhan pusat jagaan warga tua di seluruh Pulau Pinang adalah sebanyak 61 buah, di mana 9 buah pusat jagaan milik Badan Bukan Kerajaan dan 52 buah pusat jagaan miliki swasta. Kerajaan Negeri tidak mempunyai pusat jagaan warga tua. Jumlah keseluruhan warga tua yang tinggal di pusat jagaan adalah seramai 1,799 orang. Namun, masih terdapat beberapa pengusaha pusat jagaan yang tidak berdaftar dan enggan memberikan maklumat jumlah penghuni kepada pihak JKM.

Senarai pusat jagaan warga emas mengikut kategori nama, alamat, daftar dan tidak berdaftar, milik NGO atau swasta, kapasiti dan pecahan KADUN akan diedarkan kepada Yang Berhormat selepas sesi soalan lisan adalah seperti di Lampiran A.

Kerajaan Negeri telah melantik Penang Medical College (PMC) untuk menjalankan kajian berkenaan warga emas dalam usaha memastikan kebajikan warga emas sentiasa dijaga dengan sempurna. Hasil kajian yang dijalankan pada tahun 2013 menunjukkan bahawa Pulau Pinang merupakan salah satu negeri yang mempunyai peningkatan kadar penuaan yang tinggi di dalam negara. Dapatan kajian menunjuk 62.3% warga emas yang tinggal di Pulau Pinang berumur 60 hingga 69 tahun. Seramai 30.5% berumur 70-79 tahun dan 7.20% berumur 80 tahun ke atas.

Kerajaan Negeri amat prihatin dan komited terhadap kebajikan serta kesejahteraan rakyat termasuk warga emas. Pelaksanaan pelbagai program kebajikan bagi membantu golongan warga emas akan dapat membantu Kerajaan Negeri menangani isu '*aging population*' di Negeri Pulau Pinang. Antara program yang dilaksanakan termasuk mewujudkan suatu ekosistem perumahan yang tidak membebankan rakyat dan mampu milik. Warga emas yang berpendapatan kurang daripada RM1,500.00 dan mempunyai kes-kes kronik akan diberi keutamaan oleh Jawatankuasa SPEC untuk menyewa projek-projek PPR.

Melaksanakan program "Jom Hidup Sihat" yang disasarkan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat khususnya di kalangan warga emas. Kerajaan Negeri menggalakkan setiap KADUN untuk mewujudkan pusat komuniti supaya aktiviti-aktiviti komuniti seperti Tai Chi, Qi Gong, *lion dance*, aerobik dan lain-lain dapat dijalankan dengan peralatan *outdoor gym* seperti yang telah disediakan. Program ini juga dapat menjadikan kawasan perumahan sebagai pusat aktiviti dan riadah seharian kepada warga emas untuk bersama-sama memupuk kepentingan penjagaan kesihatan dan membina ikatan yang baik serta dapat menanam sikap kejiwaan dan prihatin di kalangan komuniti seperti diharapkan sebagai jiran tetangga.

Memberi bantuan hemodialisis kepada mereka yang kurang kemampuan termasuk warga emas yang mempunyai penyakit buah pinggang melalui Pusat Dialisis C.A.T di kawasan Balik Pulau, Daerah Barat Daya. Subsidi sebanyak RM30.00 diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada setiap pesakit yang terpilih bagi setiap sesi rawatan dialisis termasuk warga emas. Jumlah maksimum pembayaran perbelanjaan perubatan adalah RM30.00 bagi setiap sesi selama 13 kali sebulan atau 14 kali sebulan dan kos nya hanya RM110.00 bagi setiap sesi. Di sini juga, kami ada subsidi daripada PCC (Penang Community Chest).

Memperkenalkan program mamogram percuma dan fokus kepada golongan kurang kemampuan. Ini adalah beberapa program yang akan dijalankan untuk mengutamakan perhatian sosial. Memberikan bantuan kewangan kepada golongan warga emas yang membantu mereka kurang kemampuan seperti B.O.T. - Bantuan Orang Tua dan juga tiap-tiap tahun yang membagi Program Penghargaan Warga Emas yang untuk menghargai jasa dan budi warga emas yang telah berbakti untuk Negeri Pulau Pinang. Ini pada tahun yang akan datang akan bertambah sehingga RM130.00 setahun.

Membantu melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya bantuan am juga diberi kerana ada banyak warga emas-warga emas yang tinggal sendiri. Kalau mereka ada sendiri sahaja kami bagi B.O.T., kalau tak ada sekurang-kurang PGK, RM220.00 akan dibagi dan ini dibagi setiap bulan. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan turut menyediakan alatan senaman *outdoor gym* yang giat dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan di taman-taman rekreasi awam dan kawasan tanah lapang untuk digunakan oleh masyarakat setempat.

Kerajaan Negeri melalui Kebajikan, JKM juga menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di mana terdapat 2 buah PAWE di Pulau Pinang iaitu di Balik Pulau dan Pongsu Seribu, Kepala Batas. PAWE ini merupakan tempat berkumpul dan menjalankan aktiviti bagi warga emas tetapi bukan pusat jagaan berkediaman/harian untuk warga emas. Beroperasi waktu pejabat kerja sahaja iaitu lima (5) hari seminggu. Dengan ini, jika ada apa-apa soalan, kita akan cuba menjawab seboleh-bolehnya.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan tambahan. Memandangkan kerajaan tak ada satu pusat untuk menangani penuaan dan kita juga ada satu perumahan kepada pekerja asing dengan konsep ini, bolehkan satu, walaupun ada projek perumahan untuk diberi kepada warga emas, tapi ramai warga emas bila sudah tua mungkin tak ada duit, dia tak kerja, mana ada duit untuk beli rumah. Kalau ada satu projek perumahan untuk pusat penjagaan orang tua yang tidak mampu beli, maksud saya kadang-kadang anak-anak nak pergi kerja atau nak pergi ke luar negara, dia kena hantar ibu bapa kalau tak ada orang jaga, kena hantar ke satu tempat buat sementara dijaga dan lain-lain lah isu ini berlaku di masyarakat kita yang kita hadapi. Adakah ini satu program yang boleh diadakan Kerajaan Negeri? 2 pusat, mungkin satu (1) di bahagian Pulau dan satu (1) di Seberang Perai, ini soalan satu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Soalan kurang jelas. Yang tu kata saya terdengar bahawa bina rumah untuk warga asing dan itu saya tidak faham kerana itu adalah daripada swasta. Akan tetapi, setelah menjalankan kajian oleh Penang Medical College, di mana apakah kehendak oleh warga emas dari segi kehidupan, kesihatan, kemampuan dan lain-lain. Di sini, memang apabila kebajikan bukan nak main politik kata ini tanggungjawab Kerajaan Pusat atau apa-apa tetapi memang sehingga kini tak ada satu selain daripada satu yang dipanggil *Silver Jubilee Home* di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan tetapi ditadbir oleh swasta dan lain-lain. Harga memang daripada Kerajaan Negeri, kepentingan Kerajaan Negeri dan jawatankuasa juga dipilih oleh Kerajaan Negeri tetapi pentadbirannya adalah daripada jawatankuasa yang terpilih daripada masyarakat.

Di sini, kami kena ambil perhatian. Walaupun ada kata kehendak untuk kemudahan ini, tidak mau seolah-olah bagi peluang dan alasan orang muda untuk tolak ibu bapa selepas tua kata tak senang, saya nak kerja, *you* pergi duduk sana, jangan. Kerana apa kehendak Kerajaan Negeri adalah mewujudkan satu masyarakat penyayang, bertanggungjawab, tanggungjawab anak kepada ibu-bapa. Misalnya orang Cina mengatakan, satu bapa dia boleh ada 10 anak, tetapi 10 anak tak boleh jaga satu bapa. *So ini to build up the family immediately and the issue is very important....* (dengan izin) Timbalan Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Soalan tambahan. Tadi jawapan berkenaan dengan servis mamogram dan dialisis. Bukan semua *senior citizen* menghadapi masalah dengan buah pinggang atau masalah sakit barah. *So, tak dapat connection, this connection to services for senior citizen....* (dengan izin).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang saya mengatakan ada beberapa program seperti ini. Saya bukan warga emas, tapi mamogram tak ada. Sudah umur 60..bukan dia pi mamogram dan apa-apa tetapi saya kata berbagai program seperti, dan bila kata *dialysis center, dialysis center* adalah satu orang kata *the mother of all disease*. Mereka warga emas kadang-kadang kalau nak pergi *dialysis center* ini amat-amat mahal dan tanggungjawab yang berat kepada mereka. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri ada dua lapisan. Satu, bila anda pergi *dialysis center*, hanya bayar RM30 jikanya tidak mampu Kerajaan Negeri ada lagi satu dipanggil PCC, *Penang Community Chest* di mana mereka boleh merayu dan memohon bantuan daripada PCC, PCC, adalah kewangan untuk bantu mereka. Mereka hanya maklum kepada jururawat di sana dan selepas itu jururawat akan minta kebajikan dan penduduk kawasan untuk turun siasat. Dan jika benar mereka menghadapi kesulitan kewangan, Kerajaan Negeri akan beri kelulusan dan kelulusan jawatankuasa telah diturun kuasa. Mereka boleh buat keputusan tak payah tunggu mesyuarat saya bagi

kebenaran saya bagi turun kuasa terus mereka boleh buat keputusan untuk beri bantuan RM10, RM20 atau RM30 hapuskan semua dan dibayar oleh Kerajaan Negeri melalui *Penang Community Chest*.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan

Silakan YB. Tanjung Bunga.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan saya...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang terakhir.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Ada dua lagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, tadi bukan soalan tadi kenyataan...(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Duduk, duduk, sila duduk.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tak apa, tak apa.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Bolehkah? Saya faham semua yang dibuatkan setakat ini tapi maksud saya tidak adalah lebih luas kita boleh meneroka *explore* lebih luas lagi untuk *servis* kepada penuaan. Itu maksud saya. Memang ada banyak lagi yang boleh kita buat. Kalau boleh huraikan pengetahuan Yang Berhormat Sungai Puyu, *elderly care*, kalau boleh *elderly care* itu juga jadi satu polisi oleh Kerajaan Negeri supaya lebih sempurna isu penuaan, sistem penuaan Kerajaan Negeri supaya kebijakan boleh dipertingkatkan.... (gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Soalan?

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, memang apa-apa cadangan yang baik akan dibagi pertimbangan iaitu kata, saya selalu ada kata di pejabat saya *open door policy, no wrong door policy, you don't have to knock you just walk in we can always discuss, we are always open to all suggestion* baik pun daripada ADUN-ADUN Kerajaan ataupun daripada pembangkang *we are very open because* semua ada satu matlamat saja untuk mempertingkatkan gaya hidup warga Negeri Pulau Pinang. *So your suggestion, I will take a considoration, you have any suggestion, forward to, we will consider*, terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Memang *open policy* sini lebih *open* daripada di luar.... (gangguan). Soalannya *open* itu ada di sini, mengapa *open* diluar?....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Apa yang sedia di sini ialah latihan iaitu kata *you have to describe it, you describe it. You know why, because* saya kata jika nya anda ada apa-apa cadangan saya rela menerima, baik pun di sini, baik pun di pejabat saya, baik pun di kedai kopi, *I am always open, open* untuk *suggestion*. Jika *you* ada apa yang baik selalu saya ambil kira. Bagi pertimbangan kerana anda adalah seorang wakil rakyat, anda adalah seorang ADUN dan juga berhak untuk bagi cadangan-cadangan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan

Seterusnya YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya bersimpati dengan YB. Tanjung Bunga, saya faham dalam Dewan ini bukan main *open* lagi itu dan sebagainya tapi di luar nak jumpa tak boleh, betul kah?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan

Soalan no. berapa?...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Timbalan Dato' Speaker, soalan saya no. 9...(gangguan). Soalan saya no. 9 terima kasih.

No. 9. Jelaskan status perancangan dan pembangunan tanah milik kerajaan di 1449 Peel Avenue untuk hospital dan berkaitan. Kenapa penduduk membantah. Ke mana hala tuju pembangunan tersebut?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya nak panggil dia tarik balik kerana kenyataan yang susah diterima...(gangguan). Iaitu kata dia buat satu tembak dia lari diri...(gangguan). Dia satu tuduhan liar macam ni. Yang mana EXCO dulu daripada Barisan Nasional tak ada *appointment* tak da boleh jumpa, satu minggu satu kali tetapi di sini, *seven to four, three, six, five*, tarik balik!...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Silakan YB. Padang Kota, untuk menjawab soalan no. 9 ataupun siapa?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan atas jemputan untuk menjawab soalan YB. Pulau Betong, Kerajaan Negeri telah menerima permohonan daripada Tetuan Island Hospital Sdn. Bhd. atau IHSB pada 6 Ogos 2016 bagi cadangan melaburkan RM2 bilion untuk menjalankan pembangunan Island Medical City di atas tanah milik kerajaan di 1449 Peel Avenue. Satu perjanjian penjualan dan pembangunan telah ditandatangani antara Perbadanan Ketua Menteri dan IHSB pada 19 Disember 2016. Permohonan Kebenaran Merancang bagi pembangunan telah dikemukakan kepada OSC Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada 23 Jun tahun ini, di mana pihak IHSB telah menerima pelbagai komen dan mengemukakan pelan tunai syarat pada 25 September tahun ini kepada MBPP.

Pihak IHSB masih menunggu maklum balas dan tarikh mesyuarat OSC bagi pertimbangan projek ini. Cadangan pembangunan tapak ini telah diwar-warkan kepada penduduk sekitar atau lot berjiran dan satu sesi pendengaran awam telah diadakan pada 22 Ogos dan antara bantahan dan saranan yang diketengahkan oleh penduduk adalah seperti berikut :

- i) Masalah kesesakan lalu lintas dan tempat letak kereta;
- ii) Isu ketinggian bangunan dan ketumpatan pembangunan;
- iii) Isu gangguan infrastruktur asas seperti bekalan air, gangguan telefon dan internet serta masalah saliran;
- iv) Isu penampakan di antara kawasan pembangunan dan kawasan perumahan serta pemandangan yang terhalang;
- v) Isu pelupusan sampah;
- vi) Gangguan kesihatan disebabkan oleh pencemaran udara dan pencemaran bunyi serta keselamatan penduduk;
- vii) Perlu pastikan tiada bukaan jalan ke Jalan Raja Gopal;
- viii) Pemaju perlu memastikan keselamatan dan bertanggungjawab terhadap kerosakan yang disebabkan oleh pembinaan; dan

- ix) Pembinaan mesti dilaksanakan pada hari bekerja dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang sahaja.

Kesemua isu dan bantahan yang dibangkitkan oleh penduduk telah dijawab. Sebagai langkah penambahbaikan perancangan pembangunan di tapak tersebut, pihak IHSB juga akan mengambil langkah-langkah berikut untuk keselesaan penduduk;

- (i) menyediakan sebanyak 117 petak tempat letak kereta di ruang bawah tanah atau *basement* bagi pesakit dan pelawat untuk mengelakkan masalah parkir di tepi jalan dan kesesakan lalu lintas; dan
- (ii) juga pematuhan laporan *Traffic Impact Assessment* dengan melebarkan serta menaik taraf jalan raya berdekatan serta persimpangan jalan sedia ada untuk melancarkan aliran trafik di kawasan tersebut. Sekian.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih, dari jawapan tadi mengesahkan bahawa dalam kes ini tidak ada *open tender* untuk pembelian tanah YB. Padang Kota? Okey. Saya nak tanya kenapa tidak diberi peluang kepada parti lain, pihak lain untuk membuat tawaran mana mungkin kita akan mendapat nilai tanah yang lebih tinggi sebab itu adalah kawasan yang strategik.

Yang kedua, kaedah pembayaran oleh pembeli tanah itu, berapakah nilai tanah itu dan bagaimana kaedah pembayaran dibuat? Dan saya rasa Yang Berhormat tidak menjawab soalan saya, ke manakah hala tuju pembangunan tersebut? Tak jelas tadi.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tiga (3) soalan, ya.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Hala tuju pembangunan sekarang memang sudah pun dikemukakan permohonan kebenaran merancang, maka masih menunggu pertimbangan OSC, kalau ianya diluluskan pemaju perlu mematuhi segala syarat apabila melaksanakan projek ini. Dan itu pun perlu dapat lesen daripada Kementerian Kesihatan dan sebenarnya ini pun jawab soalan yang berkaitan mengapa tidak buka kepada lain-lain pihak, saya percaya dalam permohonan ini syarat mendapat permit dari Kementerian Kesihatan adalah wajib. Tanpa permit berkenaan maka tak ada hospital swasta dapat dibenarkan dan memang satu syarat Island Hospital menghadapi dalam mengembangkan operasi mereka adalah untuk memenuhi syarat bahawa sebarang tambahan kemudahan perlu dekat dengan tapak sedia ada, maka tanah yang kita nyatakan di Peel Avenue ini memang berhadapan dengan hospital yang sedia ada dan juga akan disambungkan melalui satu terowong di bawah Peel Avenue untuk menyambung tapak yang baru.

Jadi itulah mengapa apabila permohonan dikemukakan atas sebab-sebab yang istimewa ini. Sebab di sekitar tanah ini kalau untuk tujuan hospital maka Island Hospital sahaja yang boleh memenuhi syarat kegunaan tanah untuk hospital swasta. Kalau di buka katakan hospital yang lain membida, adakah dapat memenuhi syarat Kementerian Kesihatan bahawa ianya perlu sambung daripada kemudahan yang sedia ada. Maka di sekitar itu tak ada hospital yang boleh memenuhi syarat ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Mungkin ada tujuan lain, selain daripada hospital mungkin tanah itu boleh digunakan untuk tujuan lain bukan hospital semata-mata.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kerajaan Negeri terima cadangan bahawa kita memang dalam mempromosikan sejak Kerajaan Barisan Nasional, *Medical Tourism* dan sememangnya kemajuan yang kita lihat dalam *Medical Tourism* adalah amat membanggakan sehingga kemudahan-kemudahan tidak cukup itulah pertimbangan istimewa yang saya katakan yang kita menerima cadangan ini sebab ianya diperlukan untuk menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai destinasi *Medical Tourism* yang no. 1 bukan di Malaysia, sekarang pun sudah no. 1 tetapi di rantau ini mungkin.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan no. 2 tak jawab lagi. Berapa kos dan bagaimana pembayaran balik?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kos yang terbabit adalah RM156 juta iaitu 20% daripada harga jualan iaitu RM32 juta telah pun dibayar pada tahun 2016, baki 80% iaitu RM124 juta akan dibayar setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. *That is a condition president* kalau tak dapat maka tak jadi lah projek ini dan kalau dapat dengan bayaran pecahan 40% dibayar dalam 14 hari selepas dapat kelulusan dan 40% lagi dibayar dalam tiga (3) bulan selepas dapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebab itu *condition* yang wajib tak ada kelulusan, tak ada hospital, maka kalau tak dapat kemungkinan perjanjian ini perlu dibatalkan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya YB. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan, soalan 10 soalan saya.

- No. 10. Bilakah projek naik taraf perkhidmatan tranplan, naik taraf blok wanita dan kanak-kanak, kerja amalan blok Klinik Pakar dan wad hospital serta kuarters di Hospital Pulau Pinang akan bermula?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Projek naik taraf perkhidmatan transplan, naik taraf blok wanita dan kanak-kanak, kerja awalan klinik blok klinik pakar dan wad hospital serta kuarters di Hospital Pulau Pinang telahpun diluluskan untuk pelaksanaan. Jadi status terkini dipecahkan seperti berikut;

- (i) Projek naik taraf Perkhidmatan Transplan. Peruntukan tambahan telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Kini dalam proses penyediaan dokumen *tendering* oleh Jabatan Kerja Raya.
- (ii) Kedua naik taraf blok wanita dan kanak-kanak juga dalam proses tender.
- (iii) Kerja awalan blok klinik pakar dan juga wad, kerja-kerja sedang dijalankan dan melibatkan penyediaan skop projek terperinci dan juga anggaran kos-kos yang terbabit.
- (iv) Dan yang keempat, kuarters Hospital Pulau Pinang fasa yang keempat. Projek ini dalam peringkat pelaksanaan semua perunding projek telah pun dilantik dan kini dalam fasa penyediaan konsep reka bentuk awal oleh Jabatan Kerja Raya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Timbalan Dato' Speaker, saya ada soalan tambahan. Terima kasih YB. Timbalan Dato' Speaker. Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh YB. Pantai Jerejak. Saya ingin tanya, bilakah projek -projek di hospital ini dijangka dilaksanakan kerana ia perkara-perkara yang melibatkan hospital telah dibangkitkan oleh saya beberapa kali melibatkan kesihatan rakyat di Pulau Pinang.

Saya tanya soalan ini kerana untuk makluman Dewan yang mulia ini, baru-baru ini terdapat satu maklumat oleh Timbalan Perdana Menteri yang disiarkan, Malaysia akan membina Hospital Rohingya di Bangladesh. Dalam berita ini Timbalan Perdana Menteri mengumumkan bahawa hospital ini akan dibina dalam masa sebulan di Bangladesh bagi pelarian Rohingya. Kalau projek ini boleh dilaksanakan dengan begitu pantas sekali untuk penduduk Rohingya pelarian Rohingya di Bangladesh, soalan saya mengapakah projek-projek melibatkan pembangunan di hospital bagi manfaat dan kemudahan rakyat di Pulau Pinang yang bayar cukai dilaksanakan dengan cepat juga. Jadi soalan saya bilakah kita boleh memastikan supaya projek-projek ini yang diumumkan oleh Yang Berhormat tadi adalah semuanya dalam projek tender, tapi bilakah ia dijangka dilaksanakan? Kalau rakyat Rohingya di Bangladesh boleh dibela, nasib di Pulau Pinang pula tidak dibela. Kita membayar cukai.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ringkaskan soalan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih itu soalan saya Dato' Speaker.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Silakan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Ini semua apa yang dinyatakan tadi semua dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan jadi kita pun maklum, faham bahawa yang dinyatakan tadi adalah soalan berkenaan di Hospital Besar Pulau Pinang malah di hospital di kawasan-kawasan yang lain lagi masih perlu banyak penambahbaikan. Jadi, sini saya menyeru supaya Kerajaan Persekutuan daripada apa yang ditanyakan oleh YB. Seri Delima tadi perlu perhatian lebih kepada kerajaan untuk rakyat Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan tambahan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

YB. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih YB. Timbalan Dato' Speaker, soalan tambahan saya, mengapa projek-projek menaik taraf perkhidmatan ini terutama Hospital Besar ini yang telah ditutup lama dan masih dalam rancangan untuk tender dan menjalankan kerja-kerja tender ini. Adakah Kementerian Kesihatan ataupun Timbalan Menteri Kesihatan kita di Negeri Pulau Pinang tidak ambil tindakan, mengapa masalah ini tidak diselesaikan dengan masa yang singkat. Sudah lebih kurang Hospital Bersalin ini telah ditutup kalau tidak silap lebih lima (5) tahun. Mengapa sampai sekarang masih tidak dijalankan dan dalam kerja-kerja tender sahaja. Dan soalan satu lagi adalah sama ada penduduk-penduduk di Negeri Pulau Pinang tidak bayar cukai? Tambahan pula ada kutipan GST. Manakah duit-duit yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan dibelanjakan? Saya rasa rakyat di Negeri Pulau Pinang ingin tahu sama ada rancangan-rancangan Kementerian Kesihatan ini yang untuk membina kemudahan-kemudahan kesihatan dalam hospital di Negeri Pulau Pinang. Silakan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Apa yang dibangkitkan oleh YB. Jawi, kita serahkan kepada Kerajaan Persekutuan yang di bawah Kementerian Kesihatan untuk memberi jawapannya.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Boleh saya kata sesuatu.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Soalan YB.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Berbentuk soalan jugalah.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ya, dia mesti soalan punya. Tidak boleh bentuk-bentuk.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya nak tanya soalan. Soalan saya macam ini sahaja. Ini isu berkaitan dengan peruntukan hospital dan dimaklumkan tadi bahawa ini adalah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sudah terjawab.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Kita ada Ahli Dewan ini yang menjadi Ahli Parlimen, kenapa tak ditanya di dalam Parlimen? Kalau dirujuk pada kami, kami bukanlah Menteri di peringkat Persekutuan. Jadi, bagi saya kenapa Ahli Parlimen yang juga ADUN dalam Dewan ini tidak bertanya soalan yang sama di Parlimen? Itu sahaja soalan saya.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Biar Parlimen yang jawab. Seterusnya YB. Permatang Berangan, YB. Permatang Berangan tidak hadir. Kita terus ke YB. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya Soalan 12.

No. 12. Masalah nilai tanah yang melambung tinggi.

- (a) Apakah *risk assessment* Kerajaan Negeri tentang kemerosotan pasaran hartanah di Pulau Pinang?
- (b) Adakah kemerosotan dan kelembapan dalam sektor hartanah akan membawa krisis ekonomi?
- (c) Apakah *back up plan* Kerajaan Negeri sekiranya *bubble* pasaran hartanah pecah pada masa akan datang?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Silakan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) 2016 pasaran hartanah di Negeri Pulau Pinang akan kekal pada landasan yang positif disokong oleh pelbagai projek pembangunan semasa dan juga akan datang. Segmen pembinaan subsektor kediaman dijangka bertahan memandangkan terdapat projek-projek perumahan yang sedang dibina termasuk pembangunan Perumahan Mampu Milik. Menurut laporan tersebut dengan usaha-usaha berterusan Kerajaan Negeri menyediakan Rumah Mampu Milik kepada rakyat, pasaran hartanah Pulau Pinang akan terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang.

Sektor hartanah merupakan sektor yang penting dalam ekonomi kerana memberi peluang dari segi pinjaman dan pegangan aset. Kejatuhan nilai hartanah tentunya akan memberi kesan yang negatif kepada nilai institusi perbankan apabila berlakunya peningkatan kadar kelalaian pembayaran pinjaman. Kelembapan dalam bilangan pindah milik hartanah yang boleh memberi kesan negatif kepada sektor hartanah dan prestasi ekonomi negara. Namun hal ini tidak berlaku di Negeri Pulau Pinang.

Pada masa ini dan dalam waktu yang terdekat kerana sektor hartanah dijangka akan terus kukuh dengan permintaan tinggi yang berterusan. *Housing bubble* atau gelembung perumahan berlaku apabila harga rumah meningkat kesan daripada peningkatan permintaan dengan penawaran yang terhad dan mengambil masa yang agak lama untuk menambahkan bekalan. Keadaan akan menjadi lebih serius apabila spekulator-spekulator memasuki pasaran dan meningkatkan permintaan. Secara teorinya gelombang perumahan ini akan pecah apabila permintaan menurun ataupun statistik ataupun statik dan pada masa yang sama berlaku peningkatan bekalan yang menyebabkan kedudukan jatuh mendadak harga rumah.

Berdasarkan laporan daripada kajian yang saya sebutkan tadi (NAPIC) pasaran hartanah di Pulau Pinang dijangka berkembang dengan positif. Data e-rumah juga menunjukkan permintaan Rumah Mampu Milik di Pulau Pinang adalah sangat tinggi iaitu sebanyak 42,139 buah, sedangkan penawaran yang boleh dibuat hanyalah sebanyak 24,415 bagi tempoh 2008 sehingga Oktober 2017.

Justeru dalam tempoh masa yang panjang pasaran hartanah di Pulau Pinang akan terus berkembang untuk memenuhi permintaan sedia ada dan akan datang. Bagi pemaju kos rumah mewah

dengan dana besar yang mereka miliki bolehlah membuat kajian kebolehlaksanaan projek berdaya maju sebelum melaksanakan sebarang projek perumahan yang mengelakkan lambakan rumah-rumah mewah.

Kerajaan Negeri pada masa ini melaksanakan dasar ekonomi yang terbuka seperti yang dilaksanakan di negara ini. Kerajaan hanya mengawal kerja dan syarat-syarat bagi pembinaan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik sahaja. Rumah-rumah jenis yang sedemikian mendapat permintaan yang sangat tinggi dan tidak pernah mencukupi.

Bagi rumah kategori dan kos sederhana ataupun kos mewah Kerajaan Negeri mengambil pendekatan berasaskan amalan ekonomi terbuka yang diamalkan di Malaysia. Pemaju hartanah yang bijak akan memulakan sumber yang ada untuk membuat pembangunan berdaya maju pada jangka masa yang panjang dan tidak bergantung kepada Kerajaan Negeri semata-mata kerana kerajaan mempunyai obligasi sosial dalam menangani isu hartanah. Iaitu untuk golongan berpendapatan sederhana dan berpendapatan yang rendah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Soalan tambahan. Terima kasih YB. Pantai Jerejak yang telah memberi jawapan. Saya ada satu soalan tambahan. Setujukah YB. Pantai Jerejak bahawa sekarang nilai hartanah khasnya untuk rumah-rumah yang kos sederhana atau mewah, *medium cost, high and low cost* telah sampai ke satu tahap yang di mana harga nilai rumah tersebut tidak mampu dimiliki oleh rakyat biasa di Pulau Pinang. Padahal rumah-rumah mampu milik yang diperlukan memang kekurangannya kepada rakyat di Pulau Pinang ini. Dan setujukah juga YB. Pantai Jerejak bahawa sebenarnya jika kita bagi pasaran terbuka tanpa apa-apa kawalan atau intervensi daripada kerajaan, maka kebanyakan pemaju-pemaju akan pilih untuk membina rumah-rumah mewah dan tidak membina rumah-rumah kos sederhana atau rendah. Inilah yang saya rasa sebagai tanggungjawab sosial sebagai satu kerajaan yang mungkin kena kaji balik tentang pasaran terbuka ini. Apa pandangan YB. Pantai Jerejak?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Kita tidak menafikan bahawa harga rumah yang tanpa kawalan ini boleh melambung tinggi. Bidang kuasa Kerajaan Negeri adalah terhad dalam mengawal harga-harga ini yang di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan untuk rumah mampu milik. Memang Kerajaan Negeri menghadkan untuk mengadakan, untuk mengawal rumah-rumah *low cost*, rumah *medium cost* dan juga rumah mampu milik sahaja. Penawaran dan juga permintaan yang tidak seimbang boleh berlaku dan meningkatkan harga rumah. Mungkin saya boleh minta EXCO Perumahan menjawab dan menggulung soalan ini kemudian.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dalam penggulungan ini nanti.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya YB. Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua soalan saya soalan 13.

No. 13. Sila nyatakan tindakan daripada Kerajaan Negeri untuk mengelakkan kemalangan jalan raya yang sering berlaku di Jalan Paya Terubong (bahagian selepas Pangsapuri Green Garden) oleh sebab lori besar atau bas kilang. Adakah kerajaan mempunyai cadangan atau alternatif untuk menghalang kenderaan besar mengguna Jalan Paya Terubong ke Relau atau Balik Pulau?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Soalan 13.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab Soalan 13 oleh YB. Paya Terubong. Beliau menanya mengenai tentang kesesakan lalu lintas dan sama ada kerajaan akan halang kenderaan berat melalui Jalan Paya Terubong.

Jalan Paya Terubong adalah Jalan Persekutuan yang berbukit dan liku-liku yang mempunyai jarak pandangan yang terhad. Oleh itu, JKR berusaha untuk memastikan pokok-pokok di tepi jalan tersebut diselenggara terbaik mungkin. Bagi mengatasi masalah had pandangan atau penglihatan yang boleh menyebabkan kemalangan, JKR telah menerima peruntukan Persekutuan sebanyak RM20,000 setiap tahun iaitu 2014, 2015, 2016 untuk melaksanakan kerja-kerja mencantas dahan pokok tepi jalan.

Dalam usaha JKR untuk memastikan jalan dalam keadaan selamat JKR telah melaksanakan kerja-kerja membaiki muka jalan di dua (2) seksyen dengan perbelanjaan RM200,000 pada tahun 2016 dan peruntukan RM400,000 di lima (5) seksyen pada tahun 2017. Pihak JKR juga dari masa ke semasa mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kementerian Kerja Raya untuk meningkatkan tahap keselamatan di jalan tersebut seperti penambahan cermin cembung, *convex mirror*, *blinker*, *road stud* dan lain-lain perabot jalan yang sesuai untuk meningkatkan keselamatan di jalan ini.

Setakat ini, belum ada cadangan untuk menghalang kenderaan berat dan besar dari melalui Jalan Paya Terubong dan Relau atau Balik Pulau. Saya difahamkan di jalan ini memang telah berlaku banyak kes-kes kerosakan kenderaan berat seperti treler panjang, bas dan juga *tanker*. Kenderaan berat ini membawa muatan yang lebih dan perlu mendaki bukit dan akhirnya kenderaan berat ini rosak dan sangkut di tengah-tengah jalan menyebabkan kesesakan lalu lintas.

Justeru itu, Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan yang berani dengan melaksanakan projek Jalan Bukit Kukus atau *Paya Terubong Pair Road*. Jalan ini mulai dari Lebu Raya Thean Teik ke Bukit Jambul. Projek ini mengandungi tiga (3) *segment* yang dilaksanakan oleh satu, pemaju swasta, Joe Valley sepanjang 800 meter panjang dengan kos RM120 juta dan peratusan pembinaan sekarang adalah 15%. Kedua pihak swasta PLB Land, akan membina 1.4 kilometer panjang dengan kos RM150 juta, peratus pembinaan sekarang 30%.

Dan yang ketiga, MBPP telah memperuntukkan RM275 juta untuk membina *segment* 2.8 kilometer dan pelaksanaan peratusan sekarang adalah lebih kurang 60% dan ke semua ini akan membelanjakan kos RM545 juta dan akan disiap pada awal tahun 2019. Bukan sahaja *Pair Road* ini dan dia akan menyambung ke Jalan Tun Sardon juga. Jadi bukan terus satu jalan saja tetapi ada cabang masuk ke Jalan Tun Sardon. Jalan Paya Terubong juga menghadapi runtuh tanah dan batu cerun, seperti yang berlaku pada tiga (3) hari yang lepas dan terpaksa untuk menutup jalan ini selama dua (2) hari. Jalan Paya Terubong ini telah dibuka semula kepada lalu lintas pada kelmarin pagi pukul 7.00 selepas pembersihan tanah-tanah runtuh dan batu-batu yang runtuh. Sekian sahaja.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Soalan tambahan. Yang Berhormat, memang saya menghargai usaha Kerajaan Negeri untuk membina Jalan Berkembar Bukit Kukus sebagai jalan alternatif untuk jalan ke Paya Terubong dan juga usaha pihak JKR yang telah memperuntukkan RM200,000 setiap tahun untuk membersihkan pokok-pokok dan cerun sepanjang Jalan Paya Terubong. Tetapi memang masalah Yang Berhormat mengakui bahawa kemalangan sentiasa disebabkan oleh kenderaan besar seperti bas kilang dan *trailer* dan lori besar. Sekiranya satu *survey* atau penyelidikan dibuat kita boleh mendapati banyak ramai orang awam memang berhasrat supaya kenderaan besar ini dihalang untuk menggunakan Jalan Paya Terubong pada buat masa kini. Saya berpendapat bahawa untuk kenderaan besar mereka masih boleh memakai, menggunakan jalan alternatif ke Daerah Barat Daya, mereka boleh melalui Green Lane atau Jalan Tun Dr. Lim Chong Eu untuk pergi ke kawasan Bayan Baru dan sekira nak pergi ke Balik Pulau mereka masih boleh menggunakan jalan melalui Teluk Kumbar. Jadi saya berasa sebelum Jalan Berkembar Bukit Kukus disiapkan, kita masih boleh mengkaji sama ada hendak menghalang kenderaan besar ini menggunakan Jalan Paya Terubong khususnya jalan di bahagian bukit. Memang kita tidak ingin menyusahkan kenderaan-kenderaan besar tetapi ini memang juga merupakan masalah yang selalu berlaku dan sangat berbahaya kepada pengguna jalan raya.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Penjelasannya?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya pun ada soalan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Ini soalnya. Adakah Kerajaan Negeri memang ingin melaksanakan halangan ini?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Dato' Yang di-Pertua, memang kita rasa langkah ini belumlah boleh dilaksanakan pada buat masa ini. Kerana sekiranya kita menghalang kenderaan berat untuk melalui peringkat jalan ini ia akan melambatkan segala-galanya seperti hendak mengangkut pekerja-pekerja daripada Air Itam pergi ke Bayan Baru dan *Vice Versus* dan juga pengangkutan bahan-bahan binaan dan segala-galanya. Jadi sebelum kita ada satu jalan alternatif, kita tak boleh laksanakan dengan tergesa-gesa buat masa ini jadi biarlah kita siapkan jalan baru iaitu Jalan Bukit Kukus pada awal tahun 2019. Sekiranya masalah masih berlaku sebegini maka bolehlah kita menimbang cadangan Yang Berhormat ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat yang telah memberikan penjelasan. Saya juga ingin tanya suatu soalan tetapi sebelum soalan itu, saya terima kasih di atas pembinaan Jalan Berkembar Bukit Kukus kerana ia memang akan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas. Maklumlah banyak pejabat kerajaan termasuk mahkamah, ada juga mahkamah di Balik Pulau, jadi bila berlakunya tanah runtuh dan kenderaan berat yang rosak di jalan itu ia menyebabkan kita mengambil masa yang lebih lama untuk sampai ke Balik Pulau. Juga kerana terdapat banyak kompleks-kompleks sukan dan pusat-pusat sukan di situ yang boleh digunakan bola sepak, futsal dan sebagainya.

Soalan cepumas saya ialah selepas jalan-jalan ini dibina, adakah mungkin jawapannya pendek kenakan apa-apa tol rakyat Pulau Pinang ingin tahu memang ia dibina bagi kemudahan rakyat di Pulau Pinang untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas pada masa yang sama adakah Kerajaan Negeri akan mengenakan apa-apa tol ke atas pengguna-pengguna di atas jalan raya ini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Untuk menjawab soalan daripada YB. Seri Delima, Kerajaan Negeri tidak akan mengenakan sebarang tol di jalan-jalan yang bakal dibina oleh Kerajaan Negeri selain daripada terowong di bawah dasar laut sebab itu akan membelanja satu jumlah RM2.3 bilion dan perlu juga kos-kos untuk menyelenggara terowong dasar laut sekiranya berjaya dibinakan dan tadi saya ada kata jalan-jalan baru ini yang sedang dibina RM545 juta tetapi Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengenakan sebarang tol atas jalan ini atau jalan-jalan yang sekarang kita sedang merancang iaitu di bawah Penang *Transport Master Plan*. Semua jalan tidak akan dikenakan selain daripada terowong bawah dasar laut.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, saya cuma nak ucapkan jutaan terima kasih bagi pihak rakyat Pulau Pinang di atas pengumuman tersebut. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih. YB. Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan saya soalan nombor 14.

No. 14. Pembangunan Perumahan di Bukit Mertajam berkembang dengan pesat. Huraikan dengan teliti apakah dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan infrastruktur seperti sistem lalu lintas, sistem perparitan, hospital dan sekolah dapat menampung keperluan jumlah populasi penduduk dan kenderaan yang kian bertambah?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Soalan dari YB. Berapit. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dalam memastikan penyediaan infrastruktur seperti sistem lalu lintas, perparitan, hospital dan sekolah mencukupi untuk menampung keperluan penduduk di kawasan Bukit Mertajam. Antara dasar-dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan hal ini adalah seperti berikut:

- Penyediaan jaringan dan rangkaian jalan berdasarkan Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah.
- Penyediaan jajaran jalan mengikut kelebaran, *carriage way* yang telah ditetapkan di dalam Arahan Teknik Jalan (ATJ).
- Ketiga penyediaan sistem perparitan berdasarkan Pelan Induk Perparitan Bukit Mertajam, Pelan Induk Tebatan Banjir dan Saliran Mesra Alam Seberang Perai Tengah.
- Mengemukakan Laporan Impak Trafik dengan mengambilkira kapasiti trafik sedia ada di Bukit Mertajam.

Sekian.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan tambahan saya. Sekarang masalah yang dihadapi oleh Berapit ialah pembangunan yang pesat di perumahan yang sedia ada. Satu kes iaitu Taman Bukit Mertajam Indah, perumahan yang baru. Disebabkan perumahan baru ini tidak disediakan air tangki, dan mereka meminjam air tangki dari Taman Bukit Indah dan mereka menghadapi masalah *water pressure*, rumah belum diduduki penuh, tetapi penduduk yang baru masuk rumah itu tidak dapat menggunakan air pada waktu balik sampai rumah petang. Apakah Kerajaan Negeri memantau *developer* untuk mereka apabila membina perumahan akan sediakan tangki atau air yang cukup dan disebabkan berlakunya bencana alam ada 4 November 2017, apakah Kerajaan Negeri tempatan untuk memantau *developer – developer* di Pulau Pinang? Projek mereka adakah mematuhi semua *rule and regulation* di bawah *local government* seperti tangki air yang cukup, *water retention pond* yang mengikut undang-undang di perumahan. Kalau tak salah dahulu mereka kena sediakan 20 tahun untuk *retention pond*, dan pada *term* yang lepas 2010 atau 2011 kita menambahkan sampai 50 tahun tetapi adakah *developer-developer* mengikut arahan atau *guide line* dari Kerajaan Negeri sebab kalau mereka mengikut, *retention pond* yang dalam yang cukup menampung air itu akan mengurangkan banjir kilat di taman-taman, ini soalan tambahan daripada saya.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih YB. Berapit atas beberapa soalan berhubung dengan pembangunan di kawasan Bukit Mertajam, pertamanya dalam kes Taman Bukit Mertajam Indah, Kebenaran Merancang telah pun diluluskan oleh MPSP tetapi pembantah dinasihat untuk kemukakan rayuan kepada Lembaga Rayuan. Kalau mereka berpandangan bahawa kelulusan yang diberikan oleh MPSP tidak mematuhi syarat-syarat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, MPSP sebagai jabatan yang menerima permohonan, menimbang permohonan dan membuat keputusan terhadap permohonan dalam proses ini adalah berdasarkan kepada banyak jabatan-jabatan teknikal sama ada dalaman iaitu dalam MPSP mahupun jabatan-jabatan teknikal di luar MPSP.

Dalam kes ini, dalam kelulusan awal projek ini satu tapak untuk mendirikan pam air memang diluluskan dan didapati pemaju telah kemukakan satu permohonan untuk tukar guna tapak ini untuk tujuan landskap dan tidak membina rumah pam yang diluluskan sebelum ini. Berdasarkan kepada permohonan ini ulasan teknikal diperolehi dan khususnya dalam kes ini PBA sebagai badan yang bertanggungjawab telah memberi ulasan tiada halangan iaitu rumah pam itu tidak perlu dibina. Itulah ulasan yang diterima oleh pihak berkuasa air kepada MPSP dan OSC menimbang dari pelbagai sudut dan menerima ulasan PBA sebab PBA adalah badan teknikal dan kalau lah pembantah kemukakan kes ini kepada Lembaga Rayuan, maka PBA perlu dipanggil untuk mempertahankan ulasan teknikal mereka mengapa tapak ini tidak perlu membina rumah pam sepertimana diluluskan sebelum itu. Itulah PBA perlu jawab kepada Lembaga Rayuan kalau kes ini dikemukakan.

Saya rasa MPSP dan mana-mana PBT yang diberi kuasa ini perlu juga mematuhi segala syarat dan pemaju pun perlu mengikut syarat yang ditetapkan oleh setiap agensi. Dalam regim baru ini tanggungjawab ini sekarang terletak kepada *Principal Submitting Person* iaitu *Planner*, Arkitek atau

Engineer tidak lagi OSC. CCC, *Certificate Of Completion* itu sekarang menjadi tanggungjawab PSP yang perlu mendapat ulasan dan kelulusan pematuhan setiap agensi yang meletakkan syarat itu, maka sebelum mereka mengesahkan *Certificate Of Completion*, mereka perlu mendapat surat sokongan daripada setiap agensi itu bahawa segala syarat sudah pun dipatuhi sebelum CCC itu dapat dikeluarkan maka beban sekarang terletak kepada PSP tetapi pihak Majlis pun akan semak sama ada kelulusan yang diberikan oleh PSP ini sama ada teratur atau tidak, itulah prosedur yang kita ikut sekarang. Tak ada kes-kes di mana syarat itu tidak dipatuhi melainkan ia diberikan kelonggaran atau pengecualian.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan tambahan saya. Ada khabar yang diberitahu saya apabila *developer* membentangkan projek mereka, *consultant* mereka akan bagi pandangan mereka dan selalunya Kerajaan Tempatan akan ambil apa yang mereka *present*. Adakah Kerajaan Negeri kita apabila meluluskan sesuatu projek kita adakan satu *team* yang *professional enough to monitor* pembangunan perumahan? Adakah apabila perumahan itu disiap sediakan Kerajaan Negeri Tempatan pegawainya masuk untuk membuat *survey* seperti yang berlaku di kawasan saya Aston Villa? Mereka menjual rumah itu mengatakan rumah mereka iaitu *Gated And Guarded* tetapi Pelan mereka masuk ke MPSP tak ada dan itu menjadi masalah. *Monitoring* sebelum mereka membina, selepas mereka membina *inspection* yang ketat diperlukan dan soalan saya ialah memandangkan kesesakan lalu lintas di Bukit Mertajam yang tadi YB. Padang Kota dah beritahu saya yang akan meneliti atau menaik taraf jalan tetapi sampai hari ini pun jalan raya di Bukit Mertajam belum ada jalan baru dan sesak jalan masih berlaku dan apa yang tadi saya sebut itu saya perlu jawapan yang tepat daripada Kerajaan Negeri, ini bukan satu tuduhan tetapi saya khuatir kalau *developer-developer* tidak mengikut semua *guideline* ini akan menjadi masalah pada masa hadapan apabila menjadinya bencana seperti ribut taufan atau hujan lebat dan setahu saya ini khabar angin mereka kadang-kadang tidak mematuhi seperti yang berlaku di....(gangguan)

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ringkaskan, saya rasa soalan dah dapat dah.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Apabila *meeting* mereka janji bagi satu jalan untuk perumahan kampung yang di belakang perumahan Advango tetapi sudah siap itu jalan tidak dibikin. Ini ialah masalah *developer* yang tidak mematuhi apa yang dijanjikan, soalan saya Kerajaan Negeri boleh *fine* mereka atau membaharukan undang-undang untuk mengetatkan semua perumahan yang tidak mematuhi *guide line* di bawah Kerajaan Negeri Tempatan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Di negara Malaysia cukup undang-undang untuk mengawal apa yang dibangkitkan oleh YB. Berapit dan saya tidak cadang mengulangi dan saya tidak cadang menjawab soalan berdasarkan kepada khabar angin.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya YB. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 15, terima kasih.

No. 15. Sila jelaskan status terkini Projek-projek Kerajaan Negeri seperti berikut:

- (a) Projek Terowong Dasar Laut (Link Ketiga) yang menghubungkan Persiaran Gurney dengan Bagan Ajam.
- (b) Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) termasuk LRT/Monorel.
- (c) Pembinaan/tambahkan tiga (3) buah pulau baru di selatan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Walaupun bukan soalan banjir, saya pun masih dibanjiri soalan, untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB. Penaga *Penang Transport Master Plan*, Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang merangkumi beberapa projek utama iaitu Projek Bayan Lepas ke KOMTAR LRT, Projek Lebuhraya *Pan Island Link I* dan Projek Jalan-jalan Utama dan Terowong. Berikut merupakan butiran

lanjut mengenai pelaksanaan dan kos projek-projek tersebut.

(a) Projek-Projek Jalan Utama Dan Terowong.

Bagi projek-projek jalan utama, kelulusan wajib yang diperlukan dalam pelaksanaan projek ini adalah kelulusan laporan *Detailed Environmental Impact Assessment*. Laporan DEIA ini telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 21 April tahun ini untuk pertimbangan. Makluman terakhir yang dipohon oleh pihak Jabatan Alam Sekitar pada 8 September telah pun dikemukakan pada 19 November, September maaf dan kini kita mengharapkan keputusan Jabatan Alam Sekitar sebelum projek ini dapat dimulakan. Manakala bagi projek terowong ianya masih dalam peringkat kajian kebolehlaksanaan dengan status kajian mencapai sebanyak 92.9% projek ini masih belum bermula secara fizikal dan tertakluk kepada keputusan laporan kajian kebolehlaksanaan. Laporan kajian ini akan dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan setelah ianya siap.

(b) Bagi projek LRT.

Pada ketika ini kita masih menunggu dua kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu kelulusan DEIA dan juga kelulusan skim *rail*, laporan DEIA telah dikemukakan pada JAS pada 31 Mei tahun ini untuk pertimbangan kelulusan, manakala *Railway Scheme* pula telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau SPAD pada 29 Mac tahun 2016 dan ianya masih dalam penelitian pihak SPAD. Kelewatan daripada SPAD adalah disebabkan SPAD sedang memberi tumpuan kepada penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara adalah difahamkan bahawa kelulusan skim *rail* ini tertakluk kepada Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara yang dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2018.

(c) Mengenai projek tebus guna tanah di Selatan Pulau Pinang laporan DEIA telah dikemukakan pada 28 April tahun ini dan sekarang menunggu keputusan daripada Jabatan Alam Sekitar. SRS Konsortium selaku rakan pelaksana projek yang dilantik oleh Kerajaan Negeri telah siap laporan DEIA untuk projek ini yang melibatkan tanah seluas 4,500 ekar dan ianya dikemukakan kepada JAS pada tahun ini berdasarkan syarat-syarat *Letter Of Offer* yang telah ditawarkan kepada SRS Konsortium. Konsortium ini bertanggungjawab untuk mendapat kelulusan wajib daripada Kerajaan Persekutuan. Projek penambakkan ini masih belum bermula secara fizikal sebab masih menunggu kelulusan yang wajib. Sekian.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Soalan tambahan. Berkaitan dengan soalan saya tadi, saya ingin bertanya saya nampak semua projek ataupun projek-projek yang disebutkan tadi belum lagi mendapat kelulusan sama ada DEIA atau SPAD, saya ingin bertanya setakat hari ini berapa kos yang telah dibayar kepada Konsortium ataupun kepada *Consultant* atau sebagainya *total cost* dan kalau boleh beri secara terperinci. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Bahagian pertama mungkin dalam sesi bahas rakan saya YB. Bagan Jermal boleh membantu manakala bagi SRS Konsortium setakat ini mengikut *letter of award* tak ada apa-apa bayaran diberikan kepada SRS Konsortium.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, satu jam tiga puluh minit untuk soalan lisan telah tamat selaras dengan Subperaturan 26(7) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletak di atas meja Ahli yang bertanya sebentar lagi dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat sesi perbahasan Rang Undang-Undang Pembekalan Tahun 2018 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2018. Ahli-ahli Yang Berhormat siapa yang ingin mengambil bahagian. Silakan YB. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh selamat pagi dan salam sejahtera. YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Ucapan Bajet 2018 Negeri Pulau Pinang yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 2 November 2017 yang lalu. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan mengemukakan kegembiraan kami di sini diatas pihak Dewan Undangan yang telah mengadakan seni hiasan di dalam Dewan di luar dan di dalam Dewan ini dengan bunga-bunga ia telah dapat menceriakan kita di dalam suasana muram yang sedang kita hadapi ini walaupun kita menjadi cemas dan bimbang hari itu apabila menengok gambar yang tular bahawa Dewan pun dinaiki air hari itu tetapi tak sampai ke dalam ini agaknya.

YB. Dato' Timbalan Speaker, kita semua sedang bersedih kerana kita menghadapi satu malapertaka yang telah melanda Negeri Pulau Pinang pada 4 November hingga 5 November dengan hujan lebat yang berterusan yang telah menyebabkan banyak kawasan di Pulau Pinang telah terjejas dengan banjir besar bahkan hujan lebat yang turun puratanya melebihi jumlah purata tahunan seratus tahun ini iaitu *average recurrent interval* (ARI) 100 tahun telah menyebabkan setengah-setengah kawasan menerima jumlah hujan sebanyak sebulan setengah dalam masa sehari. Jadi ini adalah satu faktor utama yang telah menyebabkan kawasan-kawasan banjir tetapi YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan kalau kita boleh lihat gambar-gambar yang telah diposkan di dalam media sosial, kita boleh melihat gambar kawasan banjir di kawasan Seberang Perai ada berlainan sedikit dengan kawasan banjir di Pulau Pinang iaitu gambar-gambar di Bandaraya George Town dan di kawasan Pulau Pinang banjirnya macam air teh tarik tetapi di sebelah Seberang Perai ia tidak berwarna itu, ada perbezaan dan ada juga sebabnya kenapa berlakunya keadaan begitu. Kita juga kalau lihat topografi Pulau Pinang, kita boleh melihat bahawa kawasan pulau mempunyai sungai-sungai yang pendek dari tulang belakang Bukit Bendera itu turunnya cepat mengalir ke laut dan bila air melimpah ke kawasan dataran, kawasan pamah berwarna teh tarik. Sebelum ini rakan saya pada tahun pertama sudah bercakap pasal banjir teh tarik ini, ini adalah manifestasi beberapa perkara yang perlu diperhalusi, kenapa air macam itu dan kenapa air di Seberang Perai tidak terjadi warna teh tarik.

Ingat pada sejarah yang berlaku pada tahun 2003, bila banjir besar berlaku, YB. Bagan Jermal masih ingat pada masa itu Ahli Parlimen Bagan, banjir besar berlaku pada tahun 2003 yang tenggelam hampir 1/3 adalah Seberang Perai, kawasan pulau tidak jadi banjir besar hanya sedikit kawasan di Balik Pulau dan...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Ada juga.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Ada juga lah, tahun 2003, belum jadi YB. pun lagi masa itu. Jadi, banjir besar pada masa itu dan selepas itu Kerajaan Pusat telah mengeluarkan perbelanjaan sebanyak lebih RM500 juta untuk projek tebatan banjir meluruskan Sungai Muda kerana di Seberang Perai yang berlaku banjir besar pada masa itu adalah kerana hujan daripada hulu dari Kedah yang turun melimpah ke kawasan-kawasan di Seberang Perai. Kalau kita ingat lagi selepas 2003 banyak peruntukan diberikan untuk membina pusat-pusat penempatan banjir di banyak kawasan-kawasan yang kritikal dan bila dah ada projek tebatan banjir itu, pusat-pusat ini pun telah tidak digunakan telah ditukar guna menjadi kelas-kelas pengajian, dewan orang ramai kerana sudah tidak banjir lagi, sehinggalah apa yang berlakunya sekarang. Jadi, bila berlakunya banjir besar ini juga.

Saya ingin mengimbas kembali tahun 2004, 26 Disember, bila berlakunya Tsunami. Bila berlakunya Tsunami ini bagaimana kita rakyat Pulau Pinang terutamanya yang tinggal di kawasan-kawasan yang kritikal dan strategik seperti kawasan tepi pantai, tepi sungai begitu tidak bersedia untuk menghadapi bencana-bencana seperti ini. Bila berlaku Tsunami di Aceh ia mengambil masa dekat 24 jam untuk ombak besar itu datang ke pantai kita dan orang ramai di kawasan pantai pada waktu itu adalah waktu siang waktu petang berkelah, mencari siput dan sebagainya. Tidak tahu bahawa alamat-alamat yang terjadi itu bila pantai laut itu surut dengan begitu besar sekali ikan melompat-lompat naik ke

darat dan penduduk di kawasan pantai yang sedang berkelah itu seronok menangkap ikan, berpesta, rupanya itu alamat hendak datang ombak besar dan bila datang tentulah berlaku kematian, mati lemas dan sebagainya. Kawasan saya duduk di tepi pantai Teluk Ayer Tawar. Bila berlaku Tsunami di Aceh itu kita rasa, kita baca-baca memanglah akan datang ombak besar ke kawasan kita, saya telefon Bilik Gerakan Seberang Perai Utara (SPU), saya kata Tsunami di Aceh ini kita akan dapat juga kesannya, apa kita hendak buat? Jawapan daripada pusat bilik gerakan berkata kami tidak dapat arahan, kami tidak tahu hendak buat apa. Itu lah dia. Pokoknya kita tidak bersedia, jadi saya ingat kita ambil tindakan dan inisiatif sendiri sebab saya ada Kuala Sungai Abdul ada dekat 200 bot nelayan *park* di situ, tidak boleh buat apa. Saya pakat dengan JKKK dan sebagainya kita cari tempat angkat bot jengkaut, angkat bot-bot yang di kuala itu ke atas dan *sure enough* datang ombak besar dan masuk ke kuala dan menghempas semua bot-bot yang mana ada yang tidak sempat diangkat, kerugiannya pun besar. Jadi itu ketidaksiap siagaan kita Kerajaan Negeri, Majlis Tindakan dan sebagainya, itu dulu tahun 2004.

Jadi sekarang 2017, banyak masa sudah berlalu tetapi sebelum itu saya hendak bercerita sedikit bahawa pada bulan lepas Jabatan Meteorologi membuat *rehearsal*, ujian kaji siaran Tsunami di kawasan saya, panggil saya, saya pun pergi dan ia melaporkan boi (pelampung-pelampung) yang dahulu dipasang untuk mengesan Tsunami yang dipasang dahulu dua (2) tahun selepas itu, setahun selepas itu maknanya tahun 2005 semua sudah rosak dan hilang, tidak ada pun, tidak dipasang balik. Jadi kita kena ingat bila berlaku Tsunami dahulu jabatan, *saemic prediction*, ramalan bahawa satu gegaran besar di kawasan Aceh juga akan berlaku di masa masa hadapan tidak tahu bila. Kita tidak tahu sebab kita ini dekat juga kalau berlaku lagi gempa di Pantai Aceh bermakna musibah itu akan tempas juga di kawasan kita. Dengan keadaan kita tidak bersedia, pasang pusat siren untuk beri maklumat kepada orang ramai sahaja tidak cukup banyak lagi sistem-sistem amaran yang perlu dibuat, itu baru tentang Tsunami sahaja. Jadi di sini bercakap tentang banjir besar di Pulau Pinang saya dan rakan-rakan semua ingin menzahirkan, merakamkan rasa sedih dan simpati kita kepada semua rakyat yang telah terjejas dengan banjir besar yang berlaku di negeri baru-baru ini. Masa kita bercakap dalam Dewan ini pun sesetengah kawasan masih lagi ditenggelami air, ramai lagi penduduk dalam 6,000 orang masih lagi di pusat-pusat pemindahan dan belum boleh balik lagi ke rumah masing-masing kerana air belum surut habis lagi. Walaupun telah ada yang telah pun selamat balik ke kawasan dan terutama sekali di belah Pulau telah surut kecuali di sesetengah tempat.

Juga kita begitu kagum sekali bagaimana apabila berlaku krisis besar macam yang berlaku di Pulau Pinang ini kesatuan atau semangat perpaduan yang begitu kuat telah ditunjukkan oleh rakyat Pulau Pinang, ianya dizahirkan melalui kerjasama yang begitu baik dan erat yang telah ditunjukkan oleh berbagai pihak bukan sahaja agensi Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, pihak tentera, Polis, Rela dan pelbagai, JPAM dan juga Kerajaan Negeri, agensi-agensi Kerajaan Negeri dan NGO-NGO, orang ramai, pihak swasta. Walaupun hari pertama dan kedua memang masalah untuk kita menyediakan penempatan banjir dan masalah untuk memberi makanan, bekalan kepada mangsa-mangsa banjir tetapi sekarang kalau kelmarin pun saya pergi pusat pemindahan, kita boleh lihat barang-barang keperluan bekalan dan sebagainya semua sudah berbukit-bukit. Saya ingin merakamkan penghargaan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ke atas semua pihak bagi pihak kawan-kawan semua dan saya pasti semua rakyat Pulau Pinang begitu bersyukur dan berterima kasih di dalam bersedih dan kita amat bersimpati ke atas mereka dan kita juga bangga di atas kesudian dan kesediaan semua pihak untuk membantu dan haruslah disebut di sini bantuan itu masih lagi diperlukan kerana lepas dah surut air, mangsa semua balik ke rumah, fasa kedua bermula hendak kautkan selut yang telah melekat di kawasan rumah dan juga masalah mangsa-mangsa yang terpaksa membina semula kehidupan mereka di dalam keadaan kebanyakannya yang telah kehilangan segala-galanya. Kerugian yang tidak dapat kita jumlahkan, jadi kesedihan dan perasaan begitu menebal di kalangan rakyat Pulau Pinang ini.

Di samping kita bersimpati itu banyak pihak telah membuat analisa dan menuding jari di sana sini. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri harus mengambil iktibar, bermuhasabah di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan ini supaya ianya dapat menjadi satu benda yang perlu diberi pertimbangan yang serius. Jadi ini lah kita dapati banyak yang menyatakan bahawa sekali lagi seperti mana yang berlaku semasa Tsunami itu, kita tidak bersedia untuk menghadapi musibah besar seperti yang berlaku baru-baru ini. Harus diingatkan bahawa Jabatan Meteorologi telah pun memberi amaran kuning pada 1 November 2017, kita di *traffic light* itu kalau kuning, itu maknanya berjaga-jaga, tetapi kita tidak pun berjaga-jaga bila dapat amaran kuning itu. Ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri dengan sistem yang ada ini tidak mempunyai kesediaan dan bila dapat amaran *orange* sudah tahap merbahaya sudah terlewat untuk mengambil tindakan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Penjelasan. Adakah YB. Teluk Air Tawar akan meminta Jabatan Meteorologi supaya memberi ramalan cuaca lebih awal kerana buat masa sekarang ramalan itu memang lambat apabila kita menghadapi saja ribut atau apa-apa barulah keluar ramalan itu, itulah yang kita risau.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Kenyataan akhbar oleh Jabatan Meteorologi mereka memberi amaran itu pada 1 November 2017, kita mendapat hujan lebat itu pada 3 November 2017, maknanya sudah awal mungkin hendak lebih awal. Saya tidak tahu sama ada boleh atau tidak dapat lebih awal maklumat itu tetapi kita semua di rumah pun kalau tengok televisyen telah pun juga ada ramalan cuaca hari-hari selepas berita.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) :

Penjelasan Telok Ayer Tawar. YB. Telok Ayer Tawar, saya amat berminat mungkin saya sendiri pun sebenarnya tidak *aware* yang ada amaran kuning, oren ini. Mungkin kaedah penyampaian itu tidak mencukupi melalui tv dan sebagainya, mungkin perlu ada kaedah lain contohnya bila ada satu amaran awal yang memungkinkan berlakunya malapetaka, selain daripada siaran radio, tv, begitu juga diharapkan Jabatan Penerangan untuk keluar ataupun memberitahu kerana ini penting. Apa yang berlaku hari ini, kerosakan harta benda adalah kerana mereka tidak bersiap sedia untuk menghadapinya. So, apa pandangan YB. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya, kena kajilah. Di mana kita lemah, dimana kita kurang dan tentu sekali apa yang berlaku ini menunjukkan kita lemah, kita kurang. Maknanya bila tidak bersedia itu, maknanya tidak cukup tindakan yang dibuat, tindak balas terhadap amaran-amaran yang telah diberi dan kenalah menganalisa kelemahan ini untuk diatasi.

Saya ingin menarik perhatian Dewan, apa yang berlaku pada 2004. *Sorry*, 2005 di New Orleans, Amerika bila berlaku Taufan Katarina. Begitu besar sekali malapetaka itu dan menyebabkan hampir semua New Orleans tenggelam. Bahkan sampai sekarang pun selepas 12 tahun, New Orleans masih belum dapat pulih semula sepenuhnya. Bahkan setengah kawasan-kawasan yang begitu teruk terlibat ditinggalkan terus, penduduk tidak mahu duduk situ dah, dan tidak boleh dibangunkan semula.

Mungkin juga negara Amerika yang begitu besar yang mempunyai kemudahan dan kewangan yang besar, tidak boleh memberi pampasan secukupnya untuk memulihkan kesengsaraan yang berlaku pada rakyat New Orleans. Kita boleh pergi sekarang, boleh tengok, masih lagi. Bahkan menjadi satu rencana yang keluar bertalu-talu tentang masalah, kesan banjir yang berlaku di New Orleans, Amerika. Biarlah itu menjadi ikhtibar kepada kita. Dalam kita duk kata amaran-amaran ini semua, Amerika pun belum dapat mengatasinya. Tetapi itu 2005, mungkin sekarang mereka lebih bersedia dan kita pun harap Kerajaan Negeri dapat bekerjasama dengan semua pihak terutama sekali di dalam usaha untuk membuat persediaan daripada ramalan-ramalan, daripada keadaan-keadaan yang berlaku supaya ianya dapat diatasi dan dihindari dengan lebih berkesan untuk mengelakkan rakyat Pulau Pinang sengsara.

YB. Dato' Timbalan Speaker, kelmarin apabila Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri memberi laporan kepada Perdana Menteri di Bilik Gerakan Seberang Perai Utara, Pejabat Daerah Seberang Utara. Dimaklumkan bahawa pihak JPS akan memerlukan RM1 bilion untuk melaksanakan 13 projek Tebatan Banjir untuk Pulau Pinang.

Jadi di sini, kita pun tahu dan selalu dinyatakan di dalam Dewan ini, duit daripada Kerajaan Pusat yang telah dijanjikan tidak turun, Perdana Menteri juga, Y.A.B. Perdana Menteri juga menyatakan bahawa RM150 juta telah pun diluluskan. Dan saya percaya peruntukan-peruntukan tambahan akan dipertimbangkan untuk melaksanakan projek-projek strategi untuk mengatasi masalah ataupun projek-projek Tebatan Banjir di Negeri Pulau Pinang.

Soalannya saya di sini saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri kalau selama ini begitu serius sekali untuk mengatasi masalah pengangkutan, sehingga mewujudkan ataupun melaksanakan satu *Penang Transport Master Plan*, Pelan Induk Pengangkutan Negeri. Jadi di dalam suasana keadaan yang telah berlaku di Negeri Pulau Pinang ini, seharusnya disemak semula strategi itu, perlulah juga diberi keutamaan yang penting, yang besar ke atas pelan-pelan ataupun Pelan Struktur Pengairan Saliran untuk Negeri Pulau Pinang dan kalau Kerajaan Negeri bersedia untuk belanja lebih RM300 juta untuk buat kajian *feasibility* ini, sanggup pula jual tanah dan sebagainya untuk membiayai kajian sahaja, dan juga lain-lain pelaksanaan projek jalanraya dan sebagainya. Masanya sudah sampai untuk Kerajaan

Negeri memberi keutamaan yang sama besar ke atas projek-projek mitigasi, projek-projek pengairan dan saliran untuk Negeri Pulau Pinang kerana tidak payahlah tunggu sampai ada ADUN-ADUN *backbenchers* sendiri dalam Dewan ini menitiskan air mata, sampai ada ADUN-ADUN yang begitu bersedih dan kecewa sampai nak keluar daripada Parti. Sebenarnya kita semua sudah tahu kita semua memahami, seluruh Negeri Pulau Pinang menangis sekarang. *The whole Penang is crying*. Kita dalam Dewan ini pun menangis, walaupun kita mungkin tidak terjejas dengan banjir, kita begitu bertungkus-lumus untuk membantu mereka dan merasa begitu tidak mampu untuk menyelesaikan semua masalah mereka. Jadi, YB. Dato' Timbalan Speaker, *let's cry no more*. Janganlah biarkan Pulau Pinang terus menangis.

Jadi YB. Dato' Timbalan Speaker, kekecewaan itu saya rasa telah menular di kalangan rakyat Pulau Pinang dan mereka pun banyak sedang memikir hala tuju Pulau Pinang, apa yang harus diberi pertimbangan sama ada Kerajaan Negeri telah cukup melaksanakan tindakan untuk mensejahterakan rakyat Pulau Pinang.

YB. Dato' Timbalan Speaker, prinsip utama bajet marhaen yang dibentangkan oleh Ketua Menteri ialah untuk memastikan kehidupan dan kebajikan rakyat Pulau Pinang kalis masa depan. Lakaran 10 tahun hadapan unjuran kita boleh dapati, unjuran pertumbuhan KDNK sebanyak 6% untuk Negeri Pulau Pinang adalah satu cita-cita yang besar.

Sebenarnya Bank Dunia telah menyemak semula juga, pertumbuhan ekonomi Negara Malaysia. Pada separuh tahun pertama 2017 kepada 5.7%. Defisit fizikal negara juga menurun daripada 6.7% daripada KDNK pada tahun 2009 kepada 3% pada tahun 2017 dan pada tahun 2018, akan terus turun ke 2.8%. Kesan atau impaknya kepada Negara Malaysia adalah pengrafan kredit Malaysia di peringkat A- dengan prospek yang stabil iaitu hasil daripada pengurusan urus tadbir ekonomi yang baik.

Jadi bahawasanya Pulau Pinang telah membuat unjuran yang tinggi ke atas pertumbuhan KDNK untuk tahun hadapan, adalah dan juga unjuran pengangguran yang turun bawah paras purata negara, adalah satu testimoni bagaimana Pulau Pinang sebagai satu daripada negeri dalam Persekutuan Malaysia, telah dapat sama-sama melayari arus pembangunan perdana yang mampan oleh negara Malaysia, yang diurus tadbir dengan baik dan impak besar yang memberi impak besar kepada Negeri Pulau Pinang.

Ini dizahirkan lagi dengan aliran masuk pelaburan dari luar negara ke Negeri Pulau Pinang, hasil daripada hubungan baik Malaysia dengan negara-negara dagang seperti Amerika Syarikat, China, India dan Arab Saudi yang memberi keyakinan mereka untuk datang melabur ke negara ini, dan juga dikenalpasti melalui agensi-agensi yang bekerja keras membawa sebahagian daripada pelaburan asing ini ke Negeri Pulau Pinang.

Pengumuman oleh Y.A.B. Perdana Menteri, bahawa peruntukan akan diberi kepada Pulau Pinang untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah bukti bahawa Kerajaan Persekutuan tidak mengabaikan atau menganaktirikan Pulau Pinang, walaupun diperintah oleh pembangkang yang sentiasa menidakkan, mengecil-gecilkan segala usaha Kerajaan Pusat dan melemparkan pelbagai tuduhan-tuduhan negatif kepada Kerajaan Barisan Nasional di Putrajaya.

Ini termasuklah bantuan yang diberi kepada Pulau Pinang untuk mengurangkan 95% hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dengan Perjanjian Pengstruktur Air yang dibuat pada tahun 2011. Bila Kerajaan Negeri memindahkan hutang sebanyak RM655.24 juta dengan memajak aset air dengan hanya membayar RM14.56 juta setahun balik kepada Kerajaan Pusat. Ketua Menteri mendabik dada menyatakan itu semua hasil kecekapan urus tadbir 'CAT' Pulau Pinang. Sebenarnya umum sudah tahukan, hakikatnya adalah bukan urus tadbir, tetapi hasil daripada pengstruktur semula aset air Negeri Pulau Pinang.

Sehubungan dengan itu juga, perlulah diakui bahawa kenaikan pendapatan isi rumah di Negeri Pulau Pinang adalah hasil sumbangan dari penambahan pendapatan boleh guna ataupun *disposable income* yang dinikmati oleh 391,494 orang penerima BRIM di Pulau Pinang dengan jumlah terimaan sebanyak RM349,023,900.00 untuk tahun 2017. Di mana dari jumlah penerima itu, 55% adalah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. 6.53% berpendapatan RM3,000 sehingga RM4,000 sebulan dan 3.81% adalah kategori individu yang dapat pendapatan RM2,000 ke bawah.

Sekiranya bajet tahun 2018, Kerajaan Negeri adalah bajet yang mengutamakan golongan marhaen iaitu jumlah kumpulan berpendapatan bawah ataupun N40 dan B40, prinsipnya adalah bajet kalis masa hadapan, *future proof* hendaklah pada asasnya perancangan untuk menyelesaikan beberapa isu yang membelenggu masyarakat marhaen ini, diberi keutamaan bajet tersebut.

Oleh itu, dengan taburan beberapa sumbangan-sumbangan projek emas ini, ibu emas, warga emas, anak emas dan sebagainya. Harulah dikepilkan dibagikan, kena bagi pancing pula dengan usaha untuk mengeluarkan masyarakat-masyarakat ini daripada terperangkap di dalam *low income trap* atau perangkap pendapatan rendah. Bukan saja kecualikan lesen penjaja. Apa yang penjaja lebih perlu ialah tempat-tempat menjaja yang boleh mereka dapat lesen di tempat-tempat yang strategik yang bukan kalis masa depan tetapi kalis kompaun. Masalah penjaja pun sama mereka terpaksa menjaja di kaki-kaki lima, di tepi-tepi jalan kerana kawasan-kawasan niaga untuk penjaja ini kurang dan kita tentu untuk mencapai kemajuan untuk negara maju kita tidak mahu rakyat terpaksa menjaja di tepi-tepi jalan dan kita tidak menyediakan kemudahan-kemudahan yang sesuai, yang elok, yang bersih dan strategik.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan. Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat tentang bajet ini? Adakah bajet ini bajet marhaen atau bajet ini menasaskan orang yang marhaen? Kalau apa Yang Berhormat cakap tadi ia tidak menasaskan orang yang marhaen. Masalah isu-isu peniaga kecil ini adalah orang yang marhaen yang memerlukan pertolongan daripada Kerajaan Negeri untuk melancarkan ekonomi mereka. So bajet marhaen ataupun bajet untuk orang marhaen pandangan YB. Telok Air Tawar?

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kalau kata bajet untuk orang marhaen tidak juga tepat sebab tidak ada juga kemudahan atau penyediaan peruntukan untuk meningkatkan kategori marhaen ini daripada keadaan mereka. Jadi oleh itu bila sebut bajet marhaen ini adalah satu pengakuan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa setelah sepuluh tahun memerintah Negeri Pulau Pinang ini masih marhaen. Setuju? Masih lagi dalam keadaan yang marhaen. Kita tidak menggunakan istilah itu jadi yang mengguna itu mengakulah, Kerajaan Negeri marhaen.

YB. YB. Dato' Timbalan Speaker, walaupun kadar pengangguran di Pulau Pinang rendah tetapi kos sara hidup tinggi, rumah-rumah pun mahal, tidak mampu dimiliki oleh golongan marhaen. Kos berurusan dengan Kerajaan Negeri pun berlipat-ganda meningkat. Di pejabat-pejabat daerah kos untuk daftar, untuk buat carian, untuk semua berurusan ini semua sudah berlipat-lipat kali ganda. PBT, air pun sudah naik walaupun dalam manifesto kata tidak mahu dinaikkan, tak akan dinaikkan air tapi naik juga tiga kali naik. Bayaran tempat letak kereta dulu sampai 5.00 petang tapi sekarang sudah sampai 12.00 malam. Jadi kita hendak bawa keluarga pergi makan malam pun kena bayar *parking fee* sampai tengah malam. Jadi kalau kutipan-kutipan yang besar yang dibuat oleh PBT, PBA ini semua dizahirkan dengan peningkatan yang setimpal untuk khidmat yang diberi untuk kemudahan-kemudahan, tadi servis khidmat, ini kemudahan infrastruktur dan sebagainya kita pun kata berbaloi orang *Penang* kata berbaloilah tapi dalam jawapan yang diberi kepada saya kutipan untuk perparitan oleh PBT sahaja lebih daripada RM100 juta tetapi hanya tidak sampai jumlah itu mungkin RM70 juta sahaja yang akan dibelanjakan untuk projek-projek perparitan. Jadi kenapa hendak simpan di dalam tabung dan hendak tunjuk dalam akaun PBT jumlah pendapatan yang tinggi walhal masalah yang berlaku sekarang ini sebab tidak cukup projek-projek perparitan dilaksanakan oleh kerana hendak tunjuk angka yang besar di dalam akaun PBT?

Masalah kesesakan lalu lintas terutama di Bandaraya George Town ini dan kawasan-kawasan yang padat. Kutipan untuk letak kereta satu, kutipan bayaran kerana tidak menyediakan tempat letak kereta atas pemaju pun banyak tetapi kita tidak nampak pun mana-mana projek untuk membina pusat tempat letak kereta bertingkat kah, kalau tidak cukup ruang, *multi-storey* dan menyelesaikan masalah kesesakan di kawasan-kawasan bandar yang mana banyak rakyat berurusan di waktu pejabat. Jadi janganlah bagi sedikit tetapi ambil balik banyak. Tidak adil kepada rakyat Pulau Pinang.

YB. Dato' Timbalan Speaker, merujuk kepada perenggan 6 dalam teks belanjawan yang telah dibentang oleh Y.A.B. Ketua Menteri perkara ini telah pun dirujuk kepada MIDA 3 November 2017 untuk pencerahan. MIDA memaklumkan bahawa peningkatan pelaburan RM2.67 bilion pada tahun 2016 kepada RM7.7 bilion hingga kini melibatkan sektor perkilangan dan pembuatan dan pihak MIDA yang mempunyai 23 buah pejabat dan cawangan di seluruh dunia untuk menarik kemasukan pelabur luar ke Malaysia hampir keseluruhannya usaha membawa masuk pelabur dari luar ke Pulau Pinang adalah gerakan usaha oleh pihak MIDA. Jadi terima kasihlah sedikit kepada Kerajaan Pusat, tidak dianaktirikan Pulau Pinang kalau tidak takan pula meningkat begitu banyak pelaburan kerana tentu sekali kita hendak tengok semua negeri maju dalam usaha untuk membangunkan negara Malaysia.

Cleaner Greener Penang. Negeri Pulau Pinang yang lagi bersih, lagi hijau. YB. Dato' Timbalan Speaker, Laporan Jabatan Alam Sekitar pada 2011 mendapati 10 daripada 24 sungai di Negeri Pulau Pinang tercemar. Enam di kelas empat dalam indeks kualiti air, sembilan separuh tercemar, lima bersih.

Kualiti air dan air laut yang rendah akan memberi kesan negatif dan kemusnahan kepada kawasan hutan paya, kawasan pantai, kawasan mainan ikan dan menjejaskan hasil tangkapan serta menjejaskan ekosistem di Pulau Pinang. Laporan Alam Sekitar juga mendapati kandungan *Escherichia Coli* paling tinggi di Kuala Sungai Pinang di Jelutong, Kuala Sungai Pinang di Balik Pulau, Kuala Sungai Perai, Kuala Sungai Juru iaitu pencemaran bakteria dari najis manusia dan binatang yang datang dari buangan domestik dan industri. Kita semua minum air ini daripada sungai-sungai kita. Sungai-sungai kita tercemar dan mempunyai kadar kandungan *E-Coli* yang tinggi.

Tambahan laut pula telah memusnahkan lebih 70% hutan paya bakau dan pantai yang putih indah dahulunya di sekeliling Pulau Pinang telah menjadi kawasan berselut. Senario ini memberi kesan buruk kepada rakyat Pulau Pinang terutama sekali peminat-peminat makanan laut kerana hasil tangkapan kerang contoh satu berkurang sebanyak 84% di Negeri Pulau Pinang. Dulu kerang saya ingat dua tiga ringgit saja sekilo sekarang sudah RM12.00 sekilo ada masanya sampai RM20.00 sekilo. Memang tidak mampu dibeli kerana barang itu sudah tidak ada. Kerang yang halus-halus isi yang kecil-kecil itu sudah RM13.00. Jadi, udang galah sekarang sudah RM100.00 sekilo, itu pun payah hendak cari kena *booking* dulu...(gangguan) lain pula itu darat....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih Yang Berhormat walaupun Dewan *mood* suram kerana kita ada masalah banjir. Sedikit sebanyak Yang Berhormat usaha Kerajaan Pusat beri BRIM dan sebagainya ini bukan nampak rasuah pilihanraya rupanya untuk meringankan beban rakyat. Setujukah dengan saya kata itu? Hari ini cara yang dibuat oleh Kerajaan Pusat cuba di tiru dalam Perbelanjaan Bajet yang dibuat Kerajaan Negeri dengan memberi banyak kaedah dan konsep lebih kurang sama saja?

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Telok Bahang. Kita semua begitu muram letih sekali dengan keadaan Pulau Pinang ini. Ditambah pula YB. Dato' Timbalan Speaker, nelayan pantai yang bergantung hidup kepada kawasan ikan yang begitu subur dahulu sudah amat terjejas dengan *sea harvesting rising*, tuaian dasar laut. Sekarang yang banyak obor-obor di pantai kita *box jelly fish* yang begitu bisa sekali dan begitu bertambah kerana pencemaran yang berlaku di kawasan laut kita. Pencemaran yang datang daripada pelbagai pihak terutama sekali air sungai yang mengalir ke laut yang membawa sisa-sisa pelbagai sisa toksik dan *E-Coli* dan sebagainya.

Jadi, *sea harvesting rising* ini bukan saja menyedut pasir dari pantai tetapi juga menghapuskan khazanah laut. Bukan saja mainan ikan yang terjejas tetapi juga pelbagai khazanah laut yang ada di dalam marin ekosistem kita, ekosistem marin dan ini kalau terhapus tidak akan dapat balik. Sekali hapus dan mati ianya tidak akan kita dapat balik. Kenapakah kita rakyat Pulau Pinang perlu membayar kos ini? Kita rakyat sekarang ya, generasi masa depan juga terjejas kerana mereka tidak akan nampak dah ikan belacak tepi sungai ataupun hendak makan ikan apa....(gangguan) ikan tembakul, macam-macam ikan dan banyak spesies sudah pupus. Sekarang kalau kita kata khazanah laut ini yang begitu luas yang dinikmati oleh rakyat Pulau Pinang sekarang begitu terjejas. Dulu saya ingat semasa saya kecil sebab duduk tepi laut suka pergi kutip kulit siput. Kita boleh lihat anak ketam berlari-lari di tepi pantai. Sekarang kalau ada siput pun sudah tidak boleh hendak makan berselut dan berminyak ianya terlalu tercemar. Dulu banyak pula sehingga ada Kampung Belacan di Tanjung Bunga di Batu Ferringhi. Belacan sekarang bukan dari hasil Pulau Pinang dah, mai dari Kedah, Kuala Muda, Perak dan sebagainya. Sebab apa? Sebab udang kepal yang digunakan untuk buat belacan sudah tidak ada di pantai Pulau Pinang. Ya, memang dulu banyak kita menghasilkan belacan.

Jadi, banyak dah berubah banyak dah pupus dan banyak yang kita tak dapat warisi kepada generasi masa hadapan, khazanah laut ini yang begitu bernilai. Presiden PEKA Puan Sri Sharifah Sabrina Syed Ali berkata "Pulau Pinang sebagai tapak warisan bukan sahaja perlu memelihara bangunan-bangunan warisan. Sebaliknya perlu juga menjaga dan memberi perhatian kepada pemuliharaan dan mengekalkan kehijauan alam sekitar dan *marine eco system* kita. Tindakan segera perlulah diambil dan perhatian perlu diberi untuk melaksanakan satu dasar yang boleh memastikan

bahawa masalah ini tidak akan menjadi lagi teruk di masa hadapan sebelum nasi menjadi bubur dan kita sekarang begitu bimbang dengan projek-projek tambakan laut yang sedang berjalan di sekitar pantai Pulau Pinang yang menjejaskan pantai Seberang Perai juga kerana ianya mengganggu laluan air laut”.

Jadi bila kawasan-kawasan pantai, kita ni kawasan pantai, pulau dan pantai adalah aset yang begitu bernilai kepada negara dan negeri tidak kita jaga dan kita tidak memastikan tercemar dan hapus maka ini adalah resepi kemusnahan. Kita sendiri akan menanggung kesalahan, *we will be guilty* menghapuskan khazanah Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan, pada 21 Oktober 2017, bumi bergegar, tanah runtuh dan besi panas jatuh atas riba Kerajaan Negeri. Bila jatuh besi panas cepat-cepat menangkis. Menangkis menyatakan bahawa ini adalah satu kemalangan di tempat kerja tak tengok dah kiri kanan, Kerajaan Negeri tidak mahu bertanggungjawab, ini salah pemaju. Bila satu malapetaka itu berlaku bukan sahaja kawasan yang terjejas itu menerima musibah tetapi semua rakyat Pulau Pinang terutamanya yang duduk di lereng kawasan projek-projek tepi bukit Paya Terubong dan sebagainya, semua bimbang tak boleh tidur malam dimaklumkan ada projek yang mereka lari turun dan tak mahu duduk kerana takut kerana duduk betul-betul di tebing bukit. Bila hujan lebat ya, orang Pulau Pinang susah hati tambah-tambah yang tinggal di kawasan tradisi yang banjir Jalan P. Ramlee tapi sekarang kawasan-kawasan yang tak mengalami banjir sebelum ini pun banjir. Jadi ini adalah satu fenomena yang menunjukkan bahawa banyak perkara yang tak kena di Pulau Pinang ini dan kalau dalam masa dari 2003 sampai 2017, 119 kali banjir berlaku ini adalah jumlah yang besar, jumlah yang banyak dan pelbagai pihak telah membuat kajian dan cadangan supaya Kerajaan Negeri mengambil tindakan yang serius dan positif untuk mengatasi masalah-masalah ini. Jadi, janganlah disalahkan peruntukan yang tak turun saja daripada Kerajaan Pusat tadi saya dah kata kena ambil daya usaha untuk mencari dana yang mencukupi dengan aset dan *resources* ataupun kemudahan yang ada dalam Negeri Pulau Pinang untuk memberi tumpuan kepada projek-projek tebatan banjir dan menghindari daripada banjir.

Dato' Sri Wan Junaidi, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar berkata projek tebatan banjir tidak dapat menghentikan banjir tetapi hanya boleh membantu mengurangkan kesan banjir kerana banyak lagi isu lain yang turut menyumbang kepada masalah itu. Beliau juga memberi amaran bahawa data taburan hujan pada masa kini juga tidak lagi dapat digunakan untuk projek tebatan banjir kerana corak taburan hujan telah berubah dalam berapa tahun yang lalu. Hari ini, kenyataan yang dibuat oleh *Institute of Engineers*, menyatakan bahawa perubahan cuaca haruslah difaktorkan didalam projek-projek pembangunan dan mereka menyarankan supaya satu plan komprehensif mitigasi banjir dilaksanakan untuk mengatasi masalah banjir besar yang berlaku baru-baru ini. Perlu juga diambil kira tindakan-tindakan *non-structural* tak dapat istilah bahasa ini seperti *non-structural* bukan sahaja untuk meluruskan sungai, melibatkan parit dan longkang tetapi juga tindakan-tindakan untuk membuat unjuran banjir, sistem amaran untuk kawasan-kawasan strategik terutama sekali untuk orang ramai mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya bila ada amaran-amaran berlaku. Dan pemaju-pemaju juga perlu mematuhi dengan sepenuhnya (dengan izin)...*Urban Stormwater Management Manual (MSME)* supaya kenaikan di dalam *surface runoff* air hujan yang turun daripada *surface* kawasan-kawasan permukaan bumi dapat dikurangkan dan mereka boleh dikumpulkan didalam kawasan-kawasan tadahan air dan juga sebelumnya berlaku apa-apa masalah MSME ini atau pun *storm water management manual* ini dapat dilaksanakan dengan mengadakan *surface management*...(dengan izin), maaf nak kena pakai istilah Bahasa Inggeris ini dan juga ya, *sediment control* mengurangkan hakisan daripada pembangunan kawasan-kawasan projek pembangunan dan supaya ini tidak akan menyebabkan berlakunya bila hujan lebat air di kawasan-kawasan tebing, tebing-tebing bukit dilarutkan dan dihakiskan serta dibawa oleh air hujan yang turun dengan banyaknya...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan YB. Telok Ayer Tawar, sebenarnya YB. Telok Ayer Tawar bersetujukah bahawasanya panduan MASMA itu telah pun ada, gazet dah dan dipakai oleh semua pihak dan saya pasti apabila berlakunya permohonan oleh pemaju untuk membangunkan sesuatu tempat itu, mereka akan diberi kelulusan setelah apa ni Pihak Tempatan MBPP ataupun MPSP bersetuju atau mengikut pandangan MASMA kecualilah MPSP atau MBPP tidak menghiraukan pandangan MASMA itu. Yang kedua mungkin juga kerana kedegilan pemaju itu sendiri untuk mematuhi MASMA ini walaupun kedua-dua sekali, mereka ingkar mereka tidak mahu ikut arahan yang diberikan. Apa pandangan YB. Telok Ayer Tawar?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Timbalan Speaker, apa yang berlaku di Tanjung Bungah baru-baru ini adalah bukti kelemahan penguatkuasaan dan bagaimana pemaju-pemaju tidak mematuhi segala garis panduan yang telah disediakan dan memang sudah ada ini semua tetapi ianya tidak dilaksanakan dengan serius dan tindakan-tindakan yang tidak diambil dengan begitu baik. Kita tengok Laporan Ketua Audit Negara tentang pembalakan, tentang penerokaan haram di kawasan hutan simpan, di lereng-lereng bukit ini berlaku dan disahkan, ditegur dan saya tak tahu sampai sekarang apa tindakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan pihak-pihak berkuasa dan berwajib untuk memastikan bahawa masalah-masalah ini tidak lagi berterusan dan dihentikan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan YB. Telok Ayer Tawar, kalau YB. Telok Ayer Tawar melihat perkembangan projek-projek di Tanjung Bungah ini, tak silap saya dalam sehari kedua atau hari ketiga Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang telah pun mengeluarkan kenyataan mengatakan beliau akan menyenaraihitamkan kontraktor dan juga perunding. Tetapi kenapa diberi pelepasan kepada pemaju? Kerana pemaju adalah pemilik projek. Dia sepatutnya dipertanggungjawabkan. Apa keistimewaan yang ada pada pemaju ini sehinggakan kontraktor disenaraihitamkan, perunding disenaraihitamkan tetapi pemaju pemilik projek tidak disenaraihitamkan. Apa yang *special* tentang pemaju ini YB. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Yang ini kena minta Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri lah jawab tetapi pada rakyat Pulau Pinang Kerajaan Negeri dah disenaraihitamkan.

Cadangan dan tuntutan oleh organisasi yang sayangkan Pulau Pinang dan supaya masalah banjir di Pulau Pinang diatasi amatlah bertepatan dan perlu diberi perhatian dan tindakan segera oleh Kerajaan Negeri. Antaranya menghentikan pembangunan yang berlebihan yang wujud dan wujudkan lebih banyak hutan konkrit, pemotongan bukit dan pembangunan di cerun sila dihentikan dengan segera. Ini boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri dengan tidak meluluskan sebarang permohonan di lereng bukit dan tanah bukit dengan sewenang-wenangnya. Kelmarin pun Y.A.B. Ketua Menteri telah juga memberi teguran tentang projek-projek di lereng-lereng bukit yang harus dipertimbangkan semula.

Kerajaan Negeri perlu segera meminda garis panduan projek khas, *special project* 2009 untuk melarang semua pembangunan di tanah bukit dilaksanakan kecuali ianya untuk keperluan awam, perkhidmatan awam yang penting. Cerun bukit yang terdedah dan cerun serta ruang yang luas yang tandus perlu dipulih semula dan dilindungi untuk mencegah hakisan tanah. Penguatkuasaan yang tegas, tindakan mencegah dan berkesan perlu diambil oleh pihak berkuasa yang berkaitan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan terhadap mereka yang membersihkan tanah secara haram atau tidak mematuhi syarat yang dikenakan bagi mencegah hakisan tanah. Pemantauan kawasan cerun bukit yang kerap oleh Pihak Berkuasa Tempatan mesti dilaksanakan. Pengisytiharan awam oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi kawasan-kawasan bukit yang cerun yang tidak selamat perlu disenaraikan kawasan tidak selamat dan dimaklumkan dan dipastikan bahawa kawasan-kawasan ini tidak dibangunkan dengan berleluasa. Memerlukan lebih banyak penanaman pokok dan ruang terbuka yang hijau. Bukan sahaja disyaratkan pemaju menyediakan 10% kawasan hijau. Tetapi juga mengekalkan semua kawasan-kawasan hijau yang ada. Untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul. Membersih longkang dengan kerap agar tidak tersumbat. Menyediakan Rancangan Tempatan supaya dapat mengawal perancangan. Memastikan mereka yang berkuasa dan bertanggungjawab dalam kerajaan adalah mereka yang profesional, jujur, mempunyai integriti dan pengalaman serta bertanggungjawab dalam tindakan mereka. Dan meningkatkan penguatkuasaan dan kebertanggungjawaban bukan hanya dalam Agensi Kerajaan tetapi juga dalam Badan Profesional seperti Lembaga Jurutera Malaysia. Kerajaan Negeri dalam keghairahan untuk membangun Pulau Pinang. Telah mengeneipkan pandangan-pandangan bantahan rakyat.

Saya kesian la kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat termasuk *backbenchers* dalam Dewan ini yang tidak putus-putus menyuarakan masalah rakyat isu banjir, isu pembangunan lereng bukit. Dan kita dapati bahawa masalah ini masih lagi berterusan dan pihak-pihak berwajib seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Negeri buat pekak ja. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini untuk *backbenchers* bila BN mengusulkan nanti ya, usul yang akan disuarakan oleh rakan saya oleh Ahli Pulau Betong. Kita harap dapat sokongan daripada ahli-ahli *backbenchers* terutama mereka yang kawasan-kawasan mereka begitu terjejas sekali dengan keadaan yang berlaku disini. Jadi janganlah kita terlalu ghairah nak bangun Negeri Pulau Pinang sehingga kita membebankan kita, menjejaskan kebanyakan

rakyat di Negeri Pulau Pinang. Kita bukan Hong Kong. Kita Pulau Pinang, kita hanya ada 1.8 juta penduduk dan kita tak perlu nak membangun sampai ke kadar yang kita duk buat sekarang. Tak perlu, ya. Kita sayang Negeri ini dan kita tak mau apa ni negeri ini menjadi kucar-kacir.

Sudah tiba masanya untuk melihat dan mengkaji semula penguatkuasaan di bawah Akta Pemuliharaan Tanah 1990, Pelan Dasar Kawalan Perancangan dan Pembangunan 1996. Hentikan perlingkungan semula tanah-tanah bukit untuk tujuan pembangunan. Kuatkuasaan sepenuhnya Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam Edisi Ke-2 MASMA, Garis Panduan melibatkan sungai dan rizab sungai, *Integrated Shoreline Management 2010*, Garis Panduan TPS 1/97, Kawalan Hakisan berikutan dari pembangunan di kawasan pantai. Kaji semula struktur kajian struktur Pulau Pinang. Maaf. Pelan Struktur Pulau Pinang 2020 yang digazetkan pada tahun 2007 yang membuat pengecualian kepada projek khas dan garis panduan projek khas. Apakah yang *specialnya* tentang projek tanah di Sungai Ara misalnya. Yang terletak melebihi 6 meter tinggi. Diluluskan pada 2012, 2011 untuk projek banglo dan menara di fahamkan sejak 2008 hingga 2015 sebanyak enam (6) projek di kawasan lebih tinggi daripada 76 meter telah diluluskan oleh PBT di Paya Terubung, Tanjung Bunga, Batu Feringghi, Balik Pulau, Teluk Kumbar. Bukankah ini kawasan berisiko tinggi?

Jadi YB. Dato' Timbalan Speaker, Pulau Pinang juga perlu menggazetkan Pelan Tempatan dengan segera untuk memastikan kawalan-kawalan ke atas pembangunan di semua kawasan. Cukup-cukup lah, kenapa Kerajaan Negeri memandang serong ke atas usaha badan-badan, usaha-usaha orang tempatan seperti yang di dalam Penang Forum. Sepatutnya usaha mereka untuk membantu menganalisa masalah banjir, tanah runtuh dengan pakar-pakar dalam bidang berkenaan. Kita hargai. Penang Forum menyuarakan masalah dan kebimbangan rakyat terutama mereka yang terjejas akibat masalah itu dan mereka sayangkan Negeri Pulau Pinang, kita semua sayangkan Negeri Pulau Pinang.

Pengumuman bajet RM10 juta oleh Kerajaan Negeri untuk melindungi, untuk kajian dan melindungi lereng bukit bersama dengan kajian perubahan iklim adalah terlalu kecil, terlalu lewat. Setelah 10 tahun memerintah 119 kali banjir, 11 nyawa terkorban. Kerajaan Negeri perlu memandang dengan lebih serius untuk menangani masalah ini dan menyediakan peruntukan-peruntukan yang sewajarnya.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin mengalih tajuk kepada masalah-masalah lain ataupun isu-isu lain. YB. Padang Kota. Dalam menjawab soalan bagi pihak Ketua Menteri ke atas persoalan saya. Berkenaan dengan pusat-pusat hiburan keluarga, karaoke, snuker, rumah urut yang telah diluluskan sejak tahun 2008. Sebanyak 2,121 lesen-lesen telah diluluskan. Dalam jumlah ini didapati sebanyak 121 daripada permohonan ni tidak disokong oleh Polis Diraja Malaysia. Kenapa Polis tak sokong? Jawapan yang diberi adalah berdasarkan kelulusan adalah berdasarkan ulasan keseluruhan jabatan-jabatan lain. Dan tidak ada sebarang masalah kacau ganggu dan tidak ada bantahan oleh penduduk sekitar. Saya nak tanya lah dalam Dewan ini. Bila nak jadi kacau ganggu? Bila penduduk sekitar nak bantah? Sebelum atau selepas? Haa, tentulah orang awam mana nak tahu lesen nak diluluskan. Mana ada syarat kena rujuk iklan. Macam iklan apa ni untuk minuman keras. Kena iklan nak keluar lesen. Kerajaan Negeri kena mensyaratkan iklan. Di taman sekian-sekian akan diberi diluluskan lesen pusat hiburan karaoke, rumah urut ka. Kita nak tengok reaksi masyarakat di situ. Nak bagi ke tidak. Satu pusat katanya snuker, tetapi bila masuk dalam bukan snuker ya. Macam-macam benda lagi. Wujud di sebelah Sekolah Menengah Telok Ayer Tawar dulu. Kalau kita tahu nak diberi lesen, sapa yang nak suka, sapa yang mahu, semua akan bantah. Jadi kenapa ulasan menyatakan bahawa, jabatan lain tak bantah kerana apa tak ada kacau ganggu, tak ada bantahan penduduk sekitar. Ini jawapan yang bodoh.

Isunya lesen diluluskan walau tanpa kelulusan PDRM. Kacau ganggu berlaku selepas operasi ataupun pusat-pusat hiburan itu beroperasi dan kenapa banyak sangat ni lesen-lesen nak diluluskan. Orang Pulau Pinang suka berkaraoke. Ada 564 pusat karaoke. Ada 222 pusat snuker, ada 451 rumah urut. Ya, cuba pergi tengok ni betul ke rumah urut, pusat snuker, karaoke, pusat hiburan keluarga? Jadi memang telah didapati bila buat serbuan ya. Pusat-pusat ini bukan semualah ya. Banyak yang menjalankan operasi haram yang bertentangan dengan lesen yang telah diluluskan. Banyak menjadi topeng juga untuk tujuan-tujuan tidak bermoral, pusat karaoke dan sebagainya rumah urut jadi tempat pelacuran dan sebagainya. Tetapi menjadi tempat-tempat judi haram.

Setakat ini di Pulau Pinang kita dapati PDRM telah pun melalui serbuannya membanteras judi haram. Melaporkan pada 10 Oktober 2017 sebanyak 240 serbuan dibuat ke atas premis-premis yang berlesen dan tidak berlesen dan menangkap seramai 298 orang pekerja dan yang sedang berjudi, orang-orang ramai sedang berjudi, merampas 478 simulator, 709 slot mesin judi, 149 komputer, tablet, telefon pintar, laptop, wang tunai, ya. Sebanyak RM97,061 ribu. Hasilnya banyak premis haram tutup. Termasuk beberapa di kawasan saya juga. Tetapi ada lagi yang masih beroperasi. Kebanyakan premis ini telah

tutup, tetapi mungkin juga yang akan dibuka masa depan. Lesen baru diberi dan sebagainya. Walau macam manapun saya ingin merakamkan penghargaan dan tahniah saya kepada PDRM yang telah mengambil tindakan besar-besaran untuk menghapus judi haram. Tetapi isu-isu lain, salah guna premis-premis ini untuk tujuan-tujuan tidak bermoral masih lagi berleluasa dan kita nak mengelakkan masalah gejala sosial yang berlaku di Pulau Pinang terutama sekali di kalangan remaja daripada berleluasanya rumah-rumah, pusat hiburan keluarga, rumah urut, karaoke ini yang salah guna oleh pengusaha-pengusaha.

YB. Dato' Timbalan Speaker, bulan November telah diisytiharkan sebagai Bulan Keluarga Kebangsaan 1 Malaysia, BKK1M. Bertujuan untuk mengukuhkan keluarga sebagai institusi sosial yang menjadi teras masyarakat. *One Malaysia Family First*. Keluarga Malaysia diutamakan. Bertemakan "Saya Sayang Keluarga Saya". Yang mana antaranya program-program seperti *family walk, family picnic, creative family, Eco Family* dan lain-lain. Program berasaskan kekeluargaan telah dilaksanakan.

Apa yang menarik disini ialah di dalam dunia digital tanpa sempadan sekarang ancaman dunia siber ke atas kanak-kanak. Kita dapati bahawa masalah judi siber amat menyeramkan kerana ia ada juga dikalangan yang menggunakan siber untuk Pedofile, pelacuran, dan kanak-kanak menjadi obses kepada alam siber. Ini semua menyebabkan renggangnya hubungan kekeluargaan. Pengaruh siber juga meningkatkan penceraian di kalangan pasangan-pasangan dan juga berbagai masalah yang ditimbulkan oleh pengaruh siber.

Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga IKK 2016 menunjukkan indikator kawalan terhadap penggunaan teknologi komunikasi rendah pada tahap 5.28/10 dan kalau indikator ini adalah ukuran maka untuk kanak-kanak dibawah 18 tahun,77 indikator ini adalah ukuran untuk bawah 18 tahun. Oleh itu kita harus meningkatkan lebih lagi ya. Suasana kekeluargaan mamantapkan institusi kekeluargaan terutama sekali untuk kawalan penggunaan siber ini di kalangan kanak-kanak 10 tahun ke bawah kerana di dalam usia yang begitu muda mereka mudah sangat dipengaruhi, ditipu, dianiyai dan kita dapati bahawa masa yang diluangkan oleh ahli keluarga untuk bersama, *family time*, waktu berkeluarga sudah begitu sedikit sehingga kita dapati sekarang ahli-ahli keluarga makan pun di hadapan televisyen. Kalau dahulu, waktu makan *is family time*. Duduk bersama makan semeja tetapi sekarang anak-anak semua pegang pinggan makan depan televisyen. Jadi ini memberi masalah pengukuhan institusi kekeluargaan.

Kanak-kanak sekarang banyak menghabiskan masa menonton televisyen, astro, melayari internet, *mobile phone, tablets* dan kurang berinteraksi di kalangan ahli keluarga. Juga mereka kurang bersukan, menjalankan aktiviti sosial dan riadah. Kajian juga mendapati kanak-kanak bawah dua (2) tahun yang dibiarkan menonton televisyen akan mengganggu tidur dan tumpuan mereka apabila dewasa dan susah memberi fokus kepada pembelajaran di sekolah. Rangsangan atau stimulasi sensori dalam alam realiti berkurangan dan sel-sel otak tidak berhubung dengan baik kerana menonton televisyen atau bermain gajet yang hanya melibatkan kesan dua dimensi dan bukan realiti. Kajian juga mendapati kanak-kanak yang lambat bercakap kerana kurang bercakap dengan ibu bapa atau keluarga dan kurang kosa kata mereka yang disimpan dalam *lexical database* otak. Dengan itu tidak dapat membesar dengan normal. Revolusi digital telah membawa banyak kemudahan dalam cara berkomunikasi dan cara bekerja. Dan ia merupakan evolusi dan hala tuju masa depan dunia memang kita tidak boleh sangkalkan dan ketepikan. Ia juga adalah pedang dua mata yang akan memberi kesan negatif yang perlu ditangani dengan bijak dan berkesan. Kaedah pembelajaran pun akan bertambah dengan penggunaan *tablets* di sekolah-sekolah yang akan dimulakan di masa depan dan juga sudah ada di setengah-setengah sekolah sekaligus akan dapat mengatasi masalah beg sekolah yang berat yang dipikul ditanggung oleh pelajar-pelajar dan perlu dihadapi oleh sistem pembelajaran kita.

Dalam bajet yang dibentangkan, ada peruntukan untuk Kempen Sayangkan Pulau Pinang, '*Love Penang*' yang akan dilancarkan tahun hadapan. Pokoknya kempen ini akan jadi kosong kalau tidak diisikan dengan intipati *I Love My Family, Saya Sayang Keluarga Saya*. Tetapi sayangnya kita dapati tidak ada sebarang pengumuman dibuat untuk menyayangi keluarga, *family base*, asas kekeluargaan ini yang merupakan pasak institusi masyarakat, institusi keluarga ini perlu dikukuhkan, ditingkatkan dengan pelbagai usaha oleh Kerajaan Negeri kerana kita dapati misalannya Jabatan Pelajaran telah mengumumkan *hotspots*, kawasan-kawasan panas, sekolah-sekolah yang perlu diberi perhatian kerana masalah disiplin dan sosial di kalangan pelajar-pelajar. Selalunya apabila berlaku masalah ini, kita perlu balik kepada asas, *back to basic, back to the family*, balik kepada sistem kekeluargaan yang mana kita perlu menyemai dan memupukkan rasa kasih sayang di kalangan ahli keluarga.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada isu di kawasan saya iaitu pada tahun 2010, sebuah jeti nelayan telah dibina di pantai Bagan Ajam. Ianya boleh menempatkan sebanyak 200 bot nelayan dan telah menelan belanja sebanyak RM40 juta yang disediakan oleh

Kerajaan Pusat. Jeti nelayan ini adalah projek di dalam dua fasa. Fasa pertama ialah menambungkan kawasan tapak yang dipanggil *headland*. Kawasan tapak jeti, membina jeti dan ianya telahpun dilaksanakan pada tahun 2010 dan telah pun boleh digunakan oleh nelayan-nelayan di kawasan itu termasuk kawasan Bagan Ajam di bawah kawasan Yang Berhormat Ahli Kawasan Air Putih. Fasa kedua adalah untuk membina kemudahan seperti stor pukat, pejabat persatuan nelayan, bilik sejuk, industri kecil hiliran untuk aktiviti ekonomi nelayan seperti restoran nelayan, gerai-gerai jualan hasil laut. Untuk melaksanakan fasa kedua, jeti nelayan ini yang mempunyai kawasan tapaknya lebih dua (2) ekar ini, perlu disediakan kemudahan-kemudahan dan saya sendiri dan Ahli Parlimen bersedia untuk memohon peruntukan untuk membina fasa kedua tetapi kita menghadapi masalah iaitu kawasan tapak atau *headland* ini, masih lagi, ataupun memangnya di bawah Kerajaan Negeri dan permohonan untuk penggunaan atau lesen pendudukan sementara perlulah diberi pertimbangan.

Pada jawapan yang diberi oleh Ahli Seberang Jaya ke atas soalan saya, Ahli Seberang Jaya mengatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang permohonan LPS secara rasmi oleh LKIM. Beliau juga mengatakan bahawa Kerajaan Negeri akan sentiasa membantu LKIM dan nelayan Bagan Ajam dan bersedia memberi pertimbangan ke atas permohonan LKIM. Jadi bila Ahli Seberang Jaya mengatakan tidak pernah menerima permohonan ini, saya terkejut kerana sebenarnya permohonan ini telah pun dibuat oleh LKIM pada 12 April 2016. Tetapi sampai sekarang tidak diberi jawapan. Saya berharap Ahli Kawasan Seberang Jaya dapat membantu LKIM, bukan membantu saya. Membantu nelayan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia kerana ini akan menyediakan kemudahan untuk nelayan-nelayan di situ dan juga meningkatkan ekonomi dengan kemudahan-kemudahan yang akan disediakan di fasa kedua nanti. Jadi kepada Kerajaan Negeri, nelayan ini adalah kumpulan marhaen. Mereka ini kais pagi makan pagi, tidak pergi ke laut, tidak dapat tangkap ikan, tidak dapat pendapatan. Inilah kumpulan marhaen yang harus dibantu. Jadi saya harap supaya Kerajaan Negeri dapat memberi pertimbangan dan tolong jawablah permohonan LPS yang dibuat oleh LKIM ini.

YB. Dato' Timbalan Speaker, banyaklah isu-isu yang harus diketengahkan di sini. Antaranya rungutan oleh rakyat bagaimana Ketua Menteri boleh memegang begitu banyak sekali jawatan selain daripada memegang jawatan Ketua Menteri yang merupakan Ahli Parlimen Bagan, ADUN Air Putih, Ketua Menteri juga memegang jawatan Pengerusi PBAPP, Pengerusi PDC, Pengerusi PBA Holdings Berhad, Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Bukit Bendera, Pengerusi Invest Penang, Pengerusi Penang Global Tourism Sdn Bhd, Pengerusi PGC Strategies Sdn Bhd, Pengerusi PICEB Sdn Bhd, Pengerusi PYDC Strategies Sdn Bhd, Pengerusi Lembaga Muzium Negeri.

Di samping itu, Air Putih juga adalah Setiausaha Parti DAP. Jadi ini semua jawatan-jawatan yang besar yang memerlukan masa, tumpuan, perhatian oleh seorang yang mempunyai hanya 24 jam dan 7 hari seminggu macam kita juga. Jadi soalan saya adakah Air Putih ini *superhuman* atau mempunyai kebolehan luar biasa daripada rakyat marhaen yang lain? Jadi, persoalannya di sini, saya ingat bukan sahaja kewangan Ketua Menteri tentu tidak kisahlah walaupun elaun yang dia dapat ini sudah berpuluh-puluh ribu tambah lagi dengan pendapatan-pendapatan Ahli Parlimen dan sebagainya melebihi RM100,000 sebulan. Saya tahu Ketua Menteri tidak akan mengasaskan kewangan dalam isu ini. Masalahnya hendak jadi pengerusi di dalam semua jawatan-jawatan yang penting yang memerlukan keputusan, saya agak perlu jawat juga, mungkin itu salah satu sebabnya Jabatan Ketua Menteri ini, Pejabat Ketua Menteri ini mempunyai jumlah kakitangan yang begitu besar. Saya pun duduk dalam kerajaan juga dua (2) penggal dahulu. Ketua Menteri dahulu, pejabatnya tidaklah ramai macam ini. Saya ingat ada rakan saya yang tanya, 23 orang, itu yang rasmi duduk dalam Pejabat Ketua Menteri, yang tidak duduk dalam Pejabat Ketua Menteri seperti agensi-agensi lain yang juga membantu lagi ramai.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya hendak mengesahkan jawapan yang diberikan kepada saya, di bawah Pejabat Ketua Menteri, ada 23 orang, di bawah MMK Penerangan ada 23 orang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

46 orang. Campur-campur lagi yang lain-lain itu, saya ingat seratus lebih. Persoalannya di sini, perlukah? Perlukah hendak pegang semua? Ramai ini sampai pencen, semua pandai-pandai belaka, semua profesional, semua ada kelayakan dan kebolehan. Seri Delima lagi pandai. Bagi menarik sedikit, bagi hidup sedikit Dewan ini, terlalu muramlah kita pagi ini. Kata orang putih, *Jack of All Trades, Master of None*. Itu yang saya kata lebih daripada *Superman*, boleh terbang terus ke langit, *Superhuman*. Jadi bukan datang dari *mother earth*, bukan.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saya ingin merumuskan, menutup perbahasan saya, saya nampak semua muram, tidak mahu, kalau tidak, saya cakap semua orang hendak kacau. Izinkan saya menyusun sepuluh jari memberi penghormatan, penghargaan kepada YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua yang sungguh bestari, yang telah dapat mengawal persidangan Dewan dengan begitu baik sekali dan kepada semua agensi Persekutuan dan Negeri yang telah memberi kerjasama, sokongan kepada saya yang begitu baik sekali selama ini. Selama 23 tahun saya menghambakan diri sebagai Ahli Dewan, sebagai *backbenchers*, Ahli Majlis Kerajaan, sekarang mengetuai Barisan, saya sudah duduk semua tempat, sebelah sana, sebelah sini, di sini sahaja yang belum lagi. Berkorban segalanya untuk berbakti kepada pembangunan rakyat tanah yang bertuah ini. Negeri yang makmur, rakyat yang sejahtera, itulah usaha dan impian kita semua. Betul Seri Delima ya? Terima kasih. Betul ka Seri Delima? Terima kasih. Sedikit nukilan untuk dikunyah, bila dah terantuk kenalah tergadah, inilah realiti sekadar al kisah.

YB Dato' Timbalan Speaker,

Bila mendengar guruh di langit,

Janganlah air di tempayan dicurahkan,

Gegar gempita petir sabung-menyabung,

Namun hujan yang turun tak seberapa pun.

Untuk mendapatkan kuasa janji segala-galanya,

Rakyat termakan manis-manisan dan gula-gula,

Bila dinobat di atas takhta,

Tersedar mahkota terlalu besar di atas kepala,

Apa yang dikata sukar hendak dikota,

Gula-gula disangka rupanya pahit rasanya.

Tak serupa ya? Terima kasih, dengar dahulu.

Hendak hapus monopoli dalam manifesto, ekonomi saksama,

Namun PDC menggondol semua,

Bebaskan maklumat, pintu terbuka,

Tetapi apa yang terjadi adalah sebaliknya.

Imej bersih, telus dan sempurna

Namun terpalit berbagai onak dan noda,

Bukan sekadar tercemar udara,

Najis berselaput di merata-rata,

Terus sangka lagi boleh lari,

Manakan mungkin sembunyi di belakang jari.

Nampak, boleh sembunyi? Tidak boleh?

Kepada rakyat Pulau Pinang

Renung-renungkanlah dengan teliti,

Hari yang lepas masa kan kembali,

Namun matahari kan terbit setiap pagi.

Oleh itu Dato' Timbalan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya , ada setengah jam lagi untuk berbahas.

Ahli Kawasan Penanti (YB Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Penanti hendak bahas tetapi setengah jam tidak cukup.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Tak pa, nanti kita sambung nanti. Silakan YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum W.B.T. dan selamat pagi. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya berbahas untuk Penanti. *Actually* ada banyak isu tetapi sebab baru berlaku banjir yang teruk sangat, hari ini saya hendak tunjuklah. Ini Penanti, kelmarin, bila wartawan MalaysiaKini turun ke Penanti kelmarin 7 haribulan, walau pun tidak ada hujan, air masih sampai ke pinggang. Ini sebenarnya yang macam laut, ini bukan laut, ini ialah tanah bendang, bendang di kampung Terus dan Guar Jering, 366 hektar warta tanah bendang dan kawasan ini juga adalah antara pengeluar padi, beras, antara yang terbesar di SPT walaupun kemarau. Jadi sekarang ini semua tanah-tanah ini sudah jadi macam laut, sudah tidak nampak yang mana sungai dan mana laut dan sekarang walaupun sudah tidak ada hujan, mula-mula dia orang sudah balik rumah tetapi air tak turun, tak surut, jadi kita terpaksa panggil tentera untuk angkat semua penduduk itu dan letak di dua (2) pusat banjir, lelaki di Sekolah Agama, KAFA di Guar Jering dan wanita di Dewan Banjir Guar Jering. Jadi, dewan banjir yang ada sekarang ini tidak memadai dan semasa saya pergi pada 5 haribulan, air dah sampai ke seberang jalan hendak masuk ke dalam dewan banjir dan terpaksa berhati-hati untuk berpindah ke tempat lain.

Saya hendak sebut di sini, tak semestinya faktor hujan boleh menyebabkan banjir. Sebab pada 2013 berlaku banjir pada bulan September yang lebih kurang macam ini tetapi tidak seteruk macam ini. Kampung Terus cerah tidak ada hujan tetapi banjir dan penduduk dipindahkan pada masa itu ke surau Kampung Terus. Banyak kali di dalam Dewan ini saya sudah bangkitkan isu perlunya ada *arch bridge* di Ampang Jajar. Sebab projek tebatan banjir yang disebut oleh Telok Ayer Tawar itu selepas banjir pada 2003, projek itu telah meluruskan Sungai Muda, maaf, selepas itu ada projek yang meluruskan Sungai Perai. Sungai Perai ini bersambung dengan Sungai Kulim, jadi tempat-tempat banjir di Penanti ini yang sampai ke bumbung baru-baru ini ialah Kuala Mengkuang. Kuala Mengkuang mangsa banjir 400 orang, Guar Perahu mangsa banjir 100 rumah, 500 orang. Saya ada data-data mangsa yang dipindahkan, mangsa yang dipindahkan adalah 742 orang, 209 keluarga, yang paling teruk ialah di Kampung Tun Sardon, 120 keluarga, 480 penduduk tapi mereka ditempatkan di kawasan Masjid di KAFA tetapi bukan semua pindah ke situ. Hendak menunjukkan walaupun berbagai projek tebatan banjir untuk menaik taraf parit-parit kampung telah dilakukan dan kita dapat peruntukan daripada Tabung Perparitan tetapi perkara-perkara yang penting seperti projek *high impact* itu perlu dipercepatkan dan apa yang saya mohon dulu ialah supaya dibina *arch bridge* di Ampang Jajar supaya air dari Sungai Perai boleh keluar ke laut. Sekarang ini tanpa ada *arch bridge* air Sungai Perai melimpah ke Ampang Jajar dan di kawasan situ menyebabkan banjir, air Sungai Perai itu tidak dapat keluar.

Jadi saya hendak merayu dan memohon kepada Kerajaan Negeri, dengan perubahan iklim yang ada sekarang dan kita jangka lagi satu banjir besar pada 3, 4 dan 5 Disember seperti yang disebut oleh Ketua Pengarah NATMA jadinya saya amat berharap Kerajaan Negeri boleh memperuntukkan, saya tidak tahu kosnya, tetapi saya rasa *around* RM7 juta untuk buat *arch bridge*, jadi *arch bridge* ini juga akan membantu nelayan-nelayan sungai supaya mereka boleh bawa bot mereka ke laut dan juga untuk membantu pelancongan sungai juga, sebab sekarang ini tanpa ada *arch bridge*, tanpa ada jambatan, air sungai tidak boleh lalu, bot nelayan pun tidak boleh keluar ke sungai. Untuk pelancongan sungai pun

tidak boleh keluar, hanya bila waktu surut sahaja. Jadi saya amat berharap bahawa demi penduduk di Penanti yang telah mengalami banjir yang agak teruk pada 15 September Kampung Terus kena 47 keluarga tetapi kali ini adalah seramai 100 keluarga iaitu 500 orang dan juga di Kampong Tok Sardon 480 orang, di Kuala Mengkuang 400 orang, Taman Guar Perahu sebab di sebelah Sungai Kulim, Taman Guar Perahu ini ada 4,000 penduduk dan 133 keluarga di Taman Guar Perahu telah mengalami banjir. Di situ juga berhampiran dengan Kampung Mengkuang Mat Sulong 120 keluarga, mereka tidak boleh datang ke masjid so kita kena hantar makanan. Semua mangsa banjir di Penanti yang mengalami banjir pada 4,5,6, 7 dan sampai sekarang ini berjumlah 3,313 penduduk, 728 keluarga, jumlah keluarga yang dipindahkan ialah 209 dan jumlah mangsa yang dipindahkan ialah 742.

Jadi saya hendak memohon sekali lagi supaya *arch bridge* dibina di Ampang Jajar dan juga saya telah banyak kali mohon *arch culvert*, atau pun, *arch culvert* ini dia lebih rendah daripada *arch bridge*, *arch culvert* dibina di Sungai Perai, di Kubang Semang, dekat ban busuk sebab banjir kali ini air naik sampai ke dada penduduk dan JPAM terpaksa pergi menyelamatkan. Kalau tengok di Kubang Semang, faktor berlakunya banjir di Kubang Semang, bukan setakat apa yang berlaku seperti hujan, air paras tetapi berlaku juga disebabkan oleh tanah perkuburan yang telah digondolkan. Tanah-tanah perkuburan walaupun terletak jauh di Jalan Berapit tetapi alur sungai itu sampai ke Kubang Ulu dan Kubang Semang. Jadi untuk menyekat ataupun mengurangkan *volume* air yang turun daripada bukit yang telah digondolkan untuk perkuburan, saya hendak mohon supaya kolam takungan air dibina di Kubang Ulu. Lagi satu ialah untuk membina *arch culvert* di Sungai Perai, di Kubang Semang. Kalau ikut kos *arch culvert* yang dibuat di Sungai Ara, Tanah Liat, kosnya ialah RM1.4 juta yang dibina pada 2013-2014. Jadi kalau dibandingkan dengan kesengsaraan penduduk akibat banjir, saya rasa RM1.4 juta *is not that much money*. Kalau boleh dicarikan tanah untuk buat kolam takungan air supaya air yang turun daripada tanah perkuburan sebab nanti kalau dari segi jawapan dalam bertulis, Penanti mempunyai, kalau ikut ini, 6 yang telah diluluskan. Masalahnya ialah kita tidak tahu yang tanah perkuburan ini telah digondolkan. Tanah perkuburan, kalau kita tengok di Taiwan, apa yang JKKK kaum Cina cakap ialah *sustainable* tapi di sini bila nak bina *columbarium* pun dia akan gondolkan *the whole* bukit dan permohonan untuk tukar syarat tanah dari pertanian kepada kubur, hanya diminta ulasan ADUN dan JKKK selepas bukit itu telah digondolkan. Kalau selepas bukit itu telah digondolkan dan telah menyebabkan banjir lumpur, *then you* minta ulasan ADUN dan JKKK, itu sudah terlambat. Kita tak sokong, memang kita hantar ulasan yang tak sokong tapi bukit itu dah digondolkan. Nak buat macam mana?

Sebab itu saya dah banyak kali memohon kepada MPSP, dalam *budget meeting*, dalam Mesyuarat MTD, dalam Sidang DUN, dalam soalan DUN, saya kata kalau MPSP, Pihak PBT, boleh mendapatkan ulasan daripada 22 agensi untuk meluluskan permohonan merancang, kenapa tak boleh minta dua (2) lagi ulasan daripada ADUN? *After all*, ADUN, kami, kita memang pilihanraya. Kami adalah wakil kepada rakyat di kawasan itu. Jadi, dan juga JKKK kawasan, bukan hanya JKKK kawasan yang dekat-dekat tapi kita kena tengok alur sungai tu. Laluan air yang turun daripada bukit tu bila sesuatu pembangunan dibuat. Jadi sebab tu saya mohon sangat dan saya tak faham kenapa jawapan soalan bertulis kata 'Oh dalam prosedur tak boleh ulasan ADUN, tak boleh dapat ulasan JKKK.' Kenapa?" *I mean, you are already getting 22* ulasan daripada jabatan kerajaan, *what is another two?* (dengan izin). ..(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Saya ingin bawa perhatian Dewan yang mulia ini, bahawa menjadi prosedur, saya selalu melakukannya. Pejabat daerah akan menghantar satu surat bersama-sama dengan pelan kepada wakil rakyat tempatan, di mana wakil rakyat akan diminta untuk memberi ulasan tentang pembangunan yang dicadangkan dan selalunya saya akan menghantar dokumen yang diterima kepada JKKK kawasan berkenaan umpamanya dalam kawasan, pengalaman saya baru-baru ini di Sungai Gelugor, terdapat satu rancangan untuk mendirikan sebuah stesen Petronas di kawasan Sungai Gelugor dan saya menerima dokumen tersebut daripada pejabat daerah di mana saya telah menghantar dokumen tersebut bersama surat saya kepada Pengerusi JKKK untuk membincangkan perkara ini di kawasan tersebut, mendapat maklum balas daripada penduduk dan setelah menerima bantahan mereka, saya telah menghantar bantahan ini kepada pejabat daerah. Jadi adalah...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Boleh tak saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Let me finish Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

This is my floor.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

I know, I know....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

No, no, but you talking about something completely different. Yang tadi tu pasal ulasan tukar syarat, yang saya sebut ini ialah ulasan OSC...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jadi tak betullah apa yang dikatakan oleh YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tak. I am talking about nothing to do with pejabat daerah. I'm not blaming pejabat daerah. Apa yang saya sebut di sini ialah ulasan OSC. Ulasan pelan merancang di MPSP. *I am not blaming pejabat daerah. I am saying that....(gangguan).*

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan YB. Penanti. Tadi Ahli Kawasan Penanti ada menyebut bahawa jawapan kepada soalan Penanti berbunyi mengatakan bahawa tidak boleh mendapat ulasan daripada ADUN dan juga tidak boleh mendapat ulasan daripada JKKK. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan 'tidak boleh' ini? adakah sukar untuk menghubungi ADUN itu sendiri? sampai untuk mendapatkan ulasan pun tidak boleh ataupun memang bukan satu prosedur yang memerlukan ulasan daripada ADUN itu sendiri.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mengikut jawapan yang saya terima, dia menggunakan prosedur, dari segi prosedur sebab tu saya mohon, kenapa boleh dapat ulasan daripada 22 agensi, tambah dua (2) saja. Minta dari ADUN dan JKKK untuk bagi ulasan. Itu saja. Takkan prosedur tu tak boleh ditukar ataupun *make it flexible*? Itu yang saya nak mohon dan saya dah banyak kali mohon perkara yang sama. Banyak kali. Saya bukan cakap pasal pejabat daerah. Pejabat daerah dia minta ulasan tukar syarat tanah, apa yang saya sebut macam ni, bila saya dapat untuk bagi ulasan ADUN untuk tukar syarat tanah, bukit itu telah digondolkan pun. Sudah digondolkan. Dah dapat kelulusan untuk membina columbarium. Lepas tu baru dapat ulasan ADUN untuk bina, ulasan ADUN untuk sokong atau tidak tukar syarat tanah pertanian. *Which is* tanah bukit kepada tanah kubur. Maknanya, tanah pertanian dulu dia ada pokok dia semua, yang bila hujan lebat, dia jadi macam *sponge*. Bila bukit tersebut digondolkan untuk membina columbarium tu, kita tak tahu langsung. Kita hanya sedar selepas banjir lumpur berlaku. Itu isu yang saya nak sebut. Apakah salahnya untuk minta dua lagi ulasan ADUN dan JKKK. Kenapa benda tu tak boleh dipinda sedikit? Itu yang saya nak tahu.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

YB. Dato' Speaker, mengenai perkara dan isu mengenai OSC dan juga wakil rakyat ADUN dan JKKK mengetahui keputusan ataupun bersama-sama di dalam proses keputusan. Saya rasa satu isu yang timbul sini iaitu dengan 22 sektor ataupun *department* pegawai kerajaan untuk membantu membuat keputusan, berbanding dengan permintaan YB. Penanti untuk ADUN-ADUN dimaklumkan, perkara ini pendapat saya, dia berbeza. ADUN ataupun wakil rakyat, dia mewakili rakyat dan oleh itu permintaan untuk mengendali ataupun dimaklum ataupun bercampur tangan atas keputusan adalah penting dan untuk 22 *department* pegawai-pegawai, dia pegawai kerajaan. Jadi *interest* mereka...(dengan izin), ataupun kepentingan mereka...(dengan izin) adalah membantu menasihati kerajaan. Oleh itu, (dengan izin)...*if I'm make myself clear* YB. Dato' Speaker, oleh itu, permintaan ADUN atau pun wakil rakyat untuk dimaklumkan pada *stages*, pada peringkat keputusan OSC adalah penting. Ini pendapat saya.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bukan setakat projek-projek yang saya sebut tadi, perkuburan. Tapi baru ini saya juga terima ulasan yang dipohon supaya menyokong ataupun meluluskan 10 lagi ekar tanah bukit di Sungai Lembu untuk ditukar dari tanah pertanian kepada tanah kubur, yang ni apa yang saya dapat ialah JKK Sungai Lembu telah menyokong. Jadi, bukan kita *against* ye, kita bukan ada apa-apa bantahan kepada tanah kubur cina ke atau apa-apa, tak ada. Kalau JKK merasakan yang tanah kubur walaupun dimohon 10

ekar tanah bukit untuk dijadikan tanah kubur, tapi kalau tidak ada penempatan manusia, tak ada kampung kat situ, kita tak ada masalah.

Yang menjadi masalah bila tanah itu berada dekat sekolah macam columbarium itu. Dia botakkan. Sekolah Mengkuang ada, Maktab Perguruan ada kat situ, *and then* air itu pergi sampai *all the way* ke Kubang Ulu, *and then* sampai ke Kubang Semang and Kubang Semang pula masalahnya semua sampah tersekat disebabkan oleh paip-paip utiliti yang masih ada di situ. Saya dah bangkit banyak kali dan setakat ini, JPS telah membersihkan sungai dan juga JKR telah membersihkan longkang tapi tak cukup. Memang tak cukup. Saya nak mohon sebab itu saya kata paip utiliti itu perlu dipindahkan seperti yang berlaku di *arch calvert* Sungai Ara, Tanah Liat. *Cost* 1.4 juta *but it is worth it* sebab tanah kubur tu, tanah bukit tu memang telah digondolkan. Tidak ada lagi pokok-pokok untuk *act as sponge* bila hujan lebat. Jadi makna memang kalau hujan, air akan turun dari bukit itu dan masuk ke kawasan-kawasan kampung ini di Mengkuang, Mengkuang Semarak pun. Di Mengkuang Semarak pun penduduk dia, banjir yang baru ini adalah seramai, Masjid Mengkuang *is about 80 families*.

Jadinya, banjir yang berlaku baru ini saya rasa macam 80% of Penanti *we are submerge in water, seriously, you know*. Kalau, nak buat apa? Kita tak boleh tukar perubahan iklim. *The only* cara yang kita boleh buat ialah kurangkan pemotongan, pembotakan bukit-bukit yang nanti bila hujan dia akan masuk ke kawasan kampung dan akan menyebabkan dan juga macam saya kata kalau kita boleh buat *arch bridge*, *then* air Sungai Perai boleh keluar ke laut. Sekarang air Sungai Perai tak boleh keluar ke laut dan sampai ke hari ini di Penanti, kita dalam dewan banjir Guar Jering, kita masih ada 227 keluarga *as of today*. 227 keluarga yang tak boleh balik rumah. Jadi, penyelesaiannya saya rasa takde la susah sangat *just to build the arch bridge* di Ampang Jajar.

Lagi satu, sebelum banjir 4 dengan 5hb sampai sekarang la, Penanti *still* banjir. *We look like this, even yesterday*. Jadi, sebelum tu berlaku banjir lumpur pada 29 Oktober dan 2 November dan dari dua (2) projek. Satu (1) ialah projek perumahan belum dibina tapi itu juga melibatkan bukit. Banyak kali saya dengar dalam mesyuarat-mesyuarat, oh! kena tunggu 76 meter. Saya tak tau la bukit tu paras dia berapa, lebih 76 meter ke tidak tetapi penggondolan bukit itu kelulusannya tanpa pengetahuan ADUN. Tiba-tiba jadi banjir lumpur macam bauksit kat Kuantan dan penduduk kat situ ada 4,000 orang, taman tu. Dia ada satu *big* kolam takungan air *and everything* tapi *still* banjir lumpur dan baru ini pada 2hb November dan 3hb November berlaku lagi banjir lumpur di Mengkuang Mat Sulung. Maknanya banjir itu warna merah. Tapi baru ini yang 4 dan 5hb sampai sekarang ini, yang tu dah datang dari sungai rasanya tapi isunya di sini, apa yang kita buat siasatan bersama dengan pejabat daerah dan MPSP, banjir lumpur tu *contributing*, menyebabkan banjir lumpur yang kita boleh *control*, macam hujan kita tak boleh *control*, paras laut kita tak boleh *control* tapi banjir lumpur itu disebabkan oleh korekan jalan oleh pihak utiliti.

Di Penanti, terlampau banyak sangat korekan jalan daripada pihak utiliti, PBA, TNB, TM. Saya dah banyak kali kata pada TNB, tolong. Tapi kali ini saya tengok korekan jalan tu bila pekerja MPSP pergi cuci, penuh dengan kayu. So kayu tu menghalang air daripada lalu jadi bila dipenuhi dengan air dan sebelah pulak tu kuari, dengan pasir-pasir, batu-batu, jadi saya soalan apakah pengawasan dan kelulusan dari PDC Telco yang saya tahu semua korekan jalan oleh pihak utiliti mesti mendapat kelulusan dan diawasi oleh PDC telco. Apa *role* diorang? Sebab korekan jalan pihak utiliti bukan hanya menyebabkan banjir, maknanya menyekat laluan parit, tapi merosakkan jalan...(gangguan).

YB. Timbalan Yang Di-Pertua Dewan:

Kita rehat dulu.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

La, sikit je.

YB. Timbalan Yang Di-Pertua Dewan:

Sikit kalau seminit boleh.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Oh, seminit, seminit. Saya nak sebut merosakkan jalan sampai berlaku kemalangan setiap hari. So saya nak tahu apakah peranan PDC Telco bila dia bagi kelulusan apa dia buat apa?

YB. Timbalan Yang Di-Pertua Dewan:

Buat kesimpulan. Satu minit.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Oh, satu minit ye. Soalan seterusnya kepada pejabat daerah ke MPSP, kita dah buat siasatan di Kuari Batu Tiga, walaupun kuari kata dia mengikut syarat-syarat DOE, tapi saya nak penguatkuasa nasihatkan kuari itu sebab dah dapat bukti yang kuari itu dia letak empat (4) paip di bawah kolam takungan air. Dia ada tiga (3) kolam takungan air dalam kuari, kuari ini dah 30 tahun. Dia letak je. Ini menyebabkan sungai buatan jadi sampai the *water fall* daripada kuari walaupun bila kita jumpa kuari, kuari kata dia kena masukkan kolam, lepas tu keluar ke longkang besar. Itu syarat DOE tapi sekarang ini *since* penyiasatan saya dah buat dengan Timbalan DO, dengan ADO dan saya, kita dah *video tape* buat *FB live* semua benda, bukti dah ada menunjukkan sampai masuk dalam hutan ada babi hutan dengan ular sawa semua lepas tu saya terus kena pneumonia lepas dah masuk tu. Saya nak sebut yang dengan bukti-bukti kukuh yang ada ni apakah pihak penguasa boleh lakukan apabila ada bukti *violation*. Saya nak, habis dah?

YB. Timbalan Yang Di-Pertua Dewan:

Kalau nak sambung lagi nanti lepas ini.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Oh, saya sambung nanti. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang Di-Pertua Dewan:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan berhenti rehat dan akan sambung semula pada jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.05 petang.

Dewan bersambung pada jam 2.30 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula, saya persilakan YB. Penanti. YB. Padang Kota nak bahas, sila. YB. Penanti, peringatan 30 minit yang lalu cuma satu tajuk saja, *so plan your bahas so that you can get more issue...*(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Ya, tapi benda tu penting sebab saya dah minta banyak-banyak kali.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Saya nak tunjuk *this is the picture* dari perkuburan kubur, *all the way* di Berapit tu, apa yang saya nak terangkan di sini bukan hanya isu yang mendapatkan ulasan ADUN sebab kalau kita sebagai ADUN, kita boleh nampak yang dari perkuburan *chinese cemetery* Berapit tu, *which is an old* kubur, walaupun *an old* kubur tapi masalah hujan tu masih berlaku, okey. Kalau kita tengok alur sungai tu *and then* di bawah tu pula dekat Mengkuang Semarak ada pula *that column area* bukit yang telah dibotakkan jadi perkara menjadi lebih teruk dan disebabkan oleh dua sungai yang telah dibesarkan oleh *China Water* yang telah menyebabkan banjir juga jadi bukan setakat hujan dan paras air laut maknanya ada banyak-banyak faktor lain yang kita boleh kawal. Jadi sebagai contohnya hujan yang turun dari *chinese cemetery* Jalan Berapit itu dia turun pergi ke alur sungai *and then* alur sungai pun datang juga dari *Lee Rubber* dan pergi ke sekolah Penanti juga ke Kubang Ulu dan dia pergi ke *parallel drain* dari Berapit, *so* dia pergi ke BKE yang saya minta *arch culvert* dalam jawapan bertulis daripada YB. Padang Kota dia kata tak ada keperluan tapi melihatkan yang parit *cover* yang ada sekarang ini mempunyai paip utiliti yang besar-besar, yang memang menghalang laluan air. Kalau kita tengok kepada pembentangan Pengarah JPS kepada Perdana Menteri kelmarin, kita tengok tu gambar-gambar, dia kata punca banjir yang berlaku pada 4, 5 haribulan yang teruk ni punca utama ialah *the utility pipe*, *see* maknanya *utility*

pipe tu perlu dipindahkan dan saya kata mungkin benda tu rasa tak penting tapi akibatnya akan memudaratkan sebagai contohnya macam kubur ni. Kubur ni tak boleh buat apa dah memang dia ada kat situ, sebab tu saya mohon buat kolam takungan air supaya alur sungai yang dia jatuh ke Kubang Ulu tu *at least* air yang laju yang turun dari bukit kubur Berapit tu dia dapat dikurangkan. Itu isunya di sini, sebab kat sini banyak sekolah dan banyak penempatan dan banyak penduduk di situ yang selalu kena banjir.

Tadi saya ada sebut berkenaan dengan aktiviti ataupun pembangunan haram sebagai contohnya yang boleh menyebabkan banjir, kalau kita tengok dari segi apa kilang Vitra Kukuh yang dirobuhkan tapi kilang itu masa didirikan, kilang tu telah menambak tanah ke atas kawasan paya dan sepatutnya kilang itu tidak boleh didirikan di situ. Tapi bila dia dirobuhkan sekarang ini tanah tu masih tinggi dan kilang tu mempunyai kolam dia masih di situ berlaku dengan dengungnya, maknanya kilang haram dirobuhkan tetapi masalah banjir tidak selesai. Jadi di Tanah Liat baru ini, kita dapat 250 orang mangsa banjir. Jadi saya nak tanya kalau kita tengok daripada hukuman ataupun daripada kerja-kerja haram, maknanya dia tambak tanah, lepas tu dia buat kilang kan, kalau kita tengok daripada *Town And Country Planning Act...* (dengan izin) maksimum *fine* dia ataupun saman maksima adalah RM500,000 dan ada hukuman 2 tahun penjara, tetapi kilang Vitra Kukuh yang telah menambak tanah atas tanah yang sepatutnya tak boleh situ tempat tadahan air yang *natural* dia kena RM7,000 je dia punya *fine*. Lepas tu masalah banjir masih berterusan sampai sekarang, sampai kelmarin pun pusat pemindahan masih ada enam (6) keluarga di situ. Jadi saya nak tanya kenapakah akta yang sedia ada yang mempunyai *jail sentence* ataupun hukuman penjara kepada *director* ataupun pengarah syarikat dan tuan tanah tidak dikenakan? Kenapa peguam-peguam di PBT MPSP ke, PBT mana -mana ka, tidak menggunakan akta yang kita ada, lepas tu kalau dia tak ikut sebab kilang ni masa saya mula-mula buat aduan 2013, 2015 baru lah dia dirobuhkan ataupun tindakan diambil sebab nak pergi *court* tiga (3) tahun. Tapi kalau ikut hukuman denda ialah RM5,000 sehari yang boleh dikenakan terhadap kilang ni, sama juga dengan, okey lagi satu liabiliti maknanya *land owner* ataupun tuan tanah tu mempunyai liabiliti. Kalau kita kenakan hukuman yang penjara. Penjara dua (2) tahun mungkin banyak penggondolan bukit seperti Relau kan, yang dalam laporan PAC tidak berlaku sebab kebanyakan orang, dia sanggup bayar duit, tapi yang ni pun dendanya sepatutnya ialah RM500,000 dan kalau dia boleh bayar RM500,000 pun kebanyakan orang tak sanggup masuk penjara selama dua (2) tahun. Kalau kita tengok Akta. *Street, Drainage & Building Act...* (dengan izin) hukuman dia sama ialah penjara dan juga saman. Samannya ialah RM50,000 kurang daripada tadi tu RM500,000 tapi *jail sentence* dia ataupun hukuman penjara ialah tiga (3) tahun. Lagi lama daripada yang *Town & County Planning Act*.

Jadi saya nak minta pada Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan ataupun kepada PBT untuk menggunakan peguam-peguam yang ataupun tindakan yang lebih menakutkan seperti akta yang sedia ada iaitu tiga (3) tahun penjara dan juga dua (2) tahun penjara. Lepas tu kita juga, Pulau Pinang kita ada *Hillside Development Guideline 2012*. So, saya harap yang Kerajaan Negeri akan memastikan semua macam saya kata lah di Penanti sebelum banjir besar tu Oktober 29 dengan 2 haribulan kita ada banjir lumpur, yang tanah merah macam bauksit tu, sebelum tu 1 haribulan Mei kita ada banjir lumpur daripada projek perumahan tapi macam mana boleh banjir lumpur tu boleh berlaku kalau kita ada *guideline* untuk *Hillside Development 2012* siapa yang memantau. Jadi saya nak mohon supaya setiap PBT dan juga pejabat daerah dibekalkan dengan *drone*, untuk *check* untuk tengok kepada kuari semua projek-projek perumahan apa kerja-kerja tanah semua tengok macam mana. Sebab yang 1 haribulan Mei yang banjir selut tu disebabkan pemaju kata satu pokok jatuh. Satu pokok jatuh boleh menyebabkan banjir lumpur di Taman Guar Perahu yang berwarna merah. Saya nak tunjuk juga gambar-gambar ini *real* ya, gambar-gambar betul dari banjir lumpur yang berlaku. Ini banjir lumpur yang baru ni pun gambar selut 1 kaki. Ini banjir lumpur yang dari projek apa ni dari kubur tu sama juga. Jadi saya sangat nak minta daripada Kerajaan Negeri kalau nak luluskan apa-apa perkuburan, berbincang dengan pemaju supaya tengok negara-negara lain seperti Taiwan, adakah penyelesaiannya satu yang lestari?

Lagi satu kepada Jawatankuasa yang meluluskan pengecualian sumbangan perparitan kepada kubur-kubur komersial. Saya bantah sebab saya tak faham kenapa dia orang kata kalau kubur, sekolah semua dapat pengecualian tapi kena ingat kubur komersial seperti di Sungai Lembu, *the ash* ataupun abu kalau kita nak letakkan abu kita bagi orang Cina nak letak di *columbarium* dia, kita kena bayar RM10,000, RM20,000 untuk satu botol, *and then* kalau kita nak tanam kat tanah kita kena bayar RM1 juta, saya dah tanya dah juga dengan kubur-kubur di Sungai Lembu berapa kos? So penduduk kampung mereka pun tak mampu nak mati di kubur kubur di situ. Jadi saya rasa pengecualian terhadap sumbangan perparitan tidak perlu diberi kepada kubur-kubur komersial sebab *obviously* mereka mendapat, ialah kalau kita *charge* RM10,000, RM20,000 untuk *your ash* satu botol *and then* untuk tanam pun mahal. So *I am sure* dia orang boleh bayar dari segi sumbangan perparitan tu sangat penting ya,

sebab macam di Pulau Pinang kita semua cukai-cukai kita pergi ke Pusat jadi kita hanya ada cukai-cukai tanah, cukai pintu macam tu saja. Jadi yang kita dapat sumbangan perparitan ini dengan inilah kita dapat membuat projek-projek tebatan banjir.

Jadi saya juga nak mintalah kalau sumbangan untuk jalan pembangunan jalan sebab di kampung-kampung kita banyak, macam apa yang berlaku bila banjir. Bila banjir berlaku, semua jalan-jalan kampung yang dibuat daripada tanah jadi lumpur, jadi bila penduduk nak keluar pun tak boleh, bahaya. Memang kita nak pergi selamatkan dia pun bahaya, mereka banyak kali *call* tanya boleh tak buat jalan tapi masalahnya nak guna peruntukan ADUN untuk nak buat jalan ataupun naik taraf jalan kampung kepada jalan tar, itu kos yang tinggi, sebab kalau setakat nak letak *crusher run*, batu kerikil tu semua tak apa tapi kalau nak buat jalan tu memakan kos yang tinggi dan duit MARRIS yang kita dapat peruntukan MARRIS untuk Penanti untuk 10 jalan tak boleh digunakan untuk jalan-jalan baharu hanya boleh digunakan untuk jalan-jalan MARRIS dan hanya untuk baiki jalan ataupun untuk tar semula. Maknanya kalau jalan itu jalan batu kerikil ataupun jalan tanah kita tak boleh guna duit itu untuk tarkan.

Yang saya kesian sangat di Kubang Ulu, penduduk Kampung Cina di situ di sebelah Lee *Rubber* dia orang ingat saya pilih kasih kat dia orang macam *discriminate* sebab oh buat, kita dapat tar jalan MARRIS tetapi tak boleh tar sampai masuk kampung dia. So, dia kata kenapa dia kena *discriminate* tu sebab dia kaum Cinakan penduduk Kampung Cina, bukan. Bukan sebab tu sebab jalan tu ialah jalan batu, jalan batu tu batu, batu kerikil tu perlu dijadikan jalan. Dijadikan jalan lepas tu barulah kita boleh daftarkan dalam MARRIS dan baru boleh mohon peruntukan MARRIS. Jadi saya nak mohon kalau ada cara sebab jawapan yang saya terima MPSP hanya kutip caruman jalan daripada dua (2) pemaju yang buat jalan. Jalan, dua (2) jalan ini dia dapat RM3 juta lebih dan jalan yang caruman itu digunakan hanya untuk apa ni penyelenggaraan jalan itu sebab tak mampu nak buat benda lain. Saya fikir saya nak mintalah Kerajaan Negeri bagi memikirkan cara untuk cari penyelesaian bagaimana nak dapat duit untuk membina jalan-jalan di kampung supaya dapat ditar. So, kalau banjir apa berlaku dia orang boleh selamatkan diri. Sama juga dengan pembersihan awam. Banyak kali saya dah tanya di sidang ini. Bilakah pembersihan awam di kampung akan dilakukan? Sebab sekarang ini MPSP walaupun dia Majlis Perbandaran yang meliputi seluruh Seberang Perai tetapi dia hanya menjaga, memberi servis kepada kawasan bandar dan taman perumahan.

Dan kawasan kampung hanya letak *communal bin*, itu sahaja. Dan MPSP kata penduduk kampung kena buat gotong-royong tetapi masalahnya baru-baru ini MPSP telah membekukan OT, *overtime* kepada pekerja-pekerja. Jadi kalau dia membekukan OT bila saya pergi ke kampung perkampungan Sungai Lembu sebagai contohnya, penduduk dah marah sebab apa ni sebelum ni bila buat gotong-royong pekerja MPSP boleh datang tolong cuci sebab dia dapat OT pada hari Sabtu Ahad ke. Tetapi sekarang tak boleh dah. Jadi tak boleh dapat OT, jadi dia orang tak boleh nak datang. Sebab macam Kampung Sungai Lembu *you need* orang, pekerja yang ramailah untuk membersihkan longkang, semua ini. Jadi kalau kita tengok juga dalam pembentangan Pengarah JPS kelmarin kepada Perdana Menteri, punca banjir dia sebut yang sampah sarap adalah salah satu punca banjir dan juga apa ni sisa sungai saluran tak dapat menampung kadar aliran *and so far* tapi sampah sarap dan *debris* yang menyekat banyak apa ni perangkap sampah itukan dah banyak sangat, so banyak kali saya tengok di Penanti, di Mengkuang Mak Sulong, nanti jadi banjir atas jalan semua disebabkan oleh sampah sarap.

Sebab bila hujan tu, sampah tu akan turun ntah dari manakan. Jadi saya nak mohon pembersihan awam saya dengar tender patut telah dibuka pada bulan Oktober untuk pembersihan kampung. Tapi saya tak pasti adakah tender untuk pembersihan kampung ini hanya untuk kampung-kampung baru ataupun kampung tersusun seperti Kampung Sungai Lembu yang ada jalan tar dan parit semua ataupun adakah tender pembersihan kampung ini meliputi semua kampung maknanya Penanti ada 30 kampung dan lebih daripada 72.6% daripada penduduk Penanti tinggal di kampung. Adakah mereka ini juga akan dapat pembersihan awam di mana maknanya pokok-pokok apa ditebas, benda-benda macam itulah. *When I said* pembersihan awam dan sampah yang boleh menyekat laluan parit ataupun sungai.

Okey, seterusnya saya nak tanya lagi satu apa yang saya baca dalam salah satu cara untuk mengurangkan banjir ialah kita jangan banyak sangat konkrit jadikan konkrit. Jadi macam tanah bendang sepatutnya tidak ditukar jadi perumahan tetapi kalau kita tengok daripada data jawapan yang bertulis yang saya terima, 102 hektar tanah bendang, *out of the SPT*, *out of 210* hektar telah ditambak untuk dijadikan taman perumahan, jadinya dan sebagai contohnya di Kuala Mengkuang juga, berlaku banjir yang teruk bila tanah-tanah ini ada juga di Mengkuang Titi jugalah. Tetapi saya nak sebut di sini kita perlu melindungi tanah-tanah bendang kita daripada ditambak sebab dia boleh menyerap, *you know* jadi *kind of sponge and all that* tetapi *of course* di Kampung Terus baru ini air sungai tak boleh nak keluar saya

mohonlah saya minta buat *high breach* di Ampang Jajar supaya air Sungai Perai itu keluar senang daripada melimpah dari atas dan menyebabkan banjir di Ampang Jajar dan di kawasan sekitar.

Saya ada lagi ya sekejap ya. *Actually* saya buat apa ni dialog la dengan so saya kena bawa isu-isu ini kalau tidak nanti penduduk saya marah. Okey. Lagi satu saya juga nak mohon daripada jawapan bertulis yang saya terima dalam ini kata pembinaan ban telah di kerja-kerja struktur penahan tebing telah dibuat di Kubang Ulu and *so far* dan tetapi hanya sebelah sahaja boleh dibuat. Jadi penduduk telefon saya kelmarin dia kata "Boleh tak tembok penahan dibuat di Kubang Ulu di tempat yang *gabion* tidak boleh dibuat". Maksudnya kalau nak buat *gabion* perlukan tanahkan untuk buat *gabion* tapi masalah dengan kita punya sungai-sungai ini di dalam tanah penduduk. Jadi penduduk dah bina rumah kat situ. Jadi bila sebelah sungai itu dibuat *gabion* nanti bila sungai air sungai tu lalu, belah yang tak ada *gabion* itu akan terhakis inilah kekhawatiran penduduk *especially* bila berlaku banjir baru ni.

Jadi saya nak tanya jika JPS boleh memikirkan cara dan kos kalau kita nak buat tembok penahan di Kubang Ulu di sungai yang dekat Lee Rubber tu dan juga buat tembok penahan di kampung penduduk yang saya kata yang kuari tadi yang telah dari kolam tangkungan air yang kita buat siasatan dan kita telah videokan dan FB *live* yang tunjuk yang ada empat (4) paip yang keluar dengan dan telah menyebabkan sungai telah terjadi sungai kira sungai buatanlah yang datang daripada kuari. Jadi saya *just* nak mohon kalau pihak Kerajaan Negeri boleh mengarahkan kuari itu sendiri untuk buat tembok penahan. Untuk melindungi rumah-rumah penduduk kampung sebab dulu sungai itu tak wujud tetapi sekarang sungai itu wujud disebabkan air yang keluar daripada kolam takungan. Sama juga dengan sungai buatan ataupun sungai yang dibesarkan dua (2) sungai itu daripada China Water.

Bila saya tanya dalam sidang DUN yang lepas, YB. Padang Kota kata tidak ada sungai buatan selepas itu saya bawa JPS dan buat FB *live* video untuk menunjukkan memang ada sungai-sungai yang *original* itu kecil sahaja masih ada kat situ tak besar sangat tetapi sungai buatan yang dua (2) tu yang rupanya air yang turun tu turun daripada parit-parit kecil di Mengkuang Dam. Bila kita tanya Mengkuang Dam dia kata sebab dia tak mahu air hujan masuk ke dalam Mengkuang Dam. Jadi air-air bukit tu dia *create*, dia *create* dua (2) sungai yang besar untuk pergi ke parit kecil dan membanjiri masa tu ialah 17, 13 rumah. Tapi sekarang ni lagi teruk tapi saya dah mohon pada JPS supaya beritahu China Water untuk tutup tiga (3) laluan sungai supaya sungai itu *instead of* jadi sungai dia jadi kolam tangkungan air.

Jadi, saya nak tanya jika pihak *authority* MPSP ataupun sapa-sapa yang ada *authority* pihak berkuasa. Bila projek-projek besar yang berjalan seperti pembesaran Mengkuang Dam, siapakah yang memantau, memantau kontraktor seperti China Water tu yang sewenang-wenangnya *create* jadi sungai pergi ke parit kecil yang menyebabkan banjir berlaku di Mengkuang dan Mengkuang Titi. Sebab dulu China Water dah berjanji bukan China Water ja, PBA juga telah berjanji pada penduduk kampung selepas siap Mengkuang Dam tidak akan berlaku lagi banjir kalau berlaku pun dia kata 100 tahun dia cakap ja macam tu minggu selepas tu banjir. Jadi saya nak mohon supaya tiga (3) daripada empat (4) pintu sungai itu ditutup supaya air yang keluar daripada sungai bila hujan berlaku adalah sedikit biar air tu bertakung dalam seperti kolam takungan air.

Okey, lagi satu pasal isu bendang tadi saya telah mendapat petisyen okay nak sebut ya, saya dah dapat petisyen okey, saya bukan hanya dapat petisyen dari penduduk Sungai Lembu yang saya kata 158 penduduk hantar petisyen 18 muka surat tetapi penduduk Kampung Terus, Guar Jering pun hantar petisyen juga. Mereka membantah pembangunan apa ni, *more* tanah-tanah bendang ditambak ataupun dia pun tak naklah kampung mereka dikacau macam tu. Tak nak ada pembangunan yang merosakkan atau menyebabkan banjir. Jadi saya nak tanya kalau dari segi Akta Perancang Seksyen 27(2) dan Akta Kawasan Pengairan 1993, Akta 386, Akta Saliran 1994 dan Akta 354, denda yang digunakan untuk tambakan bendang ialah tidak lebih daripada RM100,000 dan penjara tidak lebih daripada enam (6) bulan. Tapi kalau kita tengok kes-kes tambakan haram yang telah dilakukan atas tanah bendang, saman hanyalah RM7,000 saja tak ada sapa masuk *jail* tak ada sapa kena denda sampai RM100,000. Jadi saya nak minta peguam-peguam sapa yang pergi saman rasanya MPSP lah kan ataupun MBPP, tak pasti sana ada bendang tak tapi di kawasan saya pastikan yang hukuman maksima dikenakan iaitu RM100,000 dan penjara tidak lebih daripada enam (6) bulan sebab kalau macam tadi saya kata, kita ada, sedia ada akta-akta yang berat yang membolehkan *jail* sampai dua tiga tahun boleh tambak bendang sampai 6 bulan, RM100,000 saman tapi *so far* tak ada sapa yang kena.

Ada lagi, sikit lagi. Ada banyak macam *unhappiness* jugalah sebab semua jawapan tak memuaskan, sekejap ya nak cari. Okey, saya nak tanya pasal soalan berkenaan dengan kemudahan awam dan sukan di kampung sebab dalam Bajet 2018 ini, saya tengok Y.A.B. Ketua Menteri telah mengumumkan bajet yang besar-besar yang macam berjuta-juta lah kepada *you know...*(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Padang Kota.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bukan, yang sebelah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pantai Jerejak? Batu Maung? Pantai Jerejak?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Kejap, kejap, haa Pantai Jerejak, *then* Seberang Jaya pun dapat, so saya tengok semuanya di kawasan *urban* lah diorang ini dapat. Tapi kan bila saya, sebab Ketua Menteri, pada sidang November 2016 jawapan bertulis telah memberi harapan kepada penduduk Mengkuang Titi, sebab dia kata Ketua Menteri mencadangkan peruntukan RM400 ribu untuk menaik taraf Padang Mengkuang Titi, memang padang tu dah ada tapi naiktarafkan dan dewan baru Mengkuang Titi nak bagi kata RM800,000 sebab ada tanah Kerajaan untuk bentang pada 2017. Ini jawapan Ketua Menteri tapi sampai kini JKKK penduduk semua tanya, bila nak dilaksanakan, saya punya Klinik Bola yang saya buat setiap Ahad pun mula tanya, bila nak dilaksanakan? Semua *parents-parents* pun tanya tiba-tiba bila saya dapat jawapan dia kata kat sini jawapan Y.A.B. Ketua Menteri tertakluk kepada apa yang dibentangkan pada persidangan DUN baru nilah. Tapi dalam ucapan bajet tak ada sebut pun apa-apa untuk Mengkuang Titi ka, tak ada.

So kalau macam itu, saya rasa *since* jawapan Ketua Menteri kata tunggu apa ini, kelulusan yang akan dibentang pada persidangan berkaitan kalau tengok dalam ucapan saya tengok *word by word* tak ada, tak ada apa-apa untuk Mengkuang Titi. Jadi saya nak kena baliklah jumpa kepada anak-anak DNA Penanti, saya buat Klinik Bola untuk 265 orang kampung dan kita telah menang jadi juara tiga (3) kali berturut-turut, kita lawan dengan Dato' Rashid, Piala Dato' Rashid pun dia kalah, Dr. Afif punya piala pun kalah, Dato' Zaidi pun kalah, kita sampai menang Astro yang pergi Barcelona, kita menang lawan *Singapore* 5-0. So ini hasil usaha jurulatih-jurulatih, dan juga ibu bapa yang bertekad hantar dan anak-anak kampung lawan masa Dato' Pantai Jerejak yang datang lawan dengan *team* orang kampung ini ialah wakil-wakil negeri. *Even* yang dari Thailand, yang Siam punya *group* semua ada, tapi kita menang, kita jadi juara untuk budak-budak U10 dengan U12. Jadi macam mana saya nak balik ke kampung cakap dengan diorang, jawapan Ketua Menteri pada sidang November 2016 itu, dia tulis saja tapi tidak dilaksanakan, jadi saya harap yang pihak Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan semula keputusan yang dibuat.

Lagi satu, yang agak sedih juga, saya *hope* Batu Maung jangan marah ya, ialah berkenaan dengan permohonan penduduk Mengkuang Titi yang solat Jumaat ialah 3,278 orang, sebab di situ sekarang ada Taman Akasia, Taman Seri Mengkuang, Mengkuang Titi dan sebagainya, ada banyak sekolah dan mereka sekarang ini memang bersolat Jumaat di kawasan lain iaitu di Mengkuang Semarak memang luar kawasan. Dia kat situ sekarang hanya ada surau Mengkuang Titi, dan surau Mengkuang Titi hanya untuk sembahyang biasa dan mereka telah memohon pengambilan balik tanah lot untuk pembinaan masjid. Apa yang saya diberitahu yang Majlis Fatwa telah meluluskan, tapi jawapan yang saya terima ialah permohonan itu tidak dihantar pun. Maknanya Jabatan Agama Islam SPT, dia tak hantar kepada Kerajaan Negeri cadangan pengambilan lot tanah. Walaupun saya dah bangkitkan isu ini dalam banyak mesyuarat, Mesyuarat Jawatankuasa Daerah juga bila pembinaan masjid ini akan dibuat dan dah tanya kepada pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam. Jadinya setakat ini apa jawapan yang saya terima ialah maknanya permohonan penduduk yang 3,278 yang solat Jumaat ini maknanya belum diangkat pun lagi. Jabatan Agama Islam belum menghantar ataupun Majlis Agama Islam Pulau Pinang belum meluluskan. Jadi saya nak memohon agar pihak Majlis Agama Islam segera meluluskan supaya mereka tak payah keluar kawasan sampai ke Mengkuang Semarak, *is* dekat Mengkuang Dam, sekarang diorang semua sembahyang kat situ.

Lagi satu yang kami di Penanti agak sedih ialah berkenaan dengan pengangkutan awam. Dalam Bajet 2018, Ketua Menteri telah mengumumkan bas percuma, tapi di Penanti, kita tak ada bas, di Berapit pun tak ada bas, lepas itu MPSP buat apa, *bus stop* cantik, tapi bas tak lalu. Dia buat *bus stop* cantik di, dekat tepi *highway* supaya orang boleh pergi ke Mengkuang Dam boleh pergi ke sekolah, sebab situ ada Tuanku Bainun, Tuanku Bainun sekarang dah jadi pusat *robotic*, pelajaran *robotic* tapi tak ada bas, Lepas itu macam *flat-flat* Bukit Noning ramai orang miskin-miskin kat situ pun diorang tak ada bas so kadang diorang tak boleh pergi walaupun kita dapatkan kerja dia tak ada pengangkutan awam untuk

pergi, nak pergi klinik ka semua memang susah bagi orang-orang yang susah. Lepas itu ramai orang naik motor untuk budak-budak tapi itu membahayakan mereka.

Jadi saya nak tahu apakah jadi dengan permohonan dengan yang kita mohon *chartered vans* percuma untuk penduduk Penanti walaupun kata SPAD tak luluskan. Adakah Kerajaan Negeri mencari apa-apa penyelesaian untuk 28,700 penduduk Penanti dan juga di Berapit yang kami tak ada bas untuk budak sekolah dan juga untuk maktab *and so far*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Belum. Okey, *since* Berapit ada di sini saya mendapat jawapan yang sebenarnya mengikut sebab banyak tempat yang kita tak tau tu Berapit ka, tu Penanti? Tapi jawapan yang saya terima kalau ada penduduk yang dengarnya, kalau ikut ini apa mengikut Peta PEGIS dan SPRM, Permatang Tok Elong selepas *fly over* menghala ke Berapit terletak dalam KADUN Berapit. Buat masa ini kami di Penanti beri perkhidmatan kepada mereka tapi kalau mengikut sebab saya pun takut nanti Pegawai Kewangan Negeri mengambil tindakan apa-apa kepada saya sebab kita sepatutnya ADUN kita hanya peruntukan kita hanya ADUN di kawasan. So kalau memang mereka bukan Penanti dan saya nak itu yang saya sebab itu saya nak sebab *based on* berdasar jawapan. Lagi satu Kampung Lebu Banting yang juga kena banjir yang sangat teruk juga terletak dalam Daerah Seberang Perai Utara bukan di Penanti. Tapi masa banjir yang 15 September 2017 saya memang bagi duit kepada semua mangsa-mangsa banjir RM200, RM300 setiap keluarga dan termasuk juga saya bagi pada enam (6) keluarga di Kampung Lebu Banting, tapi sebenarnya kalau penduduk mana-mana dengar *actually* itu di SPU, bukan di Penanti. Dan juga kita juga telah memohon. Saya harap pihak Kerajaan Negeri akan meluluskan cadangan persempadanan sebab sekarang kita telah ada sungai yang telah diluruskan jadi sungai diluruskan itu penduduk *confuse* selalunya sempadan daerah ataupun KADUN adalah berdasarkan sungai ke *something*, jadi sungai itu dibuat penduduk yang belah sini ingat ini Penanti, yang belah sana itu SPU. Rupanya tak, sebab sungai diluruskan itu sungai baru. Jadi ini menyusahkan kira semua oranglah sebab sungai yang *original* kita tak nampak pun dia dah jadi belukar, dah kecil kita pun tak tau sungai itu mana yang rupanya dalam geran sungai itu yang dipakai yang kita dah tak nampak. Saya dah nak abis lagi dua tiga minit lagi sebenarnya. Sebelum itu saya nak mengucapkan sebelum itulah, sebab mangsa banjir Penanti ialah 3,313 orang semua rumah, *I means* mangsa banjir dan 728 keluarga dan jumlah mangsa yang dipindahkan ialah 742 orang. Jadi mulai hari ini tentera bantu kami masak. Sebelum ini kita semua gotong-royong masak tapi rasanya semuanya JKKK pun sudah agak tak larat. Jadi kami dibantu saya nak mengucapkan menyatakan terima kasih saya kepada *Kembara Kitchen* yang beroperasi di Sungai Dua dekat Futsal Sungai Dua, DUN Sungai Dua mereka *Kembara Kitchen* ini ialah, William Charls, Yie Ling, Normala *she is my sister*, dan juga Pak Man dan juga Chef yang datang dari Johor. Mereka telah masak untuk 500 mangsa banjir *pack lunch dinner*, 600 lepas itu hari ini *lunch 200 pack* dan juga kami juga dapat 800 makanan daripada *Charity Hope* NGO, yang diorang ambil dari Econsave juga dan dia hantar kepada 800 mangsa banjir 120 rumah di Kampung Tun Sardon kelmarin dulu dan saya, Yayasan Aman juga semua sukarelawan yang masak di situ pun saya nak mengucapkan terima kasih dan suka paling penting ialah MPSP Encik Zulhilmi, PKA MPSP saya rasa kalau tanpa dia *I* pengsan, kita orang pengsan kat sana sebab pokok dan sampah yang terlampau banyak itu mereka yang bantu dan sukarelawan-sukarelawan seramai 67 anak-anak muda yang di Penanti yang tolong potong pokok dan membersihkan sampah jadi saya sebut itu sebab saya takut saya terlupa. Okey.

Oh, saya nak mengucapkan berbilang terima kasih kepada *Briged – Briged* Wanita saya sebab bila orang laki semua pergi kerja yang buat kerja-kerja pembersihan rumah-rumah yang kena banjir ialah Briged Wanita. So walaupun Briged Wanita saya itu wanita, merekalah yang mula-mula seminggu sebelum banjir belajar bagaimana nak bukan belajar bagaimana nak pasang bot. So mereka diajar oleh JPAM, sebab orang laki tak datang, sorang ja orang laki datang latihan Briged Wanita datang semua belajar macam mana nak pasang bot dan pasang enjin untuk menyelamatkan orang. Jadi saya nak sebut di sini briged wanita di Penanti saya nak mengucapkan terima kasih mereka juga buat kerja-kerja lasak *especially* masa *Penanti River Run* saya nak mengucapkan berbilang terima kasih kepada Batu Lancang, Padang Lalang dan juga JPS yang telah menjayakan *Penanti River Run*. *Penanti River Run* ialah kita temanya ialah untuk menyelamatkan sungai dan menyelamatkan kampung tapi apa yang bagus kita hanya buka pendaftaran *online* secara seminggu dan kita buat ini tanpa ada profesional. Semua kita buat gotong-royong dengan penduduk kampung, dengan anak-anak muda, *Utara Runners*, *Guar Perahu Cycling Club*, Briged Wanita semua dan JKKK dan yang bagus *benefit* kepada penduduk kampung semua jalan-jalan yang sebelum itu berlopak dalam kampung jadi cantik. Jadi saya nak mengucapkan

sebab kita ada 10km *run* dan 5km *run* saya nak mengucapkan banyak terima kasih kepada JPS terutama kepada Pengarah JPS yang telah bersusah-payah tolong menjayakan *Penanti River Run*, okey.

Lagi satu saya nak mohon jika masalah lot lidi boleh diselesaikan sebab *base on* jawapan dulu saya dapat jawapan yang satu kajian akan dibuat tapi menurut jawapan yang terbaru ini macam lagi menyusahkan untuk penduduk sebab mereka memohon supaya lot lidi ini boleh mendirikan lima (5) sekarang ini empat (4) rumah tapi diorang mohon untuk mendirikan lima rumah sebab tanah-tanah terhad dan mahal, jadi saya harap Pejabat Daerah ke siapa-siapalah boleh membantu masalah lot lidi.

Lagi satu ialah berkenaan khairat kematian ramai penduduk yang mohon supaya penerimaan duit khairat kematian yang RM1,000 itu boleh dipercepatkanlah kalau boleh dibantu. Lagi satu kan saya dapat jawapan berkenaan dengan program bina rumah semua itu. Saya dapat yang saya nak tanya kenapa di SPS pada tahun ini boleh bina 40, bina ataupun membaiki 48 rumah, di SPT hanya 25, itulah nak tanya, kenapa diorang dapat banyak sampai 48 rumah dibaiki dan dibina. Macam tak, *I mean* kenapa 48 rumah itu macam banyak mungkin sebab Timbalan Speaker dia kuat ka apa ka kan saya tak tau la tapi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Speaker tak kuat.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tapi, *so*, saya nak tahu juga jawapan nanti dalam penggulungan ke kenapa SPS boleh membina dan membaiki 48 rumah tapi SPT hanya 25. Lagi satu saya ada tanya soalan berkenaan dengan per kapita yang diberikan kepada Briged Wanita tetapi jawapan yang saya dapat ini tidak menjawab soalan sebenarnya sebab jawapannya menceritakan semua tabung ini, tabung itu, macam-macam tapi tidak menjawab soalan. Soalan khususnya macam ini saya ada Briged Wanita yang sangat aktif tapi pada tahun ini kita tak dapat peruntukan kita hanya dapat pada 2016 tapi bila bagi peruntukan Briged Wanita semua sama makna semuanya kena guna RM30,000 untuk semua. Jadi, setengah orang punya Briged Wanita tak ramai sebab itu saya, tanya berapakah peruntukan dan perbelanjaan sebenar per kapita supaya nak menunjukkan dari segi per kapita adakah, adakah adil ke macam tu la. Maknanya bagi ganjaran motivasi kepada KADUN-KADUN yang Briged Wanitanya aktif dan ramai macam sekarang banjir yang membersihkan rumah-rumah semua yang lelaki tak buat lagi tau, yang bersihkan rumah-rumah semua Briged Wanita sebab orang lelaki semua pergi kerja dan orang lelaki, potong-potong pokok yang susah-susahlah jadi kita kena, saya rasa menghargai Briged-Briged Wanita kita dan memberi peruntukan yang sewajarnya dan saya mengucapkan terima kasih juga kepada Padang Lalang yang akan mengajar latihan Briged Wanita di Penanti untuk cara berlawan. *I mean* lawan orang jahatlah, untuk, ya, dibawah *Orange Goes Orange* untuk lawan fizikallah, lawan untuk pertahan diri kalau orang jahat nak datang *and so on*, jadi, tumbuk ya.

Jadi, saya sebelum itu saya nak memohon kalau KADUN-KADUN di mana penduduk KADUN yang lebih banyak kampung-kampung diberikan peruntukan yang sewajarnya. Seperti contohnya kalau semua ADUN mendapatkan peruntukan yang sama katakan kampung dia sikit dia sebab kawasan perumahan, kawasan bandar perkhidmatan diberi oleh MPSP pembersihan awam, itu dia dah ada longkang, dia dah ada jalan tapi kawasan kampung kita potong pokok, pili bomba pun tak ada. Semalam semasa perjumpaan dengan TPM itu kan, Pengarah Bomba BM dah tanyakan tak boleh dapat ke 10 pili bomba, sebab bila bomba pergi, tak ada pili bomba air yang dalam tangki dia tak cukup dan Penanti kita dah ada enam (6) kebakaran tahun ini yang isunya kita, bomba datang pun kita tak dapat nak selamatkan rumah itu. Jadi saya amat berharap bagi kawasan-kawasan kampung tolong bagi peruntukan yang sewajar sebab pembinaan jalan seperti saya kata itu tidak tak ada peruntukan MARRIS kita kena bina jalan itu dulu tapi kita tak ada duit dan Pejabat Daerah pun dia tak ada peruntukan itu. Jadi saya nak mohon supaya difikirkan secara per kapita penduduk kampung dia berapa orang, dan, *so far*, *unless*, sekarang ini MPSP tidak memberi servis pembersihan awam kepada kawasan kampung sebab dia kata tak bayar cukai pintu tetapi kita tidak ada Majlis Daerah. Kalau di Selangor ada Majlis Daerah tapi kalau ikut definasi apa itu kampung dia kena 50 meter tu tak ada jalan, tak ada jalan raya, tetapi di Pulau Pinang kita kecil. Jadi maknanya perkhidmatan pembersihan awam sepatutnya dilakukan oleh PBT tapi saya kesianlah juga sebab PBT selalu MPSP dia punya duit selalu dikurangkan sebab dalam bajet diumumkan pengecualian, pengecualian semua tak payah bayar cukai pintu. Lepas itu *unless* Kerajaan Negeri bagi duit kepada dia, dia ada duit, berbalik kepada itu sangat penting sebelum saya lupa, jujur teringat, kalau tengok dalam, tengok dalam Laporan Audit Negara 2016, disebut di sini MPSP telah melanggar prosedur kewangan dengan menggunakan RM68.77 juta untuk *sign* baucer secara tak sah. *So*, bila dalam mesyuarat Tebatan banjir kita selalu tanya dia kenapa dia tak nak bagi

duit caruman perparitan kepada tabung amanah yang dibenarkan *sign* baucer bayar kontraktor ialah Pengarah JPS bukannya YDP MPSP itu telah melanggar. Jadi yang saya nak tanya ini, apakah tindakan yang dilakukan kepada MPSP yang tidak, yang telah melanggar tatacara kewangan dari 2008 sampai baru-baru ini dan setakat ini dia belum bayar balik RM5 juta, RM5.5 juta sebab bila saya tengok projek-projek senarai dalam lampiran tebatan projek-projek di kampung, semua dibuat oleh Pejabat Daerah dan MPSP dan Pejabat Daerah ataupun JPS dan MPSP dan kalau duit RM68.77 juta yang digunakan untuk projek-projek di kawasan perumahan ke apa-apa dia tak buat langsung di kampung maknanya dia telah menyalahgunakan duit itu kerana dia tak ada kuasa untuk *sign* baucer untuk bayar kontraktor. jadi soalnya apakah tindakan yang telah dikenakan kepada MPSP kerana telah melanggar tatacara....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Minta penjelasan YB. Penanti sebagai ahli dalam MMK Tebatan Banjir pun sudah tahu tentang jawapan yang diberikan ekoran teguran Audit dan mengulangi pandangan bahawa wang ini disalahgunakan, saya harap Yang Berhormat sebagai Ahli bertanggungjawab juga, wang itu tidak disalahgunakan. Walaupun sepatutnya mereka mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Walaupun mereka tidak mematuhi garis panduan itu, tidak bermakna mereka menyalahgunakan wang. Wang itu digunakan untuk projek-projek tebatan banjir.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya sebut macam ini bukan saya tak kata dia saya sebut sebab dalam mesyuarat tebatan banjir saya persoal kenapa MPSP tidak serahkan duit itu kepada Caruman Perparitan sebab bila masuk duit dalam tabung semua orang boleh guna, orang tapi kalau dia tak serahkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Ya, dia tidak boleh gunakan wang selagi Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir tidak meluluskan projek itu, kena faham, MPSP cuma boleh menggunakan wang, melaksanakan projek yang diluluskan oleh Jawatankuasa Tebatan Banjir.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tapi dalam Mesyuarat Tebatan Banjir saya selalu tanya tapi jawapan yang terima...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya pun selalu jawab.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tapi jawapan selalu lain benda itu oh tak ada apa-apa *it just* diorang kata macam masuk tangan kiri, masuk tangan kanan, tapi bagi saya tengok saya tak kisah kalau macam itu kan tapi bila saya tengok jawapan-jawapan dalam ini maknanya MPSP semua projek-projek yang dibuat ini bukan oleh MPSP, tak yang dalam jawapan yang saya terima ini ditulis oleh Pejabat Daerah, Pejabat Daerah semua projek dibuat oleh Pejabat Daerah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Yang Berhormat seorang PhD.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ya.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Patut boleh bezakan kalau projek itu diluluskan untuk dilaksanakan oleh Pejabat Daerah, Pejabat Daerah yang melaksanakan. Kebanyakan permohonan projek di Penanti dikemukakan oleh Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah. Itu sebab jawapan itu menyatakan begitu.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Okey tapi mungkin ini tak jawab soalan lah kan sebab soalan yang saya tanya saya nak tahu maknanya sebab saya memang dari soalan yang atas itu saya dah tulis duit yang saya tanya, duit Caruman Perparitan MPSP itu, semua berkenaan dengan MPSP, jadi, saya nak tahu berapa projek di kampung yang MPSP buat? Itu soalan yang sebenar sebab atau semua cerita tentang MPSP saya tak

tanya pasal Pejabat Daerah langsung, (a) dan (b), (b) pun saya tanya kenapa dia tak serahkan keseluruhan sumbangan kepada JPS. So sepatutnya janganlah jawab untuk Pejabat Daerah, sebab Pejabat Daerah dan JPS sebab saya tahu diorang buat projek-projek tebatan banjir, saya nak tau MPSP buat projek tebatan banjir apa di kampung? Itu soalnya.

Rasanya dah habis kot, ya rasanya saya dah tanya dengan ini saya sebelum saya mengundur, menyokong bajet ini, saya nak mengucapkan bebanyak terima kasih kepada semua Jabatan Kerajaan termasuk MPSP sebenarnya memang kalau tak ada MPSP memang banyak membantu MPSP kita ada Penanti *Quick Response Team* saya sangat berterima kasihlah kepada mereka, Pejabat Daerah *especially*, Padang Kota yang memang banyak membantu, Padang Lalang *even* Batu Maung dan semua. *Just in case this is* ini adalah kali terakhir dalam sidang DUN Pulau Pinang ialah sebab lepas ini dah PRU mana nak sempat dah saya nak mengucapkan mohon dan maaf jika kadang-kadang nampak saya sebagai seorang yang mungkin, *you know a bit* kritikal sebenarnya. Macam ini sebagai seorang Wakil Rakyat yang telah mengangkat sumpah kita ada angkat sumpah ka tak tau la tapi kita dah di undi oleh rakyat untuk bangkitkan isu-isu yang dibawa oleh penduduk Penanti, jadi saya hanya penyampai soalan-soalan saya saya dapat saya buat dialog dengan penduduk *you know* minta dari JKKK kita kumpulkan semua soalan-soalan dan apa-apa isu itu memang dan bila saya tanya soalan bila saya *question* walaupun saya seorang dari kita dalam keluarga yang sama Pakatan Harapan tetapi saya juga seorang wakil rakyat yang mewakili penduduk saya, jadi apa-apa yang diorang minta saya kena sampaikan, itu sahaja tidak ada hendak buat apa-apa yang tidak bagus kepada Kerajaan Negeri tidak ada, kita satu keluarga dan sebagai wakil rakyat saya hanya menjalankan tugas saya menyampaikan aduan dan permohonan daripada 28,700 penduduk di Penanti dan saya cuba ikhtiar untuk dapatkan apa yang diorang hendak ataupun apa-apa isu yang diorang bangkitkan. Jadi saya harap dalam PRU-14, Pakatan Harapan kita akan menang dan kita mempunyai wakil-wakil rakyat yang memperjuangkan untuk penduduk di kawasan kita. Saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Penanti saya ingin mempersilakan YB. Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, kerana memberi saya peluang mengambil bahagian dalam sesi perbincangan bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang. YB. Dato' Speaker, isu yang saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini adalah saya *temporary out from* banjir kerana dari pagi ini sudah banyak perbincangan tentang banjir dan Dewan ini telah dibanjiri dengan isu banjir. Isu yang saya ingin menarik perhatian adalah berhubung dengan sukan di Negeri Pulau Pinang.

Seperti yang telah dibentangkan dalam Bajet 2018 Kerajaan Negeri telah berhasrat untuk membina beberapa buah kompleks sukan untuk merancang pembangunan sukan di dalam Negeri Pulau Pinang dengan kosnya sebanyak RM275 juta. Sebagai ADUN Kawasan Pengkalan Kota saya memang mengalu-alukan projek pembangunan seperti di atas terutamanya berita yang baik untuk rakyat di kawasan saya kerana Kerajaan Negeri akan membina sebuah kompleks sukan yang merangkumi 8 gelanggang badminton dan 1 gelanggang bola keranjang. Kompleks sukan ini bukan sahaja dapat membantu dalam peningkatan prestasi sukan negeri. Pada masa yang sama juga akan mengurangkan dan mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di kawasan perumahan Macallum untuk membolehkan para atlet sukan dapat menaikkan tahap persaingan dalam sukan, tempat berlatih dan tempat bersukan yang lebih baik merupakan satu unsur yang penting untuk mencapai matlamat dengan pembinaan kompleks-kompleks sukan yang telah dibentangkan oleh Ketua Menteri seperti kolam renang, gelanggang bola keranjang, gelanggang badminton dan lain-lain lagi. Saya percaya pada masa akan datang sukan Negeri Pulau Pinang tentu akan dapat melatih lebih banyak atlet yang dapat mencapai tahap bagus dan mencapai tahap antarabangsa akan tetapi misi untuk sukan Pulau Pinang untuk mencapai lebih baik dan bertaraf antarabangsa selain daripada mempunyai kompleks sukan yang bagus dan baik, sistem pengurusan yang bagus juga amat penting untuk setiap acara sukan.

Oleh itu saya berpendapat bahawa kita memang memerlukan pakar-pakar sukan yang berpengalaman untuk membuat kerja-kerja pengurusan sukan dan pandangan saya memang tidak sokong dalam melantik ahli politik sebagai *chairman* pertubuhan atau persatuan sukan di negeri ini kerana orang yang dalam *politician doesn't mean* semuanya berbakat atau berminat dalam sukan, orang yang berminat dalam sukan memanglah berbeza dengan orang yang pakar dalam sukan. So kita boleh ambil satu contoh, saya dapat jawapan bertulis daripada YB. Padang Lalang atas soalan yang saya tanya tentang berapakah jumlah penaja, duit penaja yang telah menaja oleh Kerajaan Negeri atau syarikat Kerajaan Negeri FAP pada tahun 2016 sampai 2017? Jawapan yang saya terima jumlah tajaan

oleh Kerajaan Negeri atau agensi syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM34.5 juta dan dua (2) tahun ini Kerajaan Negeri telah menaja FAP RM34.5 juta dengan dua (2) tahun ini kita boleh nampak walaupun kerajaan telah menaja begitu banyak duit tetapi prestasi FAP dalam Liga Super bolehlah dikatakan amatlah teruk tidak sampai *value* yang sepatutnya dia *spend* dan kedudukan sepatutnya dia dapat, walaupun kita pun tahu dalam bidang sukan *especially football* memang memerlukan satu kos yang tinggi untuk *maintain the football*, akan tetapi dengan itu *result* yang dapat oleh FAP ini di tangga terakhir liga daripada 12 *team*, FAP ditangga ke 12, so sekarang kita telah ke Liga Premier pada musim yang depan maksudnya sudah turun ke Liga Premier dan RM34.5 juta ini bukannya *amount* yang kecil, lagi pun duit yang ditaja oleh Kerajaan Negeri atau syarikat Kerajaan Negeri ini semuanya duit rakyat dan duit yang kita telah taja, kita sebagai Kerajaan kena sentiasa memonopoli kerana ini duit kita yang guna adalah duit daripada rakyat dan saya kira kita kena sentiasa memantau monitor itu FAP dalam keadaan yang bagaimana.

So, bagi pendapat saya FAP sudah beberapa tahun Kerajaan Negeri berturut-turut menaja dan *result* kita memang dua (2) tahun ini tidak memuaskan hati *and then* saya harap cadangan saya FAP sudah sampai masanya perlulah mencari tajaan daripada syarikat swasta atau ... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan YB. Pengkalan Kota, terima kasih, bercakap tentang bola sepak ini saya juga berminat. Ini merupakan satu perkara yang agak memeranjatkan kalaulah betul apa yang dinyatakan oleh YB. Pengkalan Kota ini adalah benar selepas menerima tajaan RM34.5 juta prestasi pasukan Pulau Pinang tercorot di mana kita lihat mereka telah pun jatuh daripada Liga Super ke Liga Premier dan saya masih ingat lagi terdapat pengumuman oleh Kerajaan Negeri dimana seorang pelatih bola sepak, jurulatih bola sepak daripada England di bawa untuk melatih pasukan ini tetapi terdapat rungutan daripada pemain-pemain bahawa kononnya bahawa cara beliau melakukan latihan semasa latihan-latihan bola sepak, penyediaan adalah tidak disenangi oleh mereka dan selepas itu kita melantik bekas pemain bola sepak kebangsaan Zainal Abidin. Namun demikian prestasi pasukan bola sepak kita masih tercorot sehingga kita sekarang turun ke Liga Premier. Saya ingin tanya pendapat Yang Berhormat sama ada apabila kita menerima tajaan-tajaan ini EXCO berkenaan boleh menggunakan jawatannya untuk ataupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang ataupun FAP boleh menyediakan satu akademi saya kurang pasti sama ada akademi itu sedia ada, kalau sedia ada apakah fungsi mereka untuk kita mencungkil bakat setelah beberapa kali mencadangkan perkara ini supaya wang yang kita terima tajaan itu disalurkan ke dalam akademi ini supaya kita mencungkil bakat-bakat baru daripada kalangan pemuda kita di Pulau Pinang. Kita lihat gergasi-gergasi bola sepak di England dan di negara-negara Eropah yang lain. Mereka menyediakan satu akademi pelapis di mana daripada muda lagi pemuda-pemuda yang menunjukkan bakat dan kesungguhan dalam bola sepak dilatih dan diberi beberapa insentif.

Jadi kita tidak perlulah mengharap pemain daripada luar negara yang mungkin tidak begitu bangga dengan menyarung jersi Negeri Pulau Pinang dan saya di sini ingin bertanya pendapat Yang Berhormat sama ada wang yang diterima ini boleh atau sepatutnya digunakan bagi kita memantau, menyelia satu akademi bola sepak di Pulau Pinang dimana kita dapat melatih pelatih-pelatih atau pemain-pemain yang dapat menonjolkan diri dan selepas itu menyarung jersi Negeri Pulau Pinang. Itu adalah pertanyaan saya kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Terima kasih, saya memang bersetuju dan macam manakah mereka *manage* FAP itu saya memang terus terang tidak tahu, saya juga pernah tanya soalan dalam Dewan yang mulia ini sebelum itu tentang *how we manage the club*. So, ini pun saya memang setuju dan yang saya ingin maksudkan *we spending for RM34.5 million*, RM34.5 juta untuk mengupah *player-player* daripada yang lebih handal dan berkualiti daripada *oversea player* dan akhirnya apa yang kita dapat? *Result* yang begitu teruk, jika kalau *result* sebegini tidak perlu RM34.5 juta, kita *FAP Club* ada *player*, anak *Penang youth under 21 or 23*. So selepas *FAP Club* mereka punya umur sudah sampai *actually* mereka sudah ada *club* yang jika tidak dipilih oleh FAP untuk bermain di Liga Super mereka sudah *stop* itu, *unless* negeri yang lain mengupah mereka menjadi *player* yang keluar negeri. So ini bagi saya kita sepatutnya menolong dan melatih *our own Penangite atleast royalty to our state is more then* mereka yang mengambil gaji sahaja.

Walaupun *player-player* yang handal dapat gaji yang tinggi tetapi prestasi baik atau tidak baik pun gaji mereka begini juga, jika, kita lagi kena bayar ganti rugi. So *actually is unfair* saya berharaplah kerana sekarang sudah sampainya masa Kerajaan Negeri kena mempertimbangkan semula tentang tajaan tahun akan datang kerana kita tidak boleh lah lagi membelanjakan RM34.5 juta ini kita guna ke tempat yang lain, ini masih berbaloi kerana ini memang duit rakyat dan jika kita tidak ada bajet, saya

memang bercadang bahawa FAP boleh mengubah jurulatih tempatan (*local people*) dan juga pemain-pemain anak-anak Pulau Pinang dan membolehkan golongan muda itu mempunyai peluang untuk *expose their self...*(dengan izin) untuk menunjukkan bakat mereka selepas menerima latihan atau menempuh pengalaman selama dua (2) hingga tiga (3) tahun atau tiga (3) hingga empat (4) tahun, saya percaya mereka akan menjadi pemain tempatan yang berpengalaman dan boleh membentuk satu pasukan yang lebih berkualiti, lebih baik daripada sekarang. Saya percaya kebanyakan *player* akan meninggalkan pasukan FAP dia pergi ke pasukan lain kerana kebanyakan *player* mahu bermain di Liga Super berbanding di Liga Premier. So inilah yang saya katakan *royalty to state*, so oleh itu saya sekali merayu kepada Kerajaan Negeri supaya dapat mempertimbangkan dengan lebih betul tentang penaja-penaja untuk menaja kepada FAP untuk menghadapi Liga Premier.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) :

Mohon kepada Speaker, bukan saya.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Sehubungan itu, saya tengok saya harap Kerajaan Negeri bukan juga akan banyak duit yang disebut tadi berapa juta entah, boleh memperuntukkan sebahagian daripada duit itu sedikit ke kepada pembangunan sukan. Pembangunan sukan bola sepak, maknanya dari umur dia macam apa yang saya buat di Penantilah, klinik bola percuma untuk anak-anak kampung macam JDT. Ia pergi ke kampung-kampung dan melatih anak-anak kampung. Tetapi dan bila kita latih dari kecil, dia akan mempunyai disiplin dan mereka ini semua orang-orang Penanti yang macam saya buat di Penanti itu, dan kami menang. Lawan dengan negeri-negeri lain pun kita menang. Lawan Thailand pun menang, lawan Singapore pun menang. Dan sekarang JDT pun, skuad dari JDT pun datang kita punya DNA Penanti.

Jadinya saya rasa kalau pembangunan sukan itu, saya harap sebahagian daripada duit yang Kerajaan Negeri dapat dari sumbangan mana-mana duit yang dapat, boleh tidak tolong bagi juga kepada macam apa yang kita buat di Penanti ini memang untuk budak-budak kampung yang daftar 265 orang yang setiap Ahad datang main, dan ibu bapa hantar anak-anak mereka main, saya harap sebahagian daripada duit itu juga boleh guna untuk menyokong usaha-usaha seperti klinik bola DNA Penanti.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dato' Speaker, bercakap tentang...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sekejap, pendek.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan juga. Saya sebenarnya juga ingin bercakap tentang pasukan JDT, Johor Darul Takzim dimana kita lihat mereka telah dalam masa yang singkat mencapai satu (dengan izin)...*fenomena success*. Berulang kali pasukan mereka dapat menjuarai semua pertandingan-pertandingan di Malaysia.

Jadi tidak perlu kita pergi ke Eropah ataupun ke UK untuk lihat formula dia, mungkin saya boleh cadangkan apa Yang Berhormat menerima cadangan sekiranya kita menjemput mungkin pelatih-pelatih, mungkin juga Raja Muda Johor untuk datang memberi input tentang apakah formula yang sebenarnya yang digunakan oleh JDT untuk mereka mencapai kemajuan yang begitu memberangsangkan dalam masa yang begitu singkat. Dan mungkin juga kita perlu melihat kepada *Standard Operating Procedure* seperti yang telah diberitahu oleh YB. Penanti tadi, dimana mereka pergi ke kampung-kampung dan ke sekolah-sekolah untuk membuat, melihat pemain-pemain yang main di tempat-tempat tertentu untuk memastikan ataupun mengambil mereka bermain dengan Kerajaan Negeri.

Saya perlu memohon Dewan yang mulia ini, memberi perhatian kepada isu bola sepak kerana di Pulau Pinang banyak sangat, ramai sangat peminat-peminat bola sepak yang begitu risau, dan mungkin dukacita dengan prestasi pasukan bola sepak kita. Saya sendiri merupakan seorang yang begitu minat dengan bola sepak, saya juga adalah penyokong pasukan negeri kita. Saya pernah juga bermain bola sepak dengan Dato' Rashid dan Yang Berhormat-Yang Berhormat lain, YB. Pengkalan Kota dan bola sepak ini merupakan satu perkara yang *transcend...*(dengan izin) *political boundaries*, di mana pihak-

pihak daripada Barisan dan Pakatan pernah sekali di stadium untuk menyokong pasukan Negeri Pulau Pinang.

Jadi ia adalah perkara yang perlu diberi perhatian, walaupun kita menerima cadangan-cadangan yang dibuat oleh YB. Pengkalan Kota, perkara ini saya rasa tidak perlu hanya akhir di sini sebagai cadangan, tetapi perlu juga diberi perhatian *serious* oleh EXCO yang berkenaan. Saya berharap dapat memberi satu pengulasan tentang langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan prestasi bola sepak Negeri Pulau Pinang kembali berjaya untuk memasuki ke *Super League* dalam tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Sedikit, saya mohon sedikit.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya ingin beri input kepada YB. Pengkalan Kota. Daripada apa yang telah diperbincangkan, sukan bola sepak ini merupakan sukan rakyat kerana ia dapat melebar luaskan sokongan daripada rakyat. Cuma satu tambahan perkara yang perlu yang saya ingin mencadangkan supaya dibuatkan juga satu *post mortem* yang mungkin lebih menyeluruh melibatkan bekas-bekas pemain lagenda bola sepak Pulau Pinang yang pada suatu hari dahulu mereka berjaya. Mungkin input-input daripada mereka juga boleh digabungkan. Minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :

YB. Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) :

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Ya, inilah memang kerana apa yang kita dapat tengok ialah FAP terlalu fokus dalam Liga Super. Terlalu fokus dalam Liga Super tetapi, tidak dapat *result* yang bagus. Dan saya bagi satu contoh, FAP yang menganjurkan satu *division league*. *Division 3* punya itu *league*, hanya 12 *team* tiga (3) tahun tidak boleh habis. Tiga (3) tahun tidak boleh habis, sampai setengah-setengah ada *team pull out*. Ini pun berlaku.

Macam mana ini semua yang main dalam *division* punya ialah semua anak Pulau Pinang. Macam mana kita hendak dapat membolehkan kita punya prestasi mencapai satu tahap yang lebih tinggi. Satu liga, 12 *team* sahaja, tiga (3) tahun tidak boleh habis. Tengah-tengah lagi ada 2, 3, 4 *team pull out*. So, dengan macam ini habiskan macam itu sahaja. So, bagi kita ini langsung tidak ada satu sistem yang bagus, macam mana boleh kita nampak England, Spain, 38 *team*, 20 *team* 38 *game* pun satu tahun boleh siap. Tetapi kita punya FAP *division team* punya *game*, 12 *team* sahaja, tiga (3) tahun tidak boleh siap.

So, *I think this one* FAP kena bagi satu penjelasan mengapa ini dapat berlaku dan demi untuk nama juga, ini kerana mereka guna *Penang FA* nama *Penang* juga, nama baik *Penang* juga, saya memanglah berharap Kerajaan Negeri dapat *look in this matter on seriously* lah kerana jika dapat *result* macam ini, penyokong-penyokong pun akan marah. Penyokong-penyokong 100% *is from Penang* kerana dia *support Penang FA*. Jarang punya ada Perak punya orang boleh mereka *this one is loyalty*, penyokong-penyokong *Penang* akan marah terhadap Kerajaan Negeri jika kita tidak mengambil perhatian tentang isu-isu seperti ini.

YB. Dato' Speaker, isu seterusnya yang saya ingin bangkitkan, menarik perhatian dalam Dewan yang mulia ini adalah mengenai kad "*I Love Penang*". Ini kad ada Penang juga pernah sebelum itu, bukan "*I Love Penang*" lah, sebelum itu saya pernah bercadang dalam Dewan Yang Mulia ini ialah *My Penang Card*. *Regarding* tentang itu kemudahannya ialah macam mengandungi '*Touch N Go*' punya fungsi. So, bagi membolehkan cadangan yang saya dulu itu, ialah membolehkan rakyat jelata menggunakan kad ini membayar saman, membayar cukai, membayar bil-bil yang bergantung dengan PBT atau Kerajaan Negeri.

So, untuk memudahkan rakyat jelata juga dengan kad ini boleh pergi dalam ada kredit untuk pergi ke restoran untuk menggunakannya. Dan merujuk kepada bajet yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri juga, akhirnya kita mewujudkan satu "*I Love Penang*" card yang mengandungi kredit. Peruntukan untuk membayar yuran perkhidmatan pesakit luar berserta perubatan untuk setiap tahun RM300. So, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadang bahawa setelah wujud "*I Love Penang*" card ini, bolehkah kita dengan kad ini bukan hanya sahaja untuk *for medical only*, kita boleh tambahkan fungsi-fungsi ke dalam kad tersebut supaya kad ini boleh menggunakan dengan lebih berfungsi dengan kita boleh sebagai contoh kita boleh *link* kepada MBPP atau PBT dengan bil-bil untuk kerana mereka melalui kad dengan kad ini mereka boleh *online* untuk membayar bil-bil tersebut dan juga kita juga boleh mencadang bahawa aplikasi satu sistem parkir juga boleh masuk ke dalam kad ini.

YB. Dato' Speaker, tentang dengan mengapa saya cakap itu kad ini memang penting, kerana kita tahu sekarang sistem *parking* kita hanya sedang menggores itu tiket, dan kerajaan kita *try* untuk slogan kita ialah '*Cleaner, Greener, Penang*' dan apabila *parking* sistem yang kena menggores tiket itu, telah *I think* memerlukan banyak kertas yang perlu diguna.

So, walaupun *recycle*, tetapi ini pun *why not* kita *from recycle paper* kurang *zero paper*. So, saya ada cari dalam saya ingin bercadang dan saya telah mendapat juga jawapan bertulis daripada YB. Padang Kota, bahawa MBPP sedang mempunyai sebuah kajian sedang dijalankan bagi mewujudkan aplikasi '*Pintar Smart Parking*' yang mesra alam dan mesra pengguna. Aplikasi Pintar ini akan dibangunkan bagi memudahkan penggunaan bagi semua pengguna.

Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mencadangkan bahawa satu sistem yang telah digunakan di luar negara yang lebih canggih dan juga lebih jimat banyak kertas kerana seperti gambar yang saya tunjuk di sini. Ini sistem *parking* ialah mereka akan bubuh satu *sensor* di atas itu tiang lampu, dan ini di setiap kereta akan melekat satu kertas dengan *bar code*. So, lepas itu apabila sebelum kita sampai ke tempat letak kereta, kita boleh dapat tahu di jalan ini ada berapakah unit tempat letak kereta yang kosong dan mereka boleh *park*. Apabila mereka *park* masuk, itu *sensor* akan *scan* itu *bar code* dan apabila kita tinggalkan tempat letak kereta tersebut, ini duit berapa kena *charged*, *charges* pun akan ditolak melaluinya ini yang juga dikreditkan.

So, bagi saya ini merupakan satu sistem yang bagus, dan kita boleh jimatkan banyak kertas kerana yang penting kita jimatkan kertas sahaja dan juga kita nak jaga kebersihan kerana kita boleh dapat tahu, boleh nampak juga di tempat letak kereta selalunya kita dapat tengok ada *parking ticket* yang telah guna, mereka buang di merata tempat. Ada yang buang di merata tempat, ini akan menimbulkan sampah-sampah yang banyak. So, jika ini apa yang seperti yang dicadangkan, dijawab oleh YB. Padang Kota ini memanglah dialu-alukan jikanya *Smart Parking*, aplikasi Pintar, *Smart Parking* itu dapat diwujudkan dengan secepat mungkin tentunya akan dialu-alukan oleh rakyat jelata dan juga tidak akan bercanggah dengan slogan kita '*Cleaner, Greener, Penang*'.

Sistem yang mesra itu, kita boleh dapat *example* daripada internet dan juga boleh tahu dia ada tunjuk macam mana itu sistem digunakan dan macam mana mereka berjaya selepas mereka mengkaji dan kita boleh mengikut atau mengambil sebagai contoh untuk apabila kita mengkaji itu.

Oleh itu saya berharaplah dengan apa yang saya ambil sebagai contoh ini, MBPP atau PBT dapat membuat, mengambil dan merekod sebagai satu contoh untuk kajian tersebut, dan saya amatlah berharap bahawa sistem *Smart Parking* tersebut akan wujud dengan masa yang singkat.

YB. Dato' Speaker, Macallum merupakan satu tempat perumahan yang amat banyak orang dan kita pun tahu bangunan yang lebih daripada 30 tahun, dan 30 tahun yang dahulu tidak begitu banyak kereta. So lepas itu, lepas 30 tahun kita boleh nampak kereta yang semakin banyak dan kita lebih dalam satu keluarga sekurang-kurangnya lebih dua (2) kereta untuk pergi kerja dan guna dua (2) kereta. Oleh itu, dengan tempat letak kereta yang *multi-storey car park* yang dibentangkan oleh Ketua Menteri yang akan didirikan di Macallum tersebut memanglah membawa manfaat terhadap penduduk-penduduk di kawasan Macallum. Inilah satu lagi projek yang memanfaatkan rakyat di kawasan Pengkalan Kota setelah kerja-kerja menaik taraf dan tukar baru lif baru yang sebanyak 23 unit lif yang telah ditukar oleh PDC melalui Program 80, 20 mulai tahun 2016 dan di jangka di siap kerja sebelum akhir bulan Disember ini tahun ini di flat-flat yang lebih kurang 30 tahun di Macallum itu. Saya ingin berterima kasih kerana satu lagi projek selepas itu dan selepas permohonan daripada permintaan akhirnya dua tiga kali akhirnya kita berjaya dan sekarang kita ke Macallum boleh nampak di flat-flat di sana walaupun sudah 30 tahun mempunyai lif yang baru dan sudah dari dulu tidak boleh setiap tingkat berhenti di setiap tingkat sekarang sudah boleh berhenti di setiap tingkat. So inilah satu lagi projek yang manfaat yang telah diluluskan dan telah dibuat oleh Kerajaan Negeri. Ini juga yang merupakan sebuah kerajaan yang selalu

mementingkan keperluan rakyat jelata yang sepertimana rakyat perlu kerajaan ini akan wujud di sana dan membolehkan mereka dapat apa yang mereka perlu.

YB. Dato' Speaker, isu yang saya juga ingin hendak bangkit di sini Dewan yang mulia ini adalah mengenai isu yang lama juga tentang isu rumah usang dan isu rumah di kategori dua (2) yang selalunya menghadapi kebakaran di kawasan tersebut terutamanya di Jalan CY Choy. Dalam tahun 2013 sampai 2016, akhir tahun 2016 telah pun berlakunya kebakaran selama dua (2) kali dan telah membakar sebanyak 17 unit rumah di Jalan CY Choy sahaja. Ini semua merupakan rumah *heritage* kategori dua (2). Kebanyakannya ialah rumah *private* akan tetapi kerana ini rumah kategori dua (2), saya memanglah berharap PBT boleh membuat pemantauan kerana kita boleh dapat itu *especially* semua rumah kategori dua (2) ini adalah di George Town dan CY Choy ini merupakan satu jalan yang selain daripada Jelutong Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu, CY Choy merupakan satu jalan utama dari Jelutong ke *town area*. So ini akan merosakkan imej jika kita tidak mengawal situasi dengan baik kerana saya dapat nampak bahawa selepas kebakaran berlaku, ini rumah-rumah yang telah terbakar pun saya pun pernah tulis surat kepada MBPP bahawa minta MBPP untuk memastikan *structure building* tersebut adakah selamat diduduki kerana jika selepas kebakaran sepatutnya mereka buat satu pemeriksaan dan memastikan rumah tersebut jika tidak selamat untuk diduduki, semua penduduk kena dikeluarkan daripada tempat tersebut dan dipagarkan dengan baik.

Walaupun ini adalah *private building* MBPP sepatutnya minta atau mengarah tuan rumah unit tersebut supaya menjaga unit-unit mereka dengan baik atau jika tidak mereka enggan mengikut arahan daripada PBT, saya memang berharap PBT boleh mengambil tindakan *enforcement* terhadap mereka. Memang kita ada undang-undang untuk mengatasi masalah tersebut tapi *enforcement* memang juga penting jika ada undang-undang dan tidak *enforce* maksudnya orang lain memang *especially* itu tuan rumah persendirian mereka tidak akan hirau dengan apa yang di minta oleh Kerajaan Negeri.

Selain itu, ada juga di dalam *town area* kita boleh nampak walaupun tanah kosong dipagarkan tapi di dalam ada terdapat tumbuh-tumbuhan yang besar dan pokok yang besar dan kita boleh nampak pada selalunya berlaku pokok di dalam tanah persendirian itu tumbang ke atas jalan dan menyebabkan kesesakan lalu lintas dan juga mungkin membahayakan pengguna lalu lintas. Oleh itu, saya memanglah berharap PBT supaya sentiasa memantau tempat-tempat tersebut dan perlu memastikan rumah sebelum perang yang sedia ada ini, memang kena sentiasa dijaga dengan baik supaya pelancong boleh tidak merosakkan imej George Town dengan rumah-rumah tersebut.

Saya ingin juga sentuh tentang peristiwa bencana banjir yang berlaku pada Sabtu yang lalu tersebut. Walaupun kawasan saya tidak banjir seperti di lain tempat tapi akan luar biasa juga apabila air di Sungai Pinang pun telah turun tapi kawasan saya punya seperti Jalan Lebu McNair dan juga Lebu Tye Sin, Lebu Presgrave, Lebu Cecil itu air masih bertakung di atas jalan dan ini memang luar biasa dan mungkin *something happen between the* tidak tahu yang mana satu tempat tersumbat menyebabkan air ini bertakung di sana. Saya juga berharaplah kerana seperti dengan soalan saya tadi cakap itu tentang pokok kerana pada masa itu memang banyak pokok yang telah tumbang dan telah menyebabkan kesesakan jalan raya di *town area*. Sebelum saya berharap PBT boleh memastikan sebelum ada sebarang ujian atau bencana memastikan longkang-longkang di setiap jalan ini adalah sentiasa bersih dan tidak tersumbat dan juga perlu memantau pokok-pokok yang di tepi jalan itu. Kita bukannya hendak tebang pokok tapi kita kena memantau dan selalunya *trim* pokok supaya apabila ada angin kuat tidak senang untuk jatuh kerana apabila ada sikit angin saja kita boleh nampak banyak pokok-pokok akan tumbang di atas jalan dan menyebabkan kesesakan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Bercakap tentang pokok ini saya juga hendak memberi pendapat saya. Kalau Yang Berhormat masih ingat lagi bila kita melebarkan jalan daripada Jambatan Pulau Pinang menghala ke Jalan Masjid Negeri lebih kurang setahun yang lalu terdapat satu projek ataupun inisiatif diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk melebarkan jalan itu bagi tujuan kita mengurangkan kesesakan lalu lintas. Terdapat beberapa NGO ketika itu Sahabat Alam Malaysia, *Consumer Association*, ada juga Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Dewan yang mulia ini pergi mendakap pokok tersebut tidak mahu pokok-pokok itu dialihkan, malah mendakap atau memeluk dengan keras kerana kononnya Kerajaan Pulau Pinang tidak prihatin dengan memelihara alam sekitar. Walaupun YB. EXCO Padang Kota telah menerangkan bahawa proses mengalihkan pokok ini dari satu tempat ke tempat yang lain itu dibuat secara terperinci mengikut beberapa kaedah-kaedah yang telah pun diamalkan di luar negara yang akan memastikan bahawa pokok-pokok ini walaupun 10 tahun, 20 tahun, 30 tahun, 50 tahun akan dialihkan dengan sempurna. Di mana proses pengalihan ini dan penanaman semula akan memastikan pokok itu boleh terus berada di kawasan itu, akan hidup terus

hiduplah.

Bagi saya kalau tanya dengan saya mana satu yang penting nyawa pokok atau nyawa manusia? Nyawa manusia. Baru-baru ini YB. Perai kata kedua-dua, saya bagi pihak Seri Delima saya kata nyawa manusia lebih penting lagi. Baru-baru bila berlaku angin kencang, kita lihat banyak sangat pokok di Pulau Pinang yang tumbang. Di kawasan saya di Jalan Sultan Azlan Shah dekat dengan RECSAM ada satu pokok yang tumbang betul-betul di atas jalan raya menghalang lalu lintas daripada Gelugor ke Bayan Lepas. Berlaku kemalangan ada pokok yang menghempap satu teksi di Taman Tun Sardon (dengan izin) ini bukan *exaggeration* gambar itu dalam Facebook saya. Bayangkan apa yang akan berlaku kalau ada orang yang meninggal, mati. Sekarang saya hendak soal mana pergi Sahabat Alam Malaysia, Penang Forum mana? *Citizen Chant* mana? *Consumer Association*? Mana pergi SM Idris? Mari datang turun bantu kita, ambil gergaji potong pokok. Mana pergi ADUN-ADUN yang pergi memeluk pokok itu? Mana pergi? Datang sama-sama bantu jangan jadi *armchair expert* saja. Saya di sini ingin mengutuk dengan sekeras-kerasnya kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh NGO-NGO ini. Yang Berhormat sebentar, saya baru beremosi sedikit, bagi panas sedikit.

Jadi, saya ketika itu Kerajaan Negeri Pulau Pinang di kecam kononnya kita tidak prihatin, kononnya kita melebarkan jalan itu, merosakkan pokok-pokok yang lama yang menjadi warisan kepada Negeri Pulau Pinang dan sebagainya. Sekarang kita lihat kemungkinan besar di seluruh Jalan Masjid Negeri, Jalan Scotland banyak sangat pokok lama yang telah tumbang sebab mereka jadi lama, akar umbi tidak begitu kuat. Jadi mungkin Kerajaan Negeri perlu memberi perhatian kerana kalau kita lihat di waktu puncak, banyak bas sekolah- bas sekolah yang membawa murid-murid di sepanjang Jalan Masjid Negeri, Jalan Scotland banyak sangat sekolah, banyak yang menggunakan laluan itu untuk datang ke George Town dan balik ke Seberang. Kalau perkara ini berlaku sekali lagi ada pokok-pokok yang tua di kawasan itu tumbang menyebabkan kehilangan nyawa, siapa yang akan bertanggungjawab? Bukan Sahabat Alam Malaysia, bukan *Penang Forum*, bukan *Citizen Chant*, bukan *Consumer Association* ataupun SM Idris. Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan bertanggungjawab.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pendekkan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jadi saya minta supaya perkara ini diberi perhatian dan kalau boleh daripada sekarang kita lihat, kita pergi dan (dengan izin) menandakan pokok-pokok di mana pokok-pokok itu telah pun lama dan boleh menyebabkan bahaya kepada pengguna jalan raya memotong pokok itu kalau diperlukan (dengan izin).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Padang Kota.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Dengan izin.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti dalam perbahasan Yang Berhormat boleh bangkit.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Nanti surat khabar yang dikeluarkan itu tidak seimbang YB. Yang di-Pertua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pendekkan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta maaf kepada rakan saya YB. Seri Delima tetapi sebenarnya saya rasa pilihan dia bukan nyawa manusia ataupun nyawa pokok. Sebenarnya pokok adalah penting untuk manusia juga dan adanya pokok di tepi jalan adalah penting demi strategi mengurangkan kesesakan di jalan raya tetapi saya tiada masa untuk melebarkan. Saya rasa bahawa ada faktor yang amat penting yang telah kurang diberi perhatian iaitu cara penjagaan pokok oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Seringkali kita lihat apabila adanya pelebaran jalan, mereka lebarkan jalan dan potong sahaja akar pokok tersebut. Apabila akar

pokok dipotong maka genggamannya pokok itu akan terjejas dan bagi saya ini memberi impak yang besar ke atas sama ada pokok itu boleh tumbang ataupun tidak semasa angin kencang. Tambahan lagi bukan sahaja semasa pelebaran jalan tetapi cantasan pokok tersebut juga seringkali dibuat oleh pekerja yang tidak mahir dalam cantasan pokok. Jika benar-benar kita ingin menjaga pokok dan takut tentang pokok besar yang tumbang, maka ini juga perlu diberi perhatian. Pulau Pinang memang dalam situasi yang agak unik dimana bagi banyak bandaraya apabila pokok terlalu besar dan terlalu matang, maka mereka dikeluarkan dan digantikan oleh pokok yang lebih kecil. Tetapi banyak pokok warisan, *heritage trees* kita sudah pun begitu lama di sana sehingga menjadi *heritage*. Maka kita perlu melihat bagaimana kita menangani situasi ini. Jadi saya rasa tidak elok kita sahaja menuduh pokok-pokok yang membawa risiko tetapi kita perlu melihat juga sumber manusia kita, cara kita menjaga pokok tersebut. Tanpa pokok ditepi jalan, Pulau Pinang tidak boleh didiami, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, sila.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Saya nak bawa dari saya daripada mula masa saya bawa ini isu *until* sekarang YB. Seri Delima pun kita tak menuduh kepada pokok. Kita langsung tidak menuduh kepada pokok kerana kami tau pokok itu tak da salah, mereka pun tak boleh jawab apa yang kita cakap. So kami kena *sometimes* Kerajaan memang...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta YB. Pulau Tikus tarik balik tuduhan saya tak hentam pokok saya hentam NGO... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, sudah. YB. Padang Kota habiskan, ehh, Padang Kota pula silap. YB. Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Kita memang kesian pada PBT kerana jika gantung pokok pun kena marah, jika pokok tumbang pun kena marah, so akhir sekali yang marah *sometimes* jika pokok tumbang orang marah memang tapi jika kita *replant normally* NGO pun kena faham sikit, *replant* itu jika tempat itu terlalu besar atau kita buat *payment* untuk OKU, tapi tengah-tengah ada jarak ada satu pokok so macam mana nak jalan nak guna itu kerusi roda? Pulau Tikus pun ada, Gurney pun ada betul? ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Itu masalah polisi jalan kaki, polisi pembangunan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

That's why kita kena *sometimes* kena *replant* so jika *replant* kita berharap itu NGO janganlah marah PBT kerana apabila ada masalah saya pun berharap apabila menghadapi masalah seperti bencana seperti ini, NGO pun boleh inisiatif keluar untuk membantu PBT yang kurang main *power* itu, potong itu pokok yang telah tumbang dan alih ke tempat yang lebih selamat yang mereka anggap perlu simpan.

YB. Dato' Speaker, saya ingin mengambil maklum tentang saya terima satu saya ada membuat satu pertanyaan surat soalan bertulis tentang adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memasang atau menaiktaraf *hose* pemadam di setiap *Clan Jetty* kerana saya nampak *hose* bomba yang terdapat di *Clan Jetty* itu ada yang sudah rosak dan tidak sempurna dan ini memang merisaukan orang tempatan. Oleh itu, dapat maklumat yang saya dapat itu ialah dalam 6 jeti tersebut terdapat 21 unit *hose loop* gelong *hose* yang dipasang di sekitar *Clan Jetty*. Akan tetapi saya ingat ingin memohon pihak Bomba kerana dapat sentiasa memantau ke *Clan Jetties* tersebut kerana jika *hose-hose* bomba yang telah rosak harap mereka dapat mengganti atau menaiktaraf kerana *Clan-clan Jetty* merupakan *heritage*, tempat *heritage* dan banyak pelancong dan juga banyak orang yang duduk di sana dan semuanya rumah dibina oleh kayu-kayu. So oleh itu, saya berharap pihak Bomba dapat mengambil perhatian tentang kes-kes tersebut dan supaya kita untuk mengelakkan sesuatu yang tidak ingin berlaku. Dengan isu-isu yang seperti di atas itu, saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Pengkalan Kota. Seterusnya YB. Paya Terubong, sila.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk berbahas pada petang ini. YB. Dato' Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengalu-alukan juga kad '*I Love Penang*' yang pertama kali diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dan berharap kad ini dapat dijadikan sebagai satu *card intelligent* atau kad pintar yang akan merangkumi pelbagai kemudahan dan faedah seperti yang juga dibentangkan oleh rakan saya YB. Pengkalan Kota. Selepas Y.A.B. Ketua Menteri dalam pembentangan bajet pada 2 November 2017 mengumumkan kad '*I Love Penang*', pusat khidmat saya atau Facebook saya juga terima banyak pertanyaan daripada orang awam terhadap kad '*I Love Penang*' ini. Ini menunjukkan ramai orang Pulau Pinang menanti-nanti atau mengalu-alukan kad ini. Saya difahamkan bahawa kad '*I Love Penang*' ini akan dibuka kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan atau individu yang berpendapatan kurang daripada RM2,500 sebulan dibawah program Penang Sihat.

Setiap tahun setiap isi rumah akan diberikan kredit RM300 dalam kad '*I Love Penang*' untuk membayar yuran perkhidmatan pesakit luar beserta ubat dengan had RM50 setiap lawatan. Individu yang tidak berkahwin dengan berpendapatan kurang daripada RM2,500 sebulan akan mendapat kredit RM150 setahun dengan had sama RM50 setiap lawatan. KADUN Paya Terubong merupakan KADUN yang mempunyai populasi dan densiti yang paling tinggi berbanding KADUN-KADUN yang lain. KADUN saya ini merupakan satu KADUN yang bukan berpendapatan tinggi. Oleh demikian saya percayai bawah kad '*I Love Penang*' ini akan memberi manfaat kepada majoriti penduduk di KADUN Paya Terubong dan juga akan mengurangkan beban kehidupan rakyat di KADUN Paya Terubong.

Selain itu, saya juga bersyukur dengan keputusan Kerajaan Negeri yang masih mengecualikan pembayaran cukai pintu untuk perumahan kos rendah dan sederhana rendah. Ini adalah kerana di KADUN saya tak kira di kawasan Paya Terubong atau Bandar Baru Ayer Itam atau kawasan Relau, majoriti perumahan di KADUN saya juga adalah rumah kos rendah dan sederhana rendah. Jadi saya yakin bahawa polisi pengecualian cukai pintu ini juga akan terus memanfaatkan majoriti penduduk-penduduk di KADUN Paya Terubong yang berpendapatan rendah.

Melalui program kad '*I Love Penang*', Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM15 juta untuk menggalakkan lebih ramai orang menggunakan bas awam percuma di Pulau Pinang di waktu kemuncak pagi dan petang. Di sini, saya menyeru supaya apabila merancang *bus route* percuma mestilah mengambil kira permintaan yang besar daripada penduduk di KADUN Paya Terubong. Sekiranya wujudnya bas percuma yang boleh menghubungi kawasan di sekitar Paya Terubong, Ayer Itam, Air Putih pergi ke Daerah Barat Daya, Balik Pulau dan George Town, penduduk di sekitar Paya Terubong tentu dapat menjimatkan banyak kos perjalanan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya mencadangkan *octopus card* di Hong Kong boleh dikaji sebagai satu model di mana di Hong Kong saya percaya bahawa lebih kurang 99% orang di Hong Kong mempunyai *octopus card*. *Octopus card* ini bukan hanya merupakan satu kad untuk membiayai pengangkutan awam tetapi juga merupakan satu kad yang merangkumi pelbagai kemudahan termasuk transaksi perbankan, *you tube*, sekolah, komunikasi dan sebagainya. Negeri Pulau Pinang bercita-cita menjadi sebuah bandaraya antarabangsa. Jadi segala polisi atau dasar kita juga perlu merupakan sesuatu yang menunjukkan ke arah taraf kepintaran. Kerajaan Negeri boleh melalui *public* dan *private partnership* mendapat lebih sektor swasta atau korporat untuk menyertai program kad '*I Love Penang*' ini supaya dapat memberikan lebih banyak kemudahan. Contohnya kemudahan diskaun kepada penduduk di Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian juga Kerajaan Negeri terhadap *privacy data* dalam kad ini. Sebab *privacy data* ini perlulah diutamakan dan dilindungi dengan ketat. Sesuatu kad yang mempunyai *multi function* termasuk kredit wang dan juga data-data persendirian mungkin boleh disalah gunakan oleh pihak-pihak yang bermotif jahat sekiranya kad ini dicuri atau hilang. Oleh demikian, kerja perlindungan data atau *privacy* dalam kad ini mestilah diberi keutamaan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, isu seterusnya mengenai projek perumahan yang lama di lereng bukit. Sejak kebelakangan ini isu banjir kita mendapat perhatian ramai dan selanjutnya menimbulkan suara supaya mempertimbangkan kelulusan projek perumahan yang dibina di lereng bukit. Saya di sini, ingin menarik perhatian orang awam atau juga NGO terhadap juga perumahan yang sedia ada atau yang sudah lama berada di lereng bukit yang diluluskan dahulu oleh Pentadbiran dahulu. Misalan di KADUN saya, wujudnya beberapa perumahan bertingkat tinggi yang diluluskan dan dibina sejak Pentadbiran

Barisan Nasional di tahun 80'an dan 90'an. Contohnya di Paya Terubong terdapatnya rumah pangsa kos rendah *Sun Moon City*, Pangsapuri Awan, Saujana Green Garden, Semua ini diluluskan dan dibina semasa Barisan Nasional. Saya tidak pasti, saya pun tidak tahu sama ada pada masa dahulu adakah NGO-NGO atau parti seperti MCA dan Gerakan yang membantah semua projek-projek perumahan sedemikian.

Di sini saya bukan hendak menyiasat siapa yang dulu meluluskan projek perumahan di lereng bukit ini. Apa yang saya hendak menarik perhatian di sini adalah supaya menyeru kerajaan dan juga termasuklah Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan mungkin kementerian-kementerian yang relevan untuk dapat membuat kajian sama ada perumahan sedemikian masih selamat dan juga membuat pemantauan struktur bangunan dan juga *engaged...*(dengan izin) *geotech specialist* untuk memastikan *slope* adakah masih *stable* secara *regularly*. Sekiranya mendapati *slope*, atau struktur bangunan tidak *stable*, langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan termasuk membuat *soil nailing...*(dengan izin) atau memperkukuhkan atau membina *retaining wall* atau membina lebih saluran air juga memperbaiki *erosion* dan *continue to monitor the slope*. Dengan pendek kata, projek perumahan lama yang dibina di lereng bukit juga *equivalent...*(dengan izin) penting untuk dipantau oleh semua pihak. Struktur bangunan dan keadaan tanah haruslah disemak sekurang-kurangnya setiap kali setahun.

YB. Dato' Yang di-Pertua, isu seterusnya mengenai masalah bas kilang atau kenderaan besar parkir di kawasan perumahan. Masalah ini juga merupakan satu masalah yang lama diwujudkan. Masalah ini bukan hanya berlaku di kawasan Macallum tetapi juga di kawasan saya khususnya di kawasan Relau. Ini adalah kerana Relau sangat dekat dengan kawasan Perindustrian Bayan Lepas. Ramai pekerja asing yang menduduki di KADUN saya khususnya di kawasan Relau. Oleh itu, bas-bas kilang banyak *simply parking* di kawasan perumahan di kawasan Relau. Masalah ini telah banyak menimbulkan beban dan ketidakselesaan kepada penduduk sekitar. Saya juga telah banyak kali membangkitkan masalah ini dan juga mengadakan beberapa kali mesyuarat dengan agensi-agensi seperti PDRM, JPJ, SPAD dan juga MBPP tetapi masalah ini masih tidak diselesaikan. Ketidacukupan serta ketiadaan tempat letak kenderaan berat yang sesuai telah menyebabkan kenderaan-kenderaan tersebut diletakkan secara berselerak di kawasan-kawasan perindustrian, perumahan dan juga perdagangan. Keadaan ini wujud dengan ketara di bandar-bandar baru. Peletakan kenderaan berat secara berselerak seterusnya telah memberi implikasi negatif dan menimbulkan pelbagai masalah. Masalah-masalah yang ditimbulkan termasuk berlakunya kerosakan jalan dan bahu jalan, peletakan kenderaan berat secara berselerak di kawasan pembangunan turut menimbulkan keadaan yang tidak selamat kepada pengguna jalan raya. Banyak kes-kes kemalangan maut yang melibatkan orang awam dan kenderaan lain disebabkan oleh penggunaan ruang tepi jalan oleh kenderaan berat. Peletakan kenderaan berat di kawasan perumahan telah menghasilkan pencemaran bunyi dan juga pencemaran udara kepada penduduk-penduduk setempat dan juga peletakan kenderaan berat secara berselerak di kawasan perumahan atau di kawasan tidak sepatutnya telah mewujudkan pemandangan yang buruk, satu *visual instruction*.

Sehingga kini tiada sebarang garis panduan perancangan yang khusus untuk digunapakai dalam perancangan peletakan terminal kenderaan berat dari segi peletakan dan lokasi, reka bentuk kemudahan, sokongan dan lain-lain perkhidmatan. Peletakan kenderaan besar yang tidak sesuai menyebabkan menimbulkan masalah kepada pemandu kenderaan dan juga penduduk setempat. Di Pulau Pinang kita boleh membina Marina untuk *yatch* iaitu kapal layar. Oleh demikian satu terminal yang *proper* atau yang terancang untuk kenderaan besar juga adalah sangat diperlukan. Penyediaan terminal kenderaan berat adalah bertujuan untuk :

1. Menyediakan kemudahan pemunggahan *transshipment* yang terancang bagi mengelakkan kenderaan berat lebih yang melebihi 5 tan memasuki pusat bandar atau kawasan perumahan untuk penghantaran ke premis-premis perniagaan.
2. Menyediakan kemudahan tempat letak kenderaan berat dikawasan tumpuan aktiviti industri dan perdagangan dengan tujuan untuk mengelakkan peletakan secara berselerak di kawasan bahu jalan.
3. Menyediakan terminal dengan persekitaran yang terancang dan selamat di lengkapi dengan kemudahan asas yang diperlukan oleh pemandu.
4. Menyediakan kemudahan tempat letak kenderaan yang boleh dikongsi bersama oleh kenderaan berat lain seperti bas sekolah, bas kilang dan sebagainya. Bagi mengelakkan ianya diletakkan secara berselerak dikawasan perumahan.

5. Mengurangkan konflik guna tanah dengan adanya satu kawasan terminal kenderaan yang terancang dan teratur. Seperti yang disebut oleh YB. Padang Kota, kuasa yang ada ditangan Kerajaan Tempatan untuk menguatkuasa terhadap kerja besar yang terletak secara suka hati adalah terhad, banyak penguatkuasaan adalah bergantung kepada PDRM dan juga SPAD.

Semasa saya mengadakan mesyuarat dengan PDRM dan juga SPAD. Saya juga difahamkan bahawa adalah mustahil untuk menjalankan penguatkuasaan setiap hari. Untuk satu *solution* satu penyelesaian tempoh panjang, satu terminal untuk kenderaan besar mesti dikaji dengan segera seperti kita ada hab untuk Bas Rapid di jeti. Kita ada terminal bas di Sungai Nibong tetapi kita tidak ada satu terminal untuk kenderaan besar yang terancang. Untuk membina terminal bas kilang ini saya mencadangkan setiap kilang atau pengusaha di FTZ patut memberi sumbangan *contribution* sebagai CSR untuk membantu Kerajaan Negeri dalam membina terminal untuk kenderaan besar ini.

Dalam pengurusan terminal bas atau pengurusan kenderaan besar ini, mesti dibawah Kerajaan Tempatan. Kesemua kenderaan besar yang meletak di terminal tersebut mestilah membayar kos sewa sebagai kos operasi kepada Kerajaan Tempatan.

Di sini terdapat beberapa undang-undang sedia ada yang menyentuh aspek-aspek berkaitan dengan penyediaan tempat kenderaan berat iaitu pertama, Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu Akta 333. Subseksyen 48, Subseksyen 1, dan 40, Subseksyen 2 memberi kuasa kepada Pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis dan PBT untuk mengalih, mengapit atau menahan kenderaan yang menyebabkan halangan atau kesusahan kepada pengguna jalan raya yang lain. Kesalahan di bawah peruntukan ini boleh didenda tidak kurang daripada RM1,000 dan tidak lebih daripada RM5,000 atau dipenjara selama tempoh tidak kurang daripada 1 tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 72 Akta yang sama pula memperuntukkan mengenai keperluan menggandakan tempat letak kereta dan tempat perhentian oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan atau Badan Awam bagi kenderaan Perkhidmatan Awam atau kenderaan halangan. Bagi tujuan ini mana-mana tanah boleh digunakan bagi maksud tersebut yang diperolehi secara sah di sisi undang-undang. Seksyen ini juga membenarkan penggunaan mana-mana bahagian sesuatu jalan untuk digunakan sebagai tempat letak kereta atau tempat perhentian bagi kenderaan Perkhidmatan Awam atau kenderaan barangan dengan syarat ia tidak menyekat akses ke mana-mana premis yang bersempadan dengan jalan itu atau menyekat mana-mana orang yang berhak menggunakannya atau hingga menimbulkan aktiviti kacau ganggu. Caj boleh dikenakan bagi penggunaan tempat letak kenderaan dan ia perlu dinyatakan waktu penggunaan selama mana kenderaan tersebut boleh diletakkan di sesuatu tempat letak kenderaan.

Akta ini juga membetulkan keperluan memaklumkan kepada pengguna perkara-perkara berikut:

- A. Bilangan dan dimensi ruang yang hendak diadakan. Aliran kenderaan dalam ruang letak kenderaan, kedudukan pintu masuk dan keluar dan caj yang dikenakan termasuk cara pemungutannya. Terminal kenderaan berat boleh didefinisikan sebagai tempat atau kawasan bersinggahan yang menghubungkan lori-lori perkhidmatan pengangkutan jarak jauh antara bandar *infra-city* dengan lori-lori perkhidmatan pengumpulan dan penghantaran dalam bandar atau dengan rangkaian lalu lintas pengedaran di luar bandar. Peranan utama terminal ini adalah sebagai tempat peletakan kenderaan berat bermuatan atau kosong pada waktu siang dan malam. Dia juga berfungsi sebagai pusat pemindahan muatan *transshipment*, pusat penyimpanan, pusat penyenggaraan dan baik pulih kenderaan. Pengendalian kargo barangan kecil sebagai tempat menunggu dan berhenti rehat kepada pemandu. Semua syarikat operasi kenderaan besar mestilah membayar sewa kepada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan untuk pengusaha ini. Untuk penyelesaian tempoh panjang saya memang berharaplah cadangan untuk membina terminal bas bukan terminal untuk kenderaan besar ini dapat *dimaterialize* kan secepat mungkin.

YB. Dato' Yang di-Pertua, dalam bajet kali ini saya juga mengalu-alukan Program Peningkatan Pengurusan dan Latihan Semula bagi mempersiapkan pengurusan kita menghadapi masa depan digital. Saya kagum dengan inisiatif Kerajaan Negeri yang akan memulakan *Penang Leadership Academic* untuk membawa masuk kursus kepimpinan dan keusahawanan ke *cutting-edge* daripada pakar-pakar dalam industri di seluruh dunia. Saya berharap *Penang Leadership Academic* ini akan diwujudkan sebagai sebuah entiti latihan pembangunan usahawan untuk negeri ini dengan memperkenalkan pelbagai program usahawan daripada seluruh dunia.

Program usahawan mesti merupakan salah satu inisiatif untuk menerapkan nilai dan ilmu keusahawanan digital di kalangan golongan belia dan usahawan mikro. Para peserta akan diberi pendedahan kepada teknik pemasaran digital yang efektif, *statistical* dan relevan kepada pengguna semasa. Objektif jangka panjang program usahawan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang usahawan digital seterusnya membolehkan mereka untuk memanfaatkan kuasa platform digital untuk mengembangkan perniagaan mereka selaras dengan agenda ekonomi digital negara. Pensyarah-pensyarah daripada universiti terkenal dan tokoh-tokoh korporat antarabangsa yang terkenal mungkin Jack Ma, Alibaba juga boleh dijemput untuk datang ke Pulau Pinang melalui *Penang Leadership Academic* ini.

Baru-baru ini seorang kelahiran Malaysia yang merajui gergasi Semikonduktor Broadcom diraikan oleh Presiden Donald Trump di White House apabila syarikat ini mengumumkan perpindahan ibu pejabat daripada Singapura ke Amerika Syarikat. Tan Hock Eng yang lahir di Pulau Pinang mengenang kembali zaman di Malaysia sebelum menerima tawaran melanjutkan pelajaran ke MIT. Beliau semasa bersama Donald Trump dia menyatakan bahawa pada 1971. Dia hanya seorang budak kurus berusia 18 tahun yang diberi peluang untuk menyertai sekolah kejuruteraan yang terbaik di Amerika Syarikat malahan terbaik di dunia, katanya. Tan berkata dirinya bertuah kerana melepasi sistem pendidikan di Amerika Syarikat. Pada tahun 2015 Tan Hock Eng yang merajui Avago Technologies Ltd yang berpangkalan di Singapura membeli Broadcom Corporation untuk *USDollar 37 billion*. Menjadikannya pemerolehan teknologi terbesar dalam sejarah. Mengatasi urus janji Whatsapp, Facebook yang bernilai *USDollar 22 billion*. Broadcom menghasilkan cip untuk modem, televisyen, wifi dan pengalih di pusat data. Syarikat ini pembekal utama kepada syarikat Apple dan juga berasal daripada Hewlett-Packard. Apa yang kita lihat daripada cerita Tan Hock Eng ini yang berasal dari Pulau Pinang. Ini adalah betapa mustahaknya satu latihan atau pembangunan modal insan untuk seorang usahawan. Jadi saya ingin memberi kepujian kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga mengambil berat terhadap pembangunan modal insan termasuk pembangunan, kepimpinan, keusahawanan untuk rakyat di Pulau Pinang.

Isu seterusnya adalah mengenai Jalan Paya Terubong. Daripada jawapan yang diberikan oleh YB. Bagan Jermal kepada saya mengenai status terkini pembinaan jalan berkembar Bukit Kukus di Paya Terubong. Saya bersyukur dimaklumkan bahawa kemajuan kerja di tapak oleh MBPP dan pemaju telah mencapai 39% berbanding dengan 38.3% yang dijadualkan. Sehingga kini kemajuan kerja di tapak pada bahagian yang dijalankan oleh MBPP dan PLB Land Sdn Bhd adalah mengikut jadual dengan pencapaian masing-masing 57% bagi MBPP dan 30% bagi PLB Land Sdn Bhd. Kerja penyambungan dan menaik taraf jalan berkembar Jalan Paya Terubong dari Lebuhraya Thean Theik ke Lebuhraya Bukit Jambul ini yang dimulakan pada 15 Januari tahun 2016 ini dijangka siap pada awal tahun 2019. Berbanding dengan kerja yang dijalankan oleh MBPP dan PLB Land Sdn Bhd kerja yang patut dijalankan oleh satu lagi pemaju iaitu Geo Valley ini hanya mencapai kemajuan 50, *sorry*, 15% iaitu lewat 4% berbanding dengan 19% yang dijadualkan. Saya difahamkan bahawa kelewatan Geo Valley ini adalah sedikit sebanyak berkaitan dengan projek perumahan mereka yang telah dibantah oleh penduduk di sekitar di mana penduduk-penduduk telah membawa kes mengenai kelulusan projek perumahan ke Lembaga Rayuan.

Sebagai wakil rakyat di kawasan tersebut, saya memang memahami kerisauan dan perasaan penduduk terhadap projek perumahan 47 tingkat yang diberikan oleh MBPP kepada pihak pemaju. Dan saya juga difahamkan bahawa kes ini sekarang berada di proses perundangan iaitu di Mahkamah Rayuan. Jadi buat masa kini kita tidak patut memberi apa-apa komen terhadap kes ini. Tetapi demi tidak menjejaskan perkembangan jalan berkembar yang lebih penting untuk menyelesaikan masalah trafik di Paya Terubong, saya mungkin mencadangkan pihak MBPP dapat mengkaji sama ada mengambil alih kerja daripada Geo Valley di mana kos juga akan selanjutnya dibilkan kepada pemaju dan ditanggung oleh pemaju sebab saya tidak ingin jadual jalan berkembar ini dijejaskan oleh kelewatan pemaju iaitu Geo Valley Sdn Bhd.

Selain itu, kebelakangan ini pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab seperti Parti MCA dan Gerakan telah memanipulasikan isu jalan berkembar ini dengan membatalkan projek jalan berkembar ini dengan mengatakan bahawa jalan berkembar ini merosakkan kawasan hutan. Semua ini adalah tidak betul. Jalan berkembar ini sebenarnya juga pernah dijanjikan oleh wakil rakyat MCA pada masa dahulu tetapi tidak ditepati janjinya. Oleh itu barulah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil alih tanggungjawab ini dengan membina jalan berkembar ini dengan kos Kerajaan Negeri sendiri. Dengan sedihnya wakil daripada MCA atau Gerakan telah memberi gambaran yang tidak betul terhadap jalan berkembar ini. Saya yakin bahawa penduduk di Paya Terubong dan juga rakyat di Pulau Pinang memang menanti-nantikan jalan berkembar ini disiapkan pada tahun 2019 kerana penduduk di Paya

Terubong dan juga di Bandar Baru Air Itam di kawasan Relau memang sudah lama menunggu untuk melepaskan diri daripada masalah trafik di Paya Terubong.

YB. Dato' Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini masalah banjir kilat juga berlaku di kawasan-kawasan yang sebelum ini tidak pernah berlakunya banjir. Isu ini juga telah menjadi satu *hot issue* dan telah digunakan oleh pihak pembangkang untuk menyerang pihak Kerajaan Negeri. Baru-baru ini satu forum telah diadakan oleh NGO-NGO. Memang Kerajaan Negeri merupakan sebuah kerajaan yang *open minded*, untuk menerima semua kritikan dan juga semua cadangan tetapi kita juga tidak harus melihat berat terhadap perasaan orang awam mengenai masalah-masalah yang ditimpa oleh rakyat. Jadi di sini saya pun telah dalam sidang ini meminta penjelasan daripada Kerajaan Negeri terhadap langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah banjir kilat yang berlaku di Lebuh raya Thean Teik. Saya difahamkan bahawa masalah banjir di Lebuh raya Thean Teik adalah disebabkan oleh limpahan air hujan yang lebat yang tidak dapat disalurkan dengan cepat melalui Sungai Dondang dan Sungai Air Itam ke Sungai Pinang.

Bagi penyelesaian jangka pendek pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang akan melaksanakan sebutharga untuk menjalankan kerja-kerja seperti berikut:

- i. mendalamkan Sungai Pinang dan muara Sungai Pinang;
- ii. mendalamkan dan membaiki tebing Sungai Air Itam;
- iii. mendalamkan Sungai Dondang; dan juga
- iv. mendalam dan melebarkan kolam takungan Sungai Dondang.

Selain itu JPS juga telah memohon peruntukan caruman perparitan dalam MMK Tebatan Banjir bagi merekabentuk kolam takungan untuk mengurangkan impak aliran Sungai Dondang dari melimpah ke lereng bukit dan seterusnya ke Lebuh raya Thean Teik. Bagaimanapun saya berharap pihak Kerajaan dapat memastikan kerja-kerja JPS ini dipercepatkan supaya isu banjir ini boleh diselesaikan dengan cepat dan tidak dimanipulasikan oleh parti pembangkang untuk menyerang Kerajaan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis?

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Lagi satu. Saya juga bersyukur bahawa projek pemulihan pasar awam di KADUN Paya Terubong yang melibatkan pembangunan di atas tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) di Lot 8826, Mukim 13, Daerah Timur Laut. Status terkini projek tersebut masih diperingkat kerja-kerja pembinaan dan dijangka akan disiapkan sepenuhnya pada bulan Jun tahun 2018.

Walau bagaimanapun pemaju akan berusaha untuk menyejajarkan kerja-kerja pembinaan dan usaha untuk menyiapkan pada akhir tahun ini. Jadi selepas penyempurnaan pasar awam ini saya berharap dan juga meminta supaya penjaja-penjaja yang sedia ada di tepi jalan di kawasan Paya Terubong khususnya di Tingkat Paya Terubong akan diberikan keutamaan untuk masuk dan beroperasi di pasar awam ini. Selain itu saya juga meminta bahawa supaya pasar awam ini dapat dipelbagaikan peranannya termasuk dijadikan satu *library* atau satu dewan kecil yang berada di bangunan untuk kegunaan penduduk komuniti.

Sebelum menamatkan perbahasan saya, saya juga ingin merakamkan dalam *hansard* saya untuk satu penghormatan kepada Sapno Tukijo iaitu bilal Surau Taman Free School yang telah menyelamatkan mangsa banjir, sekumpulan lelaki dan perempuan bukan Islam dan ditempatkan di Surau Taman Free School ini. Tindakan mulia Sapno Tukijo ini yang menawarkan bantuan ketika semua orang dalam keadaan terdesak patutlah dicontohi oleh seluruh rakyat Malaysia dan khususnya pemimpin-pemimpin negara kita di mana semangat perpaduan dan saling tolong menolong adalah nilai murni semangat Malaysia yang harus dipupuk dan bukan fahaman sempit perkauman atau keagamaan. Dengan ini, saya memohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Paya Terubong. Y.A.B. Air Putih, sila.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Selaras dengan Peraturan 6A(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 8 November 2017, Hari Rabu dilanjutkan sehingga jam 6.30 petang.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telahpun mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 8 November 2017 (Rabu) sehingga jam 6.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

Ya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Sebulat suara, usul dipersetujui. Sesi perbahasan di sambung. YB. Berapit, sila.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya ingin mengambil kesempatan untuk bahas bajet Negeri Pulau Pinang 2018. Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, Wakil Rakyat Berapit, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua yang menolong saya sepanjang dekat sembilan tahun lebih berkhidmat di KADUN Berapit.

Bajet Pulau Pinang memang begitu berperikemanusiaan untuk menjaga semua lapisan rakyat. Tetapi di sini saya bagi cadangan, yang wang bagi warga emas, dari RM100 meningkat ke RM130 itu, kalaulah boleh, ini permintaan saya dari 2013 sampai hari ini, iaitu memberi perkhidmatan perubatan kepada warga emas, bekerjasama dengan sektor swasta dan hospital-hospital *private* atau klinik-klinik di Pulau Pinang, memandangkan kos-kos perubatan meningkat begitu tinggi di Negeri Pulau Pinang. Banyak rakyat jelata tidak mampu duduk di hospital kalau mereka jatuh sakit. *Medical tourism* itu memang membawa *revenue* kepada Kerajaan Negeri tetapi dia juga membawa impak yang tidak begitu bagus kepada rakyat jelata. Dan saya harap Kerajaan Negeri dapat menimbangkan lagi sekali iaitu akhir sekali sebagai wakil rakyat memberi pertolongan sewajarnya kepada warga emas di dalam kes-kes perubatan mereka iaitu mengambil wang RM100 sekarang tambah RM130 itu, menubuhkan satu tabung dan membantu warga emas di Negeri Pulau Pinang.

Saya memang suka hati melihat Kerajaan Negeri ingin memberi wang begitu banyak untuk mendirikan stadium-stadium untuk memajukan sukan di Pulau Pinang. Tetapi saya ingin memesan kepada Negeri Pulau Pinang iaitu stadium yang wujud sekarang di Pulau Pinang iaitu Stadium Batu Kawan yang berada di Batu Kawan, apakah statusnya sekarang? Adakah Stadium Batu Kawan sekarang dijaga dengan baik dan digunakan sepenuhnya? Dan yang sepanjang pengetahuan saya, PDC yang menjaga Stadium Batu Kawan dan bukan MSN lagi. Sifat *maintenance mentality* ini memang begitu penting kepada mana-mana Kerajaan Negeri di Malaysia.

Bulan lepas, saya pertama kali naik keretapi ke Kuala Lumpur, ETS, tetapi saya turun salah stesen. Saya turun di Stesen Keretapi Kuala Lumpur dan bukan Stesen KL Sentral. Apabila saya pijak keluar keretapi ETS ini saya terkejut melihat stesen keretapi Kuala Lumpur begitu rosak, uzur dan tidak dijaga dengan baik. Seperti saya masuk ke sebuah *building* yang macam *haunted*, *I feel very scared*. *But* ini adalah satu *building historical*, lebih daripada 100 tahun di Kuala Lumpur. Dan inilah *maintenance mentality* di negara kita. Dan saya diberitahu oleh kawan di Putrajaya *building* yang begitu canggih yang dibina oleh Perdana Menteri yang dahulu, *building* Imigresen dengan *granite* tetapi apabila dia masuk ke tandasnya, banyak yang rosak. Kantin pun seperti kantin yang dijalankan oleh orang kampung. Tiada makanan panas. Dan saya pernah pergi ke *Federal Court* di Putrajaya, memang cantik, canggih *buildingnya* semua dinding *marble*, cantik sekali. Juga sama bila saya pergi tandas wanita, pintu rosak, pam air pun rosak dan kita sampai awal pagi tunggu kes Cinta Sayang, dan kita kena pergi makan sarapan pagi sebelum ia bermula pada jam 9.30 pagi, bila masuk kantin juga sama. *It's not standard what we want in our minds*. *Building* canggih tetapi *maintenance* itu tiada.

So saya berharap Kerajaan Negeri mengambil berat tentang *maintenance*. Semua bangunan-bangunan di negeri kita seperti di kawasan saya, rumah rehat Pejabat Daerah, dari 2008 sampai hari ini pun tidak nampak apa-apa terjadi lagi. Sampai tahun lepas, di Dewan ini Yang Berhormat dari Air Putih janji akan membuat sesuatu tetapi khabar yang saya dapat ialah akan serah kepada Hospital Bukit Mertajam, digunakan sebagai wad atau *car park*. Tetapi saya harap ini akan ternyata pada pendek masa ini. Sebab saya tunggu dekat enam (6) tahun. Kalau boleh jadikan wad *emergency* lagi bagus sebab Hospital Bukit Mertajam tidak cukup katil untuk rakyat yang perlu.

Dan lagi satu ialah selalu saya menyeru kepada Kerajaan Negeri iaitu peruntukan khas tahunan kepada NGO-NGO yang menolong Kerajaan Negeri untuk menolong orang yang perlu ditolong seperti *St. Nicholas Home Penang*, banyak lagi NGO-NGO yang menjaga orang kurang upaya atau *orphanage centre*. Kita pernah bekerja *smart partnership* dengan WCC untuk menjaga kepentingan wanita dan sampai hari ini juga kita masih bekerjasama. Peruntukan khas tahunan ini kalaulah boleh diberi kepada organisasi-organisasi ia akan menolong Kerajaan Negeri untuk menjaga rakyat yang perlu diambil perhatian. Di kawasan saya, saya perlu mengambil balik lagi masalah yang dihadapi oleh KADUN Berapit. Ini disebabkan rakyat saya sebelum saya datang ke Dewan ini, mereka menyuruh saya untuk membawa soalan ini kepada Dewan yang mulia ini iaitu projek perumahan di belakang Taman Sentosa, Bukit Seri Emas, Bukit Emas. Ada dua (2) projek iaitu satu, projek Maltech dan satu lagi projek BM Country Club di belakang iaitu Seberang Perai Resort Berhad. Sebab pembangunan rumah ini, Maltech ini akan membina satu blok yang 31 tingkat kondominium di taman yang begitu banyak perumahan. Satu lagi *building* dua blok yang mengandungi 43 dan 35 unit kondominium. Disebabkan pembangunan rumah di Negeri Pulau Pinang atau di negeri lain kita ada jalan dahulu, selepas ada jalan, di sebelah kedua-dua jalan itu baru ada kedai-kedai dan rumah akan dibina di belakang kedai-kedai. Rumah akan pesat membina sampai di bawah bukit tetapi rumah yang di depan itu tahun 60'an, 70'an longkang mereka kecil dan cetek, tidak dapat menampung air yang turun daripada bukit. Itu menjadikan banjir kilat di banyak KADUN-KADUN di Seberang dan juga di sebelah Pulau Pinang. Rakyat di taman-taman ini memang tidak bersetuju dengan dua (2) projek yang akan dibina di KADUN Berapit.

Saya juga ingin beritahu di Dewan yang mulia ini, saya sebagai wakil rakyat saya pun tidak setuju kalau infrastruktur di kawasan ini tidak dipertingkatkan seperti perparitan, *water pressure*, jalan yang cukup untuk menampung kereta yang bertambah disebabkan tingkat-tingkat kondominium dan rakyat penduduk yang meningkat. Ini ialah mesej yang saya kena bawa kepada Dewan ini untuk rakyat saya di Berapit.

Dan di Taman Sentosa, *hotspot* tanah runtuh, ini adalah satu tempat yang begitu merunsingkan saya sebagai wakil rakyat sebab saya selalu emel kepada jabatan-jabatan yang berkenaan tentang ada tanah runtuh, setiap kali RT atau penduduk di sana beritahu saya tetapi sampai hari ini saya tidak nampak ada apa-apa tindakan yang diambil sampailah pada 4 November terjadinya hujan lebat yang begitu kuat, tanah sudah runtuh, *corner lot* di Taman Sentosa, di belakangnya sampai depannya tanah liat. Apa yang MPSP buat pada hari kelmarin, mereka menutup dengan *tarpaulin sheet*, itu apa yang RT, orang tempatan di sana beritahu mereka menutup dengan plastik. Saya pernah bertanya YDP, adakah ini dapat menahan tanah runtuh jikalau berlaku hujan lebat? Dia kata ini *temporary*. Saya berharap Kerajaan Negeri tidak kira ini tanah siapa, dia kata tanah ini *private*, tanah orang punya, bukan kerajaan punya, dia mahu tunggu tuan tanah. Tidak boleh, kita tidak dapat menunggu, bencana alam tidak menunggu sesiapa pun, dia mahu jadi apabila pun boleh terjadi. Saya berharap Kerajaan Negeri boleh proaktif, ambil tindakan yang sewajar, mendirikan dinding atau apa-apa sahaja yang boleh menahan tanah atau batu yang besar kalau terjadinya bencana alam lagi, batu itu akan jatuh ke rumah yang sederet di bawah bukit itu.

Satu lagi di Taman Seri Bukit Indah, itu satu lagi *hotspot* tanah runtuh di KADUN Berapit di mana batu-batunya begitu besar dan tiada pokok-pokok yang boleh menahan. Nasib baik sekarang tidak ada apa-apa yang berlaku, tetapi saya tidak tahu apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Dua-dua tempat ini saya harap Kerajaan Negeri boleh menghantar profesional seperti geologi kah, sesiapa kah, alam sekitar kah, membuat kajian dan membuat sesuatu. Ini ialah untuk rakyat yang tinggal di sana boleh hidup dengan senang hati dan tiada kekhuatiran tentang apa yang akan berlaku jikalau terjadinya bencana alam. *Sustainable and peaceful life for my people in KADUN Berapit*.

Bajet Pulau Pinang ini saya nampak kurang menyentuh pembangunan belia pada kali ini. Dahulu sebagai EXCO, saya beri, kalau tak salah RM600,000.00 setiap tahun kepada MBPP untuk pembangunan belia. Tetapi sudah ditolak, tidak ada, saya tidak nampak ada apa-apa pemberian kepada NGO-NGO belia di Pulau Pinang untuk mereka memajukan organisasi mereka. Belia adalah satu golongan yang menjadi harapan kepada Negeri Pulau Pinang, kita sebagai kerajaan patut bekerjasama

tidak kira apa-apa *background* mereka. Saya selalu kata kerajaan dengan rakyat selalu kena kerjasama sebagai *smart partnership*, baru negeri kita boleh maju ke hadapan.

Politik di Malaysia sangat aneh. Saya menceburi politik bukannya mahu menjadi wakil rakyat atau EXCO, saya menceburi politik sebab saya mahu melihat sebuah negara yang dikasihi oleh semua dan pembangunan dengan murni di antara rakyat dan di antara parti-parti yang menjadi pimpinan kepada negara atau negeri. Tetapi dari 2008 sampai hari ini di Dewan kita selalu gaduh-gaduh dan kadang-kadang kita gaduh itu tidak ada memberi apa-apa kebaikan kepada pembangunan negeri atau negara untuk rakyat. Saya harap masa akan datang kepimpinan kerajaan atau pembangkang boleh bekerjasama untuk memberi pandangan yang lagi bagus untuk kita bekerjasama dan membangunkan Pulau Pinang. Manusia sangat kecil jika dibandingkan dengan alam sekitar dengan dunia ini. Apa kita yang hendak gaduh, kalau terjadi apa-apa bencana seperti yang berlaku pada 4 November atau Tsunami, atau apa-apa bencana, lebih baik kita berikhtiar bagaimana mahu membangunkan negeri kita dan mengelakkan apa yang berlaku pada hari itu dan *make sure it will not happened again*.

Kerjasama daripada Federal Government bagi peruntukan yang cukup untuk mendirikan infrastruktur yang diperlukan di Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri patutnya berikhtiar macam mana mengurangkan bencana alam berlaku lagi. Adakah pembangunan Pulau Pinang begitu pesat, *land reclamation* atau pembangunan di *hillside* yang menyebabkan tanah runtuh dan air begitu keruh yang terjadi pada 4 November? Adakah pembangunan *housing, developers* itu tidak mengikut *rules and regulations* untuk membuat takungan air yang disarankan oleh Kerajaan Tempatan? Iaitu *water retention pond can cater for 50 years*. Itu penting, *monitoring* itu penting.

Kawasan saya tidak begitu teruk diserang oleh bencana alam pada hari Sabtu sebab di pejabat saya, JKPP saya selalu turun padang *monitoring* semua longkang-longkang di taman-taman dan *monsoon drain* yang dijaga oleh JPS. Setiap dua (2) minggu kita akan telefon jabatan yang berkenaan untuk membersihkan longkang. Saya selalu emel kepada MPSP tolong *trim* pokok atau dahan yang sudah panjang atau yang mahu kena rumah, *check* pokok yang ada kuman atau sakit, tolong potongkan pokok itu. Saya bukan suka potong pokok tetapi kalau pokok itu tidak sihat ia akan tumbang dan akan kena orang. Saya selalu menggunakan peruntukan saya untuk memotong pokok di *private land*, kadang-kadang pokok kelapa yang tinggi-tinggi itu, yang nampak mahu jatuh, saya guna peruntukan sendiri untuk buat, saya guna peruntukan sendiri untuk masuk ke sekolah untuk menolong sekolah-sekolah bagi memotong pokok sebab takut pokok akan tumbang dan jatuh serta kena murid-murid.

Di kawasan saya hanya tidak sampai 20 pokok yang tumbang dan tiada banjir, hanya dua (2) buah rumah di Flat Permata ada hilang bumbung sebab angin kencang dan sebuah rumah di Taman Alma, *that's it*. Ini ialah kerja wakil rakyat, sentiasa *monitoring* kawasan dan kita kena jadi macam *wala-wala* selalu panggil MPSP buat kerja. Saya pernah kena marah oleh MPSP dan Town Councillor mereka secara terbuka di *press*, mereka kata saya cakap tidak bagus pada mereka sebab saya menyuruh mereka belajar dengan e-Idaman di Kedah yang pada satu masa dahulu saya yang *rejected* e-Idaman ambil alih kerja kebersihan Negeri Pulau Pinang. Sebab sekarang di Kedah bersih, tiap-tiap minggu mereka datang ke taman dan bersih padang-padang, longkang-longkang, korek semua tanah pasir dan simpan dalam plastik atau guni. Sekarang lepas banjir mereka nampak banyak pasir yang dikorek keluar, adakah ambil plastik besar atau guni dan simpan pasir ataupun bubuh di tepi. Kalau bubuh di tepi, hujan datang akan masuk longkang lagi. E-Idaman ambil sampah-sampah ini dan *recycle*, mereka dapat keuntungan daripada jual rumput, dahan, daun-daun dan tanah atau pasir dari longkang, *they make money*. Saya suruh MPSP kalau boleh pergi ke Kedah belajar dengan e-Idaman bagaimana untuk membersihkan kawasan-kawasan. Saya bukan marah tetapi saya dimarah oleh MPSP. Saya harap apa yang saya cakap ini akan diambil berat oleh semua jabatan. Kita perlu belajar dengan orang atau negeri atau negara yang sudah mencapai *standard* hidup yang *sustainability* seperti Japan, Taiwan, bersih, aman, *no crime rate less*. Malaysia sudah lambat dekat 30 tahun jika dibanding dengan negara Taiwan atau Korea, kita sudah lambat 30 tahun. Saya harap Kerajaan Negeri kalau boleh berusaha untuk menerajui seperti hidup di Taiwan atau Japan.

Itulah sahaja yang saya ingin menyebut dan saya harap barisan Kerajaan Negeri akan dapat lagi menjadi Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada *election* yang akan datang sebab mereka memang bekerja keras untuk membangun Negeri Pulau Pinang dan kurang rasuah. Saya ucap terima kasih dan mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Berapit. Seterusnya silakan YB. KOMTAR.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai dalam sesi perbahasan ke atas ucapan Bajet 2018 Negeri Pulau Pinang oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Belanjawan Marhean, *pronunciation* Indonesia, yang dibentangkan merupakan bajet yang dapat menjaga kepentingan dan kebajikan semua lapisan rakyat. Saya berasa besar hati dengan bajet yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Salah satu sebab utama adalah nisbah bajet yang disalurkan kepada pembangunan dan juga pentadbiran adalah 51% dan 49% masing-masing. Di mana kedua-dua bahagian ini mendapat peruntukan yang setimpal. Saya percaya ini akan membawa kepada pembangunan negeri yang lebih seimbang dan mampan.

Bajet 2018 adalah bajet yang dinanti-nantikan oleh masyarakat. Antaranya langkah Kerajaan Negeri untuk meningkatkan Program Penghargaan Warga Emas dan OKU daripada RM100 kepada RM130 adalah berita yang baik kepada rakyat Pulau Pinang yang pernah banyak kali bertanya-tanya bilakah akan ada kenaikan bagi bantuan RM100 ini.

Walau pun kenaikan bayaran Program Penghargaan Warga Emas dan OKU sebanyak 30%, ini akan meningkatkan beban kewangan Kerajaan Negeri namun Kerajaan Negeri telah membuat keputusan bahawa dana yang dijamin dikongsi bersama rakyat melalui program-program ini yang merupakan dividen anti rasuah.

Kad "I Love Penang", RM15 juta perkhidmatan bas percuma di waktu puncak, RM60 juta program 'Penang Sihat' untuk isi rumah berpendapatan bawah RM5,000 sebulan yang telah diperkenalkan secara langsungnya akan mengurangkan beban rakyat. Meningkatkan taraf kesihatan rakyat dan juga dapat menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Selain itu, meringankan beban penjaja, kerajaan telah memutuskan untuk memberi pengecualian lesen perniagaan secara *one-off* bagi tahun 2018. Kesemua ini adalah inisiatif yang baik daripada pihak Kerajaan Negeri untuk menjaga kebajikan rakyat.

YB. Dato' Yang di-Pertua, banjir kilat yang berlaku pada 4 dan 5 November baru-baru ini, saya berasa tersentuh hati kerana Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan pada masa yang genting ini telah mengetepikan fahaman politik, bersama-sama turun padang untuk menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir. Saya juga ingin mengucapkan takziah kepada ahli keluarga untuk semua mangsa dilaporkan maut dalam bencana ribut dan banjir dan ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Pertahanan Awam, Polis Di-Raja Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Daerah dan Tanah, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jabatan Kerja Raya, JKKK, Sukarelawan dan agensi-agensi kerajaan kerana bertungkus-lumus tanpa kira penat lelah untuk menjalankan kerja penyelamatan.

Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan mempunyai peranan masing-masing dalam menangani masalah banjir. Namun Kerajaan Negeri mempunyai kuasa yang agak terhad berbanding dengan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan juga harus membiayai pelaksanaan Projek Tebatan Banjir dengan secukupnya kepada sesebuah negeri untuk mengatasi masalah banjir kerana usaha ini adalah di bawah bidang kuasanya. Saya berasa amat kecewa kepada jumlah peruntukan yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan Projek Tebatan Banjir di Negeri Pulau Pinang. Ini kerana jumlah yang diberi jauh lebih rendah dari jumlah yang dijanjikan. Kerajaan Persekutuan telah menyatakan bahawa RM2.6 bilion telah diperuntukkan kepada Pulau Pinang tetapi peruntukan ini tidak diberi sepenuhnya dan akhirnya hanya RM443 juta sahaja disalurkan kepada Pulau Pinang untuk menjalankan projek-projek tebatan banjir. Harap perkara ini bukanlah satu tindakan balas dendam terhadap rakyat Pulau Pinang yang menyokong Pakatan Harapan. Saya ingin menekankan bahawa walaupun Negeri Pulau Pinang bukan negeri Barisan Nasional, tetapi sebagai sebahagian daripada negara Malaysia, rakyat Pulau Pinang mempunyai hak mereka untuk menikmati kemudahan sistem saliran yang baik untuk tujuan mengurangkan kesan banjir kilat. Saya ingin menyeru kepada Kerajaan Persekutuan supaya memperuntukkan semua dana yang dijanjikan dengan kadar segera untuk Projek-Projek Tebatan Banjir seperti RTB Sungai Pinang demi mengurangkan kesan buruk banjir.

Ketua Pembangkang juga pernah mengaku bahawa Projek Rancangan Tebatan Banjir akan mengurangkan risiko banjir. Jadi kami juga mengalu-alukan Projek RTB Sungai Pinang yang telah dialami kelewatan selama 18 tahun ini akan dimulakan pada tahun hadapan seperti apa yang dirancang. Apabila banjir kilat yang berlaku pada 15 September 2017 kerana hujan lebat yang luar

biasa akibat daripada tempas Taufan Doksuri. Selain daripada Pulau Pinang, kesan hujan lebat luar biasa ini turut melanda negeri-negeri jiran iaitu negeri Kedah dan negeri Perlis.

Pertama kali dalam sejarah juga Kerajaan Negeri mengumumkan bayaran RM400 secara *one-off* sebagai bantuan untuk mengurangkan beban mangsa banjir Pulau Pinang. Oleh itu saya ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya juga mengumumkan satu bantuan khas kepada mangsa banjir kilat yang melanda Negeri Pulau Pinang pada 4 dan 5 November berdasarkan kemampuan Kerajaan Negeri. Selain itu, memandangkan mangsa-mangsa banjir Pulau Pinang perlu menggunakan banyak air untuk mencuci rumah yang kotor setelah dilanda banjir, saya juga merayu kepada Kerajaan Negeri supaya melalui PBAPP, dapat mengecualikan 100% bil air di rumah-rumah kediaman dan juga memberi 50% diskaun kepada bil-bil air di unit komersial yang telah dilanda banjir untuk tempoh satu bulan.

Perubahan iklim cuaca yang berlaku ini adalah fenomena semulajadi yang tidak dapat dikawal oleh kita semua. Sebagai Taufan Doksuri yang melanda Vietnam dan Taufan Hato yang melanda Macau telah membawa taburan hujan yang luar biasa yang membawa bencana banjir dan kerugian harta benda. Ini juga dapat dibuktikan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar. Banjir ini adalah berlaku di luar jangkaan apabila hujan turun semenjak 4 dan 5hb melebihi penurunan luar biasa dalam masa 10-20 tahun. Ia tidak pernah berlaku. Taburan hujan banyak, kapasiti terlalu banyak, mana-mana bandar pun akan berlaku banjir. Tambahan pada masa itu, air pasang berlaku.

Isu bekas ADUN KOMTAR, YB. Ng Wei Aik, yang menunjukkan *banner* dengan perkataan “40 years flood solve in 9 months” sering kali diputar-belitkan oleh Pembangkang. Sebenarnya, *banner* itu hanya dibuat untuk Projek Tebatan Banjir di kawasan Taman Trafik, khususnya Jalan Lim Eow Thoon. Masalah banjir di kawasan tersebut memang telah ditangani setelah MBPP menaik tarafkan sistem perparitan dan pembinaan kolam takungan air dengan kos berjumlah RM400,000 pada tahun 2012. Tetapi, Pembangkang sering kali menggunakan isu ini untuk menyerang atau perli Kerajaan Negeri semasa berlakunya banjir kilat di kawasan-kawasan lain di Pulau Pinang dan menyatakan bahawa Kerajaan Negeri pernah bercakap demikian. Cukup sedihlah. Pembangkang cuma mempolitikkan isu-isu banjir. Kerajaan Negeri telah berusaha dalam melaksanakan banyak projek-projek tebatan banjir selama 9 tahun ini. Kesan banjir terhadap lokasi-lokasi banjir tertentu telah berjaya dikurangkan.

Pada tahun lepas, Kerajaan Negeri turut menyediakan Bajet 2017 di mana RM220 juta, jumlah yang paling besar dalam sejarah telah diperuntukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai inisiatif untuk mengatasi masalah banjir. Projek Tebatan Banjir tidak akan 100% menghapuskan atau mengatasi masalah banjir tetapi saya juga percaya tiada mana-mana pakar akan mempunyai keyakinan bercakap demikianlah. Bermaksud Projek Tebatan Banjir tidak boleh 100%, cuma hanya membantu mengurangkan banjir kilat tetapi kerja-kerja tebatan banjir sememangnya dapat mengurangkan risiko banjir. Masalah banjir adalah isu yang perlu diambil serius dan ditangani oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bersama-sama kebaikan rakyat. Saya berharap Pembangkang dan juga Kerajaan Pusat tidak lagi mempolitikkan masalah banjir dalam negeri. Ini kerana, bila Pulau Pinang berlakunya banjir, Pembangkang salahkan Kerajaan Negeri. Jika macam itu, salah siapa bila banjir berlaku di Negeri Kedah, Kuala Lumpur ataupun Pekan yang merupakan Kawasan Parlimen Perdana Menteri kita?

Di samping itu, dakwaan dan cadangan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengenai masalah banjir haruslah diberi perhatian yang sepenuhnya. Kerajaan Negeri juga perlulah mengemukakan fakta dan bukti sebenar kepada rakyat supaya menunjukkan ketelusan dan keikhlasan kerajaan semasa berhadapan dengan dakwaan-dakwaan berkenaan. Ramalan dan amaran awal boleh menyampaikan maklumat penting kepada orang ramai supaya bersiap-sedia untuk menghadapi banjir serta membantu perkhidmatan kecemasan bertindak-balas dengan lebih berkesan. Menurut jawapan kepada soalan bertulis nombor 30 saya, Kerajaan Negeri telah membangunkan sistem “*Penang Alert*” yang termasuk membina, yang mengandungi info taburan hujan dan aras air secara *real time* termasuk membina 26 stesen siren banjir di seluruh Negeri Pulau Pinang. Maklumat terkini bencana dan kecemasan, amaran dan ramalan cuaca buruk akan dimasukkan oleh pentadbir iaitu JPS, JKR, BKP, semua PDT, MBPP dan MPSP melalui portal “*Penang Alert*” dan akan terus dihantar kepada Facebook Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara automatik selaras dengan keperluan untuk penyampaian berkesan kepada orang ramai berkaitan sebarang insiden bencana.

Pada banjir yang berlaku kali ini, kita pun cuba guna “*Penang Alert*” tetapi “*Penang Alert*” cuma bagi maklumat tentang air berapa tinggi, so mungkin boleh tambah maklumat-maklumat yang lebih *real time* seperti gambar dan amaran-amaran perlu diberi kepada orang-orang yang terlibat dalam banjir kilat. Kerajaan Persekutuan juga akan melaksanakan Projek Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) Fasa 2 di mana untuk Fasa 2A, sungai-sungai yang terlibat adalah Sungai Pinang, Sungai

Muda dan Sungai Kerian. Manakala Fasa 2B pula Sungai Jawi, Sungai Juru dan Sungai Perai. Projek Fasa 2A akan bermula pada tahun 2018 hingga 2020 dan Projek Fasa 2B akan bermula pada tahun 2021 hingga 2022. Saya berharap dengan adanya langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, info-info ramalan dan amaran cuaca akan dihantar kepada masyarakat Pulau Pinang dengan lebih cepat supaya kerosakan dan kerugian akibat banjir dapat dikurangkan kepada tahap yang minimum.

YB. Dato' Yang di-Pertua, sudah tentu tiada siapa yang menginginkan tragedi yang berlaku di tapak pembinaan Tanjong Bunga. Berhadapan dengan tragedi ini, Kerajaan Negeri telah mengemukakan fakta-fakta berkaitan supaya membolehkan masyarakat Pulau Pinang lebih faham tentang tragedi tersebut. Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah membuat laporan Polis terhadap kemungkinan berlakunya kecuai profesional dalam tragedi ini dan satu Suruhanjaya Siasatan Negeri telah ditubuhkan dengan serta-merta untuk menjalankan siasatan yang penuh dan bebas. Ramai ahli-ahli politik telah memberi komen masing-masing terhadap tragedi ini. Akan tetapi, tragedi yang melibatkan pengetahuan teknikal sepatutnya lebih sesuai dengan melibatkan pandangan daripada pakar-pakar berkenaan.

Jika kita tengok ketinggian tanah dalam kes tragedi ini dengan mata kita tanpa mengambil kira pengetahuan teknikal, tanah ini kemungkinan besar akan dianggap sebagai tanah bukit, tetapi tapak projek Tetuan Taman Sri Bunga sebenarnya berada di tanah landai, ketinggian lebih kurang 40 meter dari paras laut, dan bukannya yang disebutkan sebagai tanah bukit mengikut Garis Panduan Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi. Tidak salah kita ambil berat terhadap tragedi ini, tetapi komen kita boleh dikurangkan untuk mengelakkan berlakunya sebarang kekeliruan. Saya berasa spekulasi dan cerita yang tidak pasti berkaitan dengan tragedi ini boleh dihentikan serta menghormati perasaan keluarga mangsa terlibat. Saya juga berharap semua pihak yang mengambil berat terhadap tragedi ini, boleh memberi masa kepada Suruhanjaya Siasatan Negeri untuk menjalankan siasatan dan menentukan punca sebenar kemalangan ini dan juga lihat yang perlu bertanggungjawab ke atas kemalangan ini. Keputusan siasatan harus dikemukakan secara umum dan tindakan tegas perlu diambil terhadap pihak yang perlu dipertanggungjawabkan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, keselamatan bangunan tinggi di Pulau Pinang perlu diberi perhatian termasuklah bangunan-bangunan kepadatan tinggi seperti menara KOMTAR bangunan mercu tanda Pulau Pinang. Pada dua (2) bulan yang lepas kebakaran kali kedua telah berlaku di Torch Tower bangunan tertinggi di Dubai yang mempunyai 86 tingkat selepas kebakaran kali pertama pada tahun 2015. Nasib baik tak ada kecederaan di laporkan dan lima (5) orang rakyat Malaysia yang mendiami bangunan itu juga selamat daripada kebakaran berlaku.

Menara KOMTAR 68 tingkat yang merupakan *landmark* penting yang terletak di bandar George Town bukan saja sebagai pentadbiran utama Kerajaan Negeri, bangunan ini juga merupakan satu *tourist hotspot* selain daripada urusan awam, orang ramai dan pelancong juga telah mengunjungi KOMTAR. Langkah-langkah berwaspada perlu diambil untuk mengelakkan kebakaran berlaku di menara KOMTAR menurut jawapan oleh Y.A.B. Ketua Menteri kepada soalan bertulis no. 15 saya, bangunan KOMTAR telah dilengkapi dengan sistem keselamatan kebakaran jenis pasif dan aktif. Sistem pasif adalah seperti tangga keselamatan pemetakan ruang akses penentangan kebakaran dan lain-lain. Sistem aktif pula adalah pemasangan keselamatan kebakaran yang di pasang seperti gegelung hos, sistem semburan automatik, pengesan asap dan lain-lain pemeriksaan secara tahunan dijalankan ke atas bangunan KOMTAR.

Bagi tahun 2017 pemeriksaan kali ke tiga akan dijangka diadakan pada bulan Disember 2017. Menara KOMTAR pernah mengalami kebakaran serius pada tahun 1983 semasa projek pembinaan sedang berlangsung. Selepas itu KOMTAR juga pernah berlakunya beberapa kali kebakaran di mana KOMTAR tak dapat dipadamkan dengan hanya bergantung dengan sistem semburan automatik. Kita juga perlu berwaspada dengan memastikan sistem keselamatan kebakaran yang lain adalah berfungsi dari semasa ke semasa kerana mencegah adalah lebih baik daripada memadam api.

Justeru saya memohon pihak bertanggungjawab mempergiatkan penguatkuasaan terhadap perokok yang merokok khususnya di tangga-tangga bangunan KOMTAR kerana perbuatan ini boleh mengundang perkara yang tidak diingini.

Kes kereta terjunam dari parkir bertingkat telah berlaku di Genting Highlands beberapa bulan yang lalu dan telah mengorbankan dua (2) nyawa. Kes ini pernah berlaku di Pulau Pinang dan negeri-negeri yang lain. Kebanyakan kes ini berlaku kerana pemandu memijak pedal minyak secara tidak sengaja dan menyebabkan kereta terjunam dari parkir bertingkat. Sistem keselamatan tempat letak

kereta bertingkat perlu dinaik taraf seperti menambah *stopping bar* atau *block* termasuk tempat letak kereta bertingkat yang lama, saya rasa yang baru punya ada *new requirement* so mungkin ada pasang *stopping bar* tetapi tempat letak kereta bertingkat yang lama mungkin perlu ditambahbaikkan.

Selain itu meningkatkan tahap keselamatan terhadap aspek reka bentuk bangunan parkir bertingkat khususnya penggunaan struktur berinding konkrit untuk menggantikan tembok bata bagi mengurangkan risiko berlakunya kemalangan.

Jarak antara bangunan dalam bandar adalah dekat semasa kerja pembinaan di jalankan bahan-bahan binaan bangunan tinggi senang jatuh ke atas rumah berdekatan. Projek pembinaan yang sedang berlangsung perlulah ada langkah-langkah berwaspada yang ketat untuk mengelakkan bahan pembinaan jatuh dari tempat tinggi. Demi keselamatan orang ramai. Sebagai contoh di kawasan Pulau Tikus pernah berlaku kemalangan pekerja terjatuh dari tapak pembinaan bangunan tinggi ke halaman rumah jirannya. Perkara ini juga berlaku di KADUN KOMTAR seperti di Jalan Kuantan. Saya sering menerima aduan penduduk terdapat bahan-bahan binaan jatuh dari tapak pembinaan yang bersebelahan ke atas bumbung rumah mereka. Keadaan ini amat membimbangkan. Oleh itu pemantauan di tapak pembinaan perlu diperkasa dengan kaedah dengan lebih ketat untuk mengurangkan risiko berlakunya kemalangan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, projek penambakan laut dan projek perumahan di lereng bukit seringkali menerima kritikan hebat dari pembangkang dan NGO. Saya memang tahu projek-projek ini tidak mendapat sambutan baik positif dari pihak tertentu tetapi adakah kami tahu merujuk kepada maklumat yang saya dapat pada tahun 2012, tanah tanah di bahagian Pulau yang boleh dijadikan projek pembangunan untuk kediaman komersial hanya tinggal lebih kurang tak lebih daripada 17% sahaja. Sekiranya semua projek pembangunan di lereng bukit dan projek penambakan laut diberhentikan dengan serta merta seperti apa yang dicadangkan oleh pihak pihak tertentu. Harga tanah bahagian Pulau akan melambung tinggi masa itu agak-agak berapa nilai satu kaki persegi tanah di bahagian Pulau. Adakah rakyat Pulau Pinang masih mampu membeli rumah di bahagian Pulau? oleh itu sebelum meluluskan projek lereng bukit dan penambakan laut Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Tempatan telah mempunyai garis panduan yang ketat sebelum projek-projek ini dapat diluluskan.

MBPP telah menyediakan garis panduan keselamatan 2012, bagi pembangunan tanah bukit dan mekanisme untuk melaksanakan garis panduan keselamatan cerun. Kesemua projek baharu perlu mematuhi proses yang ketat dari perancangan reka bentuk pembinaan hingga penyelenggaraan dan ia mesti diperiksa sebelum kelulusan diberikan dengan perancangan reka bentuk pembinaan dan penyelenggaraan yang betul pembangunan itu boleh menjadi selamat seperti pembangunan lain. Jika kita memandang pembangunan di Hong Kong dan Singapura juga *City of Island* dengan teknologi pembangunan yang semakin maju tidak berlakunya bencana tanah runtuh. Jenis tanah di Hong Kong agak sama dengan Pulau Pinang tetapi tanah bukit di Hong Kong jauh lebih banyak berbanding di Pulau Pinang. Jika Hong Kong boleh menjayakan pembangunan di lereng bukit maka kita boleh menyatakan bahawa keselamatan projek pembangunan yang sama akan lebih terjamin jika ia dilaksanakan di Pulau Pinang.

Bagi Singapura pula 22% tanah daripada keseluruhan negara adalah ditambah melalui projek penambakan laut dan banyak projek telah dibina di atas tanah ini termasuklah Marina Bay Sand Hotel yang termasyhur di Singapura. Mesti ada pihak yang tertanya-tanya mengapa Kerajaan Negeri tak mau membangunkan Seberang Perai supaya orang-orang di Pulau boleh membeli hartanah di sana, tetapi memang Kerajaan Negeri sedang bergiat memajukan kawasan-kawasan Seberang Perai. Tetapi di sini saya ingin mengkongsikan sedikit pengalaman sebagai seorang ahli Jawatankuasa Pembersihan, Proses Perolehan Perumahan (SPEC) memahami bahawa kebanyakan rakyat Pulau Pinang lebih gemar menduduki di Daerah Timur Laut terutamanya di kawasan bandar mungkin disebabkan peluang pekerjaan atau kebiasaan mereka. Pemohon dalam Daerah Barat Daya yang tinggal di Relau atau Sungai Ara ada yang berjaya ditawarkan projek perumahan *low cost* atau *low medium cost* di Balik Pulau juga dalam daerah yang sama iaitu Daerah Barat Daya tetapi kadar pemohon yang menolak tawaran itu adalah agak tinggi. Di Seberang Perai pula selain daripada Seberang Perai Tengah kedua-dua daerah iaitu SPU dan SPS mempunyai lebih unit untuk ditawarkan kepada pemohon. Hal ini telah menunjukkan seorang pemohon itu akan memilih lokasi yang mereka ingini sebelum membeli hartanah.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya telah bertanya di soalan bertulis no. 8 saya bahawa adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan dengan memberi keutamaan permohonan perumahan mampu milik kepada kategori golongan umur 20 hingga 30 yang berkahwin dan beranak tetapi jawapan yang saya terima adalah tidak dan hanya keutamaan diberi berdasarkan tiga (3) faktor iaitu golongan

OKU, golongan ibu tunggal dan golongan yang menerima perintah pindah atau setinggian dan hanya kategori ini dapat keutamaan. Kemungkinan disebabkan oleh soalan saya yang dikemukakan mungkin tak jelas maka saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan cadangan ini. Terdapat banyak ibu bapa yang menggalakkan anak mereka supaya memohon rumah mampu milik terutamanya khususnya *low cost* dan *low medium cost*, selepas mereka baru *graduate* sahaja mungkin *first* punya kerja satu (1) bulan punya gaji sudah ambil gaji *slip* itu sudah pergi buat permohonan kerana *kiasulah*, takut nanti anak dia tak dapat mampu beli rumah di Pulau Pinang. Maka golongan ini banyak membuat permohonan sebaik sahaja mereka dapatkan kerja dapatkan *payslip*. Hal ini juga menyebabkan bilangan pemohon dalam senarai RMM golongan umur 20 hingga 30 ini meningkat.

Tetapi jika berbanding dengan golongan bujang, golongan yang berkahwin dan beranak golongan ini yang umur 20 hingga 30 adalah lebih memerlukan Rumah Mampu Milik. Ini kerana pemohon yang berkeluarga lebih memerlukan ruang yang cukup untuk penempatan ahli keluarganya berbanding dengan pemohon bujang. Selain itu kos sara hidup mereka juga tinggi. Rumah Mampu Milik yang diagihkan kepada pemohon jenis ini akan dapat mengurangkan beban mereka secara langsung. Terutamanya keluarga yang anak mereka masih belajar. Oleh itu, permohonan RMM seharusnya diberi keutamaan kepada pemohon-pemohon yang berkahwin dan sudah beranak lebih daripada bujanglah. So, saya juga akan bangkitkan ini dalam mesyuarat SPECIah dan saya harap cadangan ini dapat dipertimbangkan semula.

YB. Dato' Yang di-Pertua, kawasan tadahan air untuk Empangan Muda telah berkurangan sebanyak 87.1% dari tahun 1969 sehingga 2017. Hal ini kerana sebahagian besar dari kawasan tadahan ini telah diperuntukkan untuk pengeluaran balak dan kini hanya tinggal 12,484 hektar yang diwartakan sebagai tadahan air hujan jauh lebih kurang daripada kawasan tadahan air seluas 98,400 hektar pada tahun 1969.

Empangan Muda merupakan rizab kemarau penting bagi Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Empangan ini melepaskan air mentah ke dalam Sungai Muda untuk Pulau Pinang dan Kedah semasa musim kemarau.

Aktiviti-aktiviti pembalakan secara langsungnya akan menjejaskan prestasi empangan sebagai rizab kemarau bagi ketiga-tiga negeri ini. Pada tahun yang lepas ketika fenomena EL-NINO melanda Pulau Pinang tahap Empangan Muda dan Empangan Beris pernah jatuh di bawah paras kritikal. Pembalakan perlu dihenti atau dikurangkan demi memulihkan kawasan tadahan air, jika tidak Pulau Pinang, Kedah dan Perlis yang merangkumi 4.09 juta penduduk, beribu-ribu perniagaan, kilang multi nasional dan hotel-hotel akan menghadapi bencana air pada musim kemarau yang akan datang.

Negeri Kedah tidak akan hentikan pembalakan di Ulu Muda secara sukarela tanpa campur tangan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan perlu campur tangan di Ulu Muda sebelum terlambat demi bekalan air yang cukup di seluruh Negeri Pulau Pinang dan negeri-negeri jiran. Penyelesaian terbaik untuk pembalakan Ulu Muda adalah Kerajaan Persekutuan memberi pampasan kepada Negeri Kedah untuk mewartakan dan memulihara Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air yang paling penting di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

YB. Dato' Yang di-Pertua, Perdana Menteri Dato' Sri Najib Razak pada Bajet 2018 Kerajaan Persekutuan yang lepas telah mengumumkan bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang akan dinaik taraf. Saya tidak menafikan bahawa pengumuman ini adalah berita baik bagi Pulau Pinang. Kerajaan Negeri sudah banyak kali membangkitkan isu menaik taraf lapangan terbang disebabkan oleh bilangan ketibaan penumpang yang semakin bertambah.

Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah mencatat 6.7 juta ketibaan tahun lepas. Sudah melebihi kapasiti maksimum 6.5 juta penumpang. Ketika pada tahun ini dijangka akan melebihi 7 juta. Ramai pengguna telah mengadu bahawa kesesakan kerap berlaku di terminal berlepas dan ketibaan. Lapangan Terbang ini perlu dinaik taraf supaya dapat menyediakan ruang yang lebih selesa kepada pengguna. Cadangan daripada Kerajaan Persekutuan adalah untuk meningkatkan kapasiti maksimum kepada 10 juta penumpang. Tetapi jika projek menaik taraf ini hanya bertujuan untuk meningkatkan kapasiti maksimum kepada lebih kurang 50% sahaja maka ia tidak membawa penyelesaian jangka panjang. Hal ini kerana bilangan ketibaan penumpang semakin meningkat dengan kadar yang tinggi jika kita berbanding ketibaan penumpang dari bulan Januari hingga Mac tahun ini dengan tempoh yang sama pada tahun lepas. Jumlah penumpang telah meningkat 26.7% dari 1.58 juta kepada 1.98 juta dalam masa setahun.

Kerja menaik taraf lapangan terbang ini perlulah mengambil kira bilangan penumpang yang semakin bertambah dari masa ke semasa termasuklah memudahkan dan mempercepatkan proses *check in* para penumpang dengan menambahkan bilangan kaunter. Kapasiti maksimum yang ideal adalah kapasiti sekarang dinaikkan sebanyak dua (2) kali ganda iaitu kepada 13 juta ketibaan atau lebih. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua sehingga...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan sikit. Bercakap tentang Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ini saya mohon menarik perhatian Yang Berhormat dan minta memberi panduan juga atau pun ulasan. Kita hanya bercakap tentang satu aspek iaitu aspek kemudahan-kemudahan di dalam lapangan terbang. Tetapi perlu juga diberi perhatian bahawa kemudahan-kemudahan lain seperti tempat letak kereta kenderaan, satu (1), dua (2) tempat untuk kita semasa menunggu untuk penumpang memang sudah pun sesak. Dan kita lihat juga bahawa sering kali berlaku banjir di tempat di mana kenderaan-kenderaan itu di parkir. Jadi perkara-perkara ini juga harus diberi perhatian. Dan akhir sekali kita lihat selepas penaiktarafan dibuat pada tahun 2012 selepas 2012 lima (5), enam (6) bulan selepas itu berlakunya insiden-insiden banjir di dalam Lapangan Terbang di mana kita mendapati bahawa kerja-kerja yang dilakukan, dilakukan oleh pekerja-pekerja warga negara asing yang langsung tidak mempunyai sebarang kemahiran di dalam kerja-kerja yang dibuat. Jadi ini adalah aspek-aspek yang saya minta Yang Berhormat memberi ulasan. Terima kasih.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Terima kasih YB. Seri Delima saya ingat ulasan saya tak boleh bagilah tetapi pandangan kongsi boleh kongsi bersama. Saya ingat dalam apa yang saya fahamkan penaiktarafan menaik taraf ini termasuk *multilevel car park* dan juga Kerajaan Negeri telah *identify* tempat yang berdekatan dengan lapangan terbang ini adakan satu LRT *station* dan tentang banjir atau bocor dalam lapangan terbang saya ingat Menteri Pengangkutan sahaja boleh jawablah.

YB. Dato' Yang di-Pertua, saya ingat sehingga bulan Oktober tahun 2017 di Pulau Pinang telah berlakunya 13 kematian akibat denggi di Pulau Pinang iaitu 12 orang lebih daripada jumlah kematian bagi keseluruhan tahun 2016. Denggi yang merebak melalui gigitan nyamuk aedes ini adalah bahaya kepada nyawa kita dan tidak boleh dipandang remeh. Demi mengawal dan mencegah penyebaran wabak denggi cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk aedes adalah antara langkah yang paling berkesan. Akan tetapi aktiviti-aktiviti gotong-royong biasanya tidak dapat sambutan yang baik daripada akar umbil atau masyarakat. Biasanya pekerja-pekerja daripada MBPP, pekerja-pekerja daripada Jabatan Kesihatan dan Ahli JKKK lebih jauh banyak beserta dalam gotong-royong daripada masyarakat tempatan. Inilah agak sedih dan ini juga mungkin masyarakat kini bersikap lebih *individualistic* dan *materialistic*. Dan juga orang ramai akan menganggapkan kerja-kerja ini adalah tanggungjawab pekerja kesihatan, pekerja MBPP dan bukan kerja merekalah.

Di sini saya ingat memperingatkan semua orang bahawa nyamuk aedes ini semestinya akan menggigit orang itu tak kira dia siapalah, tak kira dia Ketua Menteri, Ketua Pembangkang ka, YB. Dato' Speaker ka, nyamuk tak akan kenal orang itulah. Dia akan gigit sahajalah. Semasa itu jodoh dia sudah sampai.

Saya berasa saya berharap semua wakil rakyat di Dewan yang mulia ini boleh bersama-sama berusaha untuk menghapuskan aedes kerana jiran saya YB. Pulau Tikus dijangkiti demam denggi baru-baru ini semasa menjalankan tugas di satu tapak bencana di Ladang Hong Seng. Masalah denggi perlu diberi perhatian oleh semua pihak, oleh semua lapisan masyarakat selain daripada usaha Kerajaan Negeri komitmen rakyat amatlah diperlukan. Sekali lagi saya ingin menyeru agar orang ramai memberi lebih penekanan dalam usaha mencari dan memusnahkan tempat pembiakan kerana kaedah untuk menghapuskan aedes ini adalah kaedah yang paling berkesan dan juga tidak melibatkan apa-apa kos dan boleh *DIY, do it yourself* di rumah sendiri.

Kerja-kerja cari musnah tidaklah susah sangat. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia hanya sepuluh minit seminggu diperlukan untuk cari dan musnah tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes. Saya berasa bersyukur dan menghargai usaha Kerajaan Negeri dengan memperkenalkan CAT. Ini CAT - *Crush Aedes Totally*. Tindakan pencegahan yang menelan RM420,000 setahun yang diharapkan dapat menyelamatkan nyawa melalui teknologi kecerdasan buatan dan aplikasi Syarikat *Silicon Valley* yang mampu meramalkan kawasan *hotspot* denggi sebelum ianya berlaku sehingga tiga (3) bulan sebelumnya.

Selain itu saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada MBPP, Jabatan Kesihatan Pulau Pinang dan sebagai dan sebagai agensi-agensi yang lain selama ini mengadakan usaha untuk yang berterusan untuk menghapuskan aedes.

YB. Dato' Yang di-Pertua, berdasarkan hasil kajian kebolehlaksanaan Enakmen Penyelarasan Sewa Dalam Tapak Warisan Dunia George Town oleh George Town World Heritage Incorporated sejak Disember 2016 yang lalu, didapati isu-isu dan permasalahan yang timbul adalah sangat kompleks malahan pemilik yang menyewakan premis dengan harga yang murah tidak dapat menanggung kos penyelenggaraan premis warisan yang tinggi. Manakala pemilik yang telah memulihara bangunan warisan akan meletakkan kadar sewa yang lebih tinggi. Selain itu, premis yang disewakan untuk tujuan komersial adalah lebih mahal berbanding dengan premis untuk tujuan *residential*.

Untuk memulihkan isu dan permasalahan ini, saya menyokong cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menubuhkan satu Dana Pemuliharaan Bangunan Warisan yang komprehensif bersama program insentif diwujudkan. Fungsi utama dana ini adalah untuk membantu penyewa bangunan warisan memulihara sendiri bangunan yang disewa tersebut dan pemilik bangunan memastikan agar kadar sewa yang dikenakan adalah mendatar di dalam satu tempoh yang telah dipersetujui bersama.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana mengambil berat tentang isu bangunan warisan di Tapak Warisan Dunia George Town. Walaupun cadangan saya bagi menubuhkan Dana Pemuliharaan Bangunan Warisan ini pada DUN yang lepas adalah dengan jumlah sebanyak RM10 juta, tetapi dapat RM3 juta juga adalah satu permulaan yang baik. Bersama dengan cadangan dana ini, turut dicadangkan satu Panel Sewaan Bangunan Warisan juga perlu diwujudkan untuk menyelesaikan isu-isu sewa....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Minta laluan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Sikit lagi. Isu-isu sewa serta membantu pemilik dan penyewa yang kurang berkemampuan untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan. Panel ini boleh ditubuhkan oleh MBPP dengan pasukan panel dari GTWHI, Jabatan Warisan Dunia, wakil ADUN dan *Member of Parliament* kawasan, pakar antropologi dan sosiologi dari universiti tempatan dan wakil NGO. Silakan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Apakah pandangan YB. KOMTAR kalau kita kembalikan *Rent Control Act* supaya *Penangnite* boleh mampu duduk ataupun sewa bangunan-bangunan *heritage* yang kini sudah jadi sangat mahal lah untuk orang-orang Penang sendiri untuk menduduki atau buat meniaga di bangunan *heritage*?

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Terima kasih YB. Bagan Dalam. Apa yang disebutkan tadi saya pun sudah jawab pandangan dan pertanyaan YB. Bagan Dalam. *Rent Control Act* itu memang kompleks masalah dia susah kerana jika sewa itu ditetapkan terlalu rendah, maka pemilik itu tidak mahu mengeluarkan dana untuk membaiki, membaik pulih bangunan tersebut jika selepas membaiki rumah tersebut dia tak akan kekalkan sewa itu dengan harga yang rendah untuk terus sewa kerana dia tidak dapat balik apa yang dia sudah *invest* lah so masalah itu. So jika dengan adanya dana yang saya sebutkan tadi itu maka masalah ini sedikit sebanyak dapat diselesaikanlah.

YB. Dato' Yang di-Pertua, sejak 2008, banyak pemilik rumah telah berusaha untuk membaiki keadaan premis mereka di dalam Tapak Warisan Dunia George Town mengikut Rancangan Kawasan Khas George Town, namun *global warming* yang telah menjejaskan suhu dunia telah menaikkan risiko banjir dan perbuatan kecuai manusia telah menyebabkan beberapa kes kebakaran di Tapak Warisan kita. Contohnya pada minggu ke-3 bulan September 2017 terdapat dua (2) kebakaran yang berlaku secara berturut-turut iaitu pada 13 dan 14 September dan diikuti dengan banjir kilat 15 September dan 4 dan 5 November tahun ini.

Dengan itu saya menyeru dengan pihak yang berkepentingan untuk mewujudkan satu Pelan Pengurusan Risiko Bencana yang lebih komprehensif dengan spesifikasi khas kepada Tapak Warisan Dunia George Town. Kerjasama dengan professional dari negara Jepun yang merupakan negara yang paling berpengalaman dalam penyediaan Pelan Pengurusan Risiko Bencana akan membantu tapak kita

menyiapkan pelan ini dengan kadar segera. Saya juga menyeru pihak GTWHI untuk menaiktaraf aplikasi web GTWHI sedia ada dan satu aplikasi *mobile* GIS diwujudkan di mana akan digunakan untuk kerja-kerja pengurusan pemantauan Tapak Warisan Dunia George Town. Aplikasi yang dibangunkan ini akan menjadi platform alternatif kepada pemilik premis untuk menyimpan dokumen penting yang berkenaan dengan bangunan, sejarah penghuni dan penyimpanan objek warisan mereka. Adalah diharapkan dengan menggunakan sistem teknologi yang canggih, penyertaan dari orang awam, dan pengurusan oleh profesional di GTWHI cara bekerjasama ini akan menjadi teladan yang paling bagus untuk Pengurusan Tapak Warisan Dunia yang lain dirantau Asia dan menyokong kepada hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah pembangunan mampan dan hijau.

Isu yang terakhir. YB. Dato' Yang di-Pertua, isu *Penang Chinese Clan Council (PCCC)* memohon Pertukaran Hak Milik bangunan warisan beralamat 50, Love Lane daripada Kerajaan Negeri juga merupakan salah satu isu hangat dalam surat khabar. Walaupun ianya disiarkan banyak kali, tetapi masih terdapat orang ramai yang tidak memahami isu ini dengan jelasnya. Isu ini telah diputarbelitkan oleh pihak tertentu untuk menggambarkan satu senario bahawa Kerajaan Negeri sengaja tak mau pulangkan 50, Love Lane ni kepada PCCC atau menyusahkan pihak pemohon dan tidak ingin meluluskan permohonan PCCC. PCCC merupakan satu pertubuhan yang berdaftar di dalam KADUN KOMTAR dibawah bangunan Meng Eng Soo Temple yang beralamat 48, Jalan Pintai Tali, George Town, 10100 Goerge Town, akan tetapi Meng Eng Soo Temple ini juga bukan hartanah milik PCCC.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pemimpin PCCC yang lepas kerana telah mengambil inisiatif dan mengeluarkan dana yang besar untuk membaiki pulih Meng Eng Soo Temple yang sudah usang dan terbiar pada masa ketika itu. Usaha ini telah berjaya membaiki Meng Eng Soo Temple yang kini dijadikan satu tempat untuk mempamerkan sejarah Ghee Hin Kongsi. Meng Eng Soo Temple juga dibuka kepada orang ramai pada 7 Julai setiap tahun. Bangunan warisan beralamat 50, Love Lane juga merupakan sebuah bangunan yang dimiliki oleh Ghee Hin Kongsi dan di bawah nama beberapa orang pemegang amanah. Tetapi malangnya semua pemegang amanah telah meninggal dunia dan hak milik bangunan ini tidak diperbaharui oleh pemegang amanah baru dan tidak membayar cukai tanah selama ini. Bangunan ini juga telah usang dan berada di dalam keadaan yang bahaya. Pemimpin PCCC telah menunjukkan rasa prihatin dan minat terhadap bangunan ini dan telah membuat permohonan dengan pihak Kerajaan Negeri supaya bangunan ini dapat ditukar milik kepada PCCC pada tahun 2012. Bangunan ini selepas dipulihkan akan dijadikan muzium yang mempamerkan budaya orang Cina yang datang dari China pada suatu masa dahulu.

Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk meluluskan permohonan PCCC dengan harga nominal RM1 tetapi Kerajaan Negeri juga berpandangan bahawa semua ini perlu diuruskan dengan mengikut garis panduan dan undang-undang yang ditetapkan. Mungkin disebabkan oleh pertukaran pemimpin PCCC adalah setiap dua (2) tahun, sedikit salah faham telah terjadi antara pemimpin PCCC sekarang dengan Kerajaan Negeri dan telah menyusahkan proses permohonan ini. Nasib baik salah faham ini akhirnya telah diselesaikan. Pihak PCCC juga telah menarik balik surat yang menyatakan hasrat untuk membeli bangunan ini dengan harga pasaran. Pihak PCCC sekarang juga bersetuju untuk melantik peguam supaya berjumpa dan berbincang dengan pegawai pejabat tanah untuk mencari satu penyelesaian yang terbaik. Di sini, saya juga ingin, harap Kerajaan Negeri secepat mungkin membantu PCCC meluluskan permohonan mereka. Dengan itu saya berharap agar pihak-pihak yang tidak berkaitan, jangan lagi cuba merosakkan usaha kedua-dua pihak iaitu PCCC dan Kerajaan Negeri supaya isu ini dapat diselesaikan dengan sempurna.

YB. Dato' Yang di-Pertua, sebelum saya menamatkan ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih bagi pihak rakyat Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri kerana mengadakan Bajet tahun 2018 yang menjaga kepentingan ke semua rakyat. Saya berharap Kerajaan Pakatan Harapan akan terus memimpin Negeri Pulau Pinang dan terus berkhidmat untuk rakyat dengan hasrat membina masa depan Negeri Pulau Pinang yang lebih terjamin. Semoga kita semua berjumpa lagi pada persidangan DUN yang akan datang. Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. KOMTAR. Saya persilakan Ahli Yang Berhormat yang nak menyertai sesi perbahasan. YB. Bagan Dalam, sila.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Terima kasih Dato' Speaker untuk memberi peluang untuk berbahas atas ucapan Bajet Ketua Menteri. Di sini saya suka menyatakan bahawa Pulau Pinang kini adalah sebuah negeri berjaya setelah sekian lama diperintah oleh Pakatan Rakyat dan kemudian Pakatan Harapan. Inilah hasil komitmen ADUN-ADUN dan EXCO Kerajaan Pakatan Harapan yang berteraskan kecekapan dan integriti.

Terima kasih rakyat Pulau Pinang kerana mempunyai kekuatan moral memilih Pakatan Harapan sebagai Kerajaan. Pemerintahan Barisan Nasional tidak berteraskan kecekapan dan integriti. Pemerintahan Barisan Nasional penuh dengan ciri-ciri negatif seperti ketidakcekapan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Menyedari keadaan ini rakyat Pulau Pinang tidak ada pilihan melainkan menolak Barisan Nasional pada tahun 2008. Memilih Barisan Nasional bererti memilih pemerintahan yang tidak *committed* kepada kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Sepanjang Pakatan Harapan memerintah Pulau Pinang berbagai-bagai program dilaksanakan ke arah meringankan beban hidup rakyat Negeri ini. Namun program-program emas ini belum mencukupi. Kerajaan Negeri masih mengkaji kemungkinan menambahbaik program-program yang sedia ada. Dalam Bajet 2018 program penghargaan warga emas yang kini sebanyak RM100 akan ditambah ke RM130 dan ini dialu-alukan. Dan juga bayaran OKU juga dinaikan dari RM100 ke RM130. Ini menunjukkan betapa yang berat yang diambil oleh kerajaan untuk menjaga golongan-golongan orang warga emas dan OKU. Dan soalan bertulis saya untuk memberi berapa banyak wang telah disalurkan kepada program emas, sejak 2008 saya telah diberitahu sini sebanyak RM224, 311, 900 sebanyak ini telah disalurkan kepada program emas. *Now*, kalau Barisan Nasional masih memerintah Pulau Pinang dalam 9 tahun ini RM224, 311, 900 ini akan hilang bukan ini akan jadi rasuah sebab itu Ketua Menteri kata ini wang rasuah kita beri sama rakyat, ini wang akan jadi rasuah mereka sebab itu dia sangat *frustrated* lah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya minta laluan Yang Berhormat, saya minta laluan. Apakah pendapat Yang Berhormat berkenaan kenyataan YB. Telok Ayer Tawar iaitu beliau mengadakan satu sidang akhbar selepas pengumuman Belanjawan oleh Ketua Menteri di mana beliau menyatakan bahawa belanjawan ini adalah satu populis, Bajet Belanjawan Populis dan saya juga minta pendapat Yang Berhormat di antara salah satu pemberian dalam bajet itu adalah pengumuman RM2,000 untuk penjawat awam. Jadi, kenyataan YB. Telok Ayer Tawar ini seolah-olah menentang dan tidak bersetuju dengan pemberian RM2,000 sebagai elaun tahun ini untuk penjawat-penjawat awam, apakah pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Kakitangan Kerajaan kita pada tahun ini sedang bekerja sangat kuat kita semua tahu, hari Ahad pun mereka datang bekerja, so ini sebab Kerajaan ambil peluang ini untuk memberi sedikit bonus dan menghargai tugas mereka dan Barisan Nasional ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jahat...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Jangan jahat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Hati-hati dengan perkataanlah.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Tidak dapat apa-apa.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jahat, jahat rakus.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya juga sangat menarik kepada satu jawapan yang diberi oleh Professor Ramasamy, Perai tentang Sekolah Tamil. Saya tanya berapa banyak wang telah diberi kepada Sekolah Tamil sejak 2008

dan anggaran yang diberi kepada saya adalah RM15,534,430.00. Ini bukan sahaja Sekolah Tamil, sekolah lain pun ada dapat *but* untuk Sekolah Tamil Barisan Nasional bolehkah mereka beritahu berapa banyak mereka ada beri kepada Sekolah Tamil di Pulau Pinang? Dalam 9 tahun ini, saya ingat tak ada apa diorang....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat. Sedikit sahaja, saya pun tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat nak turut serta tentang sumbangan yang dibuat oleh MIC baru-baru ini ya, dalam baru-baru ini YB. Perai juga kita lihat tertarik sama-sama tertariklah dengan pengumuman yang dibuat bersama-sama dengan Perdana Menteri, MIC telah pergi mengagihkan Payasam percuma iaitu sejenis bubur percuma....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Apa itu Payasam Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Payasam tau Payasam adalah sejenis bubur yang dihidangkan semasa upacara kebesaran agama Hindu di kuillah. Jadi selepas 50, 60 tahun kita lihat baru MIC sudah bangun dan telah pergi mengedarkan Payasam percuma semasa perayaan Deepavali. Sumbangan-sumbangan lain yang penting untuk kaum India telah pun diabaikan. Sekolah, peluang pekerjaan macam-macam perkara yang telah diabaikan tetapi mereka menumpukan perhatian kepada isu mengagihkan Payasam percuma, apakah pandangan Yang Berhormat tentang pengagihan Payasam Percuma ini semasa perayaan Deepavali terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya ingat MIC boleh gulung dan menjadi satu sosial aktivislah, Politik tidak ada dalam darah mereka. Mereka hanya, *you know....*(gangguan) mungkin mereka boleh buka satu *restaurant chain*, *chain of restaurant* di Malaysia dan *forget about* politiklah.

Now semua ini muncul dari kesedaran bahawa kewujudan kerajaan adalah untuk berbakti kepada rakyat, inilah komitmen setiap wakil rakyat di bawah Kerajaan Pakatan Harapan. Yang apa matlamat kami memasuki arena politik bukanlah untuk membuat kekayaan tetapi berkhidmat kepada rakyat Pulau Pinang, Apa pun ini bukanlah tugas yang mudah cabarannya amat hebat. Kegagalan menangani cabaran ini akan membawa kegagalan merealisasikan misi untuk terus mempertingkatkan kualiti hidup rakyat Pulau Pinang. Namun dengan sokongan berterusan rakyat pasti matlamat ini tercapai.

Antara cabaran yang dihadapi ialah gangguan oleh pihak Barisan Nasional. Sepanjang masa mereka berusaha untuk memburukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan matlamat untuk membuatkan rakyat negeri ini tidak menyokong Kerajaan yang diterajui oleh Pakatan Harapan. Ada saja yang dipropagandakan melalui media masa, TV, radio dan dikuasai oleh mereka pelbagai-pelbagai tohmahan dan hasutan buruk dilontarkan kadang-kadang hingga tidak masuk akal.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dengan izin Yang Berhormat, saya minta laluan, dalam kita membincang tentang media masa yang menghasut ini, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa kalau pula satu masa dahulu surat khabar The Star (*The People's Paper*) selalu menyokong semua usaha-usaha murni Kerajaan Negeri Pulau Pinang kita lihat sejak kebelakangan ini surat khabar ini juga telah mula menyerang kita, ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Salah satu faktor adalah kerana penyunting, *editor* surat khabar ini yang berpangkalan di Pulau Pinang namanya Suthakar kita lihat sejarah sejak kebelakangan ini mula menyerang bertubi-tubi menyerang Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga Ahli Parlimen Bukit Gelugor Ram Karpal. Walaupun saya sendiri mengetahui bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Farlim di mana Encik Suthakar ini tinggal sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan YB Ram Karpal sendiri.

Saya kurang berpuas hati dan melihat ini sebagai satu, satu tindakan yang menghasut rakyat di Pulau Pinang supaya membenci Kerajaan Negeri Pulau Pinang, segala apa yang berlaku salah DAP, salah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, banjir salah Kerajaan Pulau Pinang, hujan salah Kerajaan Pulau Pinang, tak hujan salah Kerajaan Pulau Pinang, angin kencang salah Pulau Pinang juga, pokok tumbang salah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tanah runtuh salah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Jadi ini merupakan satu perkara yang memang yang *bullshit*lah saya gunakan perkataan *bullshit* untuk memetik Encik Suthakar ini sendiri adalah satu *bullshit* yang saya rasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sudah pun melihat karenah beliau tetapi apa yang jelas adalah rakyat di Pulau Pinang dan Malaysia masih lagi menyokong Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebab itu kita lihat dalam masa 48 jam selepas kita membuka talian meminta derma daripada orang ramai dalam masa 96 jam kita Parti DAP kita berjaya mengutip lebih kurang RM5 juta untuk tabung membantu orang-orang mangsa-mangsa banjir di Pulau Pinang. Ini adalah hakikatnya sekian terima kasih Yang Berhormat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagan Dalam fokus dalam perbahasan. Sila sambung.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya sedang bahas. Bersabit dengan ini YB. Yang di-Pertua, saya pasti rakyat Pulau Pinang sudah mampu menilai permainan kotor Barisan Nasional mereka tidak akan lagi terpedaya dengan daya Barisan Nasional yang sudah mufli idea untuk mempertahankan kredibiliti mereka sebagai gabungan parti politik yang berintegriti. Kesedaran awam di Pulau Pinang tidak buta terhadap politik yang tidak bermoral dan bersifat elitis. Barisan Nasional hanya perlu undi rakyat semata-mata untuk berkuasa. Dan dengan kuasa yang ada segala manfaat dijuruskan kepada kumpulan atasan dan masyarakat dalam masyarakat, rakyat hanya menerima serpihan sahaja dengan cara ini keadilan sosial dikorbankan.

Sejak dari mula pengambilan Kerajaan Pulau Pinang dari tahun 2008, Pakatan Harapan menghadapi pelbagai-pelbagai cabaran dalam pelbagai bentuk dengan sokongan padu daripada rakyat, cabaran-cabaran ini berjaya ditangani. Teruskanlah menyokong kami supaya kami akan terus berjuang untuk kesejahteraan Rakyat Negeri Mutiara Timur ini dan perjuangan ini tidak ada noktahnya walaupun pernah disentuh sebelum ini.

YB. Dato' Speaker, saya menyentuh sekali lagi yang saya maksudkan adalah Rukun Negara yang bertujuan menjadi garis panduan dalam proses pengurusan negara, nampaknya Barisan Nasional telah lupa kenyataan ini mengapakah ini berlaku sebabnya kerana jika Rukun Negara antara hasilnya ialah politik yang berintegriti, nilai-nilai moral dan etika diutamakan. So YB. Dato' Speaker, ini sama sekali tidak dapat diterima oleh kepimpinan Barisan Nasional. Politik bersih sama sekali tidak boleh diterima oleh Barisan Nasional Politik bersih menghalang pemimpin-pemimpin Barisan Nasional mengumpul harta dan kekayaan. Padahal inilah matlamat mereka berpolitik atas nama berbakti kepada rakyat, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional menambah aset masing-masing, inilah budaya politik rakyat dijadikan perkakasan untuk melantik mereka berkuasa sebagai Kerajaan, dalam perkataan lain politik Barisan Nasional adalah politik eksploitasi serta oportunist. Kesan politik sebegini menjejaskan kesejahteraan rakyat, jika dibiarkan berterusan padanya tidak dapat dibayangkan.

Politik berintegriti masih lagi merupakan perkara asing kepada masyarakat Malaysia, apa sebab jadi begini? Ia terjadi begini sebab rakyat terlalu lama berada di bawah pengaruh politik Barisan Nasional. Dari segi psikologi dan sosial apabila masyarakat lama terdedah kepada sesuatu keadaan, mereka menerimanya tanpa ada soal lebih-lebih lagi bila tidak ada sikap kritikal, sesungguhnya sikap kritikal amat penting dalam sistem demokrasi. Tanpa sikap ini dan demokrasi akan lumpuh, akhirnya demokrasi hanya tinggal dalam amalan mengundi, lain-lain unsur yang menjiwai demokrasi hilang begitu sahaja, inilah yang terjadi kepada Malaysia.

Mengguna Jabatan dan Agensi Kerajaan sama ada secara langsung ataupun tidak, adalah menyalahi pilihan raya. Namun inilah yang dilakukan oleh Barisan Nasional, ambillah RTM dan TV3. RTM sentiasa menonjolkan warna biru iaitu warna korporat Barisan dalam rancangan beritanya. Sungguh tidak beretika satu pihak terdapat rancangan-rancangan yang menyeru orang ramai berasaskan nilai-nilai baik. Di pihak yang lain pula membiarkan mereka diperalatkan oleh Barisan Nasional.

Berita TV3 asyik menghentam Pakatan Harapan, mana pergi unsur kesopanan dan kesusilaan yang terkandung dalam Rukun Negara. Isu Dato' Sri Najib sebagai Perdana Menteri Malaysia sedang menjadi perkara hangat, yang hangat ialah kegagalan beliau menjadi Perdana Menteri yang berjaya, hal ini bukan sahaja menjadi pengetahuan awam di Malaysia bahkan diperingkat dunia. Imej Malaysia telah tercemar bukan kerana rakyatnya tetapi kerana pemimpin nombor satunya yang kini tidak lagi mempunyai hak moral. Apa pun YB. Dato' Speaker, segalanya akan tercatat dalam sejarah generasi masa depan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, terima kasih bukan ini bukan Payasam ini lain daripada Payasam. Kita semasa saya kecil dahulu maklumlah masa itu belum aktif dalam politik lagi tapi di masa di bangku sekolah di bangku sekolah dan juga semasa belajar undang-undang kita diberitahu bahawa Dato' Seri Samy Vellu adalah bapa pembangunan kaum India di Malaysia tetapi sekarang sejarah ditukar dan Dato' Seri Najib kononnya mengumumkan beliau adalah bapa pembangunan kaum India di Malaysia. Jadi, boleh Yang Berhormat beri pendapat mana satu yang mana? Siapakah yang memberi sumbangan yang lebih besar lagi ataupun adakah sumbangan ataupun tidak ada sumbangan langsung kerana ini adalah isu pokok ketika umpamanya isu pembinaan Universiti Aimst. Kutipan dibuat daripada dana kutipan daripada sumbangan orang ramai. Dimaklumkan ketika itu anak-anak India akan dapat belajar tahap Diploma dan Ijazah secara percuma di Kolej Aimst. Tetapi pada masa sekarang kita mendapati bahawa banyak daripada murid-murid India di Malaysia langsung tidak dapat menampung membelajar belajar di universiti itu kerana bayarannya begitu tinggi. Apakah pendapat Yang Berhormat siapakah sebenarnya Bapa Pembangunan Kaum India di Malaysia? Najib atau Samy Vellu sekian terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, kalau tak boleh jawab pun tak apa.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Boleh boleh saya cuba jawab, baru-baru ini....(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

YB. Dato' Speaker, tadi ada sebut Perai tadi saya terpaksa.... (gangguan) boleh bagi laluan sedikit, saya pun mungkin cari-cari jawapan siapa sebenarnya bapa kepada pembangunan masyarakat India. Tapi apa yang dengar sejak dahulu lagi ialah Dato' Seri Samy Vellu Sangalimuthu tetapi sekarang dengar Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak ini dinamakan sebagai bapa pembangunan Malaysia. Ada tambahan sedikit, siapa ibu kepada pembangunan masyarakat India tersebut?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Ahli Kawasan Bagan Dalam, fokus.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Ya, saya hendak jawab soalan YB. Perai, kalau bapa Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, kalau ibu Datin Seri Hajah Rosma Mansor lah....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tolong jaga-jaga, kalau kita tidak nak orang kata sama kita, kita pun kena jaga-jagalalah, tolong fokus, jangan susahkan semua.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Dato' Sri Mohd Najib sekarang umumkan bahawa dia adalah bapa orang India, saya kata sebegitu kerana dia mula belajar bahasa Tamil. Sekarang dia boleh cakap *nambike, nale nambede*, macam itu sebab dia sudah belajar beberapa perkataan dalam bahasa Tamil, so dia fikir dia sudah jadi bapa lah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Teruskan, habis?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Belum.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, yang lain jangan ganggu.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Boleh sambung esok?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tidak apa, saya ada banyak masa lagi.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Generasi masa depan akan mengetahui betapa Dato' Sri Mohd Najib menjejaskan prestasi negara, suatu tragedi kepada Malaysia. Salah laku, rasuah dan penyelewengan dana awam nampaknya telah sampai ke tahap kritikal. Hampir setiap minggu ada saja berita tentang hal ini. Nampaknya Malaysia sudah menjadi negara rasuah. Jika keadaan ini berterusan, padahnya buruk sekali. Sumber-sumber yang sepatutnya yang digunakan untuk pembangunan masuk ke akaun individu.

Rasuah, YB. Dato' Speaker, mampu memusnahkan sesebuah negara kerana itu rasuah perlu dibanteras habis-habisan walau pun tangkapan dilakukan di sana sini, ini tidak bererti Malaysia benar-benar komited kepada usaha membasmi rasuah. Saya berkata demikian kerana SPRM masih lagi tidak bebas. Ianya masih lagi berada di bawah kuasa kerajaan yang memerintah dan kami pun boleh lihat Pengarah SPRM, Pengarah pun tidak berapa serius. Dia selalu pergi Bali, Indonesia apa dia buat di Bali pun kita tidak tahu. Maknanya ada kemungkinan tokoh-tokoh kerajaan yang melakukan rasuah boleh terlepas begitu sahaja, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini rasuah berlaku kerana ruang melakukannya luas, ruang ini lah yang perlu dihapuskan.

Kedegaran di sana sini di sektor awam ikrar melawan rasuah nampaknya ini lebih merupakan rutin yang tidak memberi apa-apa makna. Tindakan menghapus rasuah mestilah melampaui acara melafaz ikrar atau mendakwa mereka yang bersalah. Rasuah nampaknya telah menjadi semacam wabak, sudah menjadi budaya Malaysia. Difikir-fikirkan apa tidaknya, contoh datang dari pemimpin-pemimpin termasuk yang teratas dalam sejarah Malaysia belum pernah ada Perdana Menteri yang seburuk Dato' Sri Mohd Najib. Visi untuk menjadi Malaysia sebuah negara maju sebenarnya adalah hasrat yang tidak akan menjadi realiti. Bagaimana Malaysia boleh menjadi negara maju dengan kepimpinan kleptokrasi yang ada sekarang. Dalam mana-mana proses pembinaan negara kepimpinan adalah faktor yang amat penting. Dengan kepimpinan yang buruk serta memusnahkan hanya mereka yang hilang akal sahaja akan percaya Malaysia boleh menjadi negara maju. Kekayaan negara dirompak oleh pemimpin yang rakus dan oportunist.

Malaysia kini adalah negara krisis, ini adalah angkara pemerintah Barisan Nasional. Kewibawaan Barisan Nasional sebagai pemerintah sudah tidak dapat dipertahankan lagi. Barisan Nasional sudah gagal mengendalikan negara dengan baik. Rata-rata rakyat gelisah dan kecewa dengan prestasi Barisan Nasional, ekonomi negara merosot, nilai ringgit Malaysia tidak baik, pengangguran bertambah, jenayah meningkat, Dato' Sri Mohd Najib nampaknya tidak berani menyuarakan hal-hal ini kerana segalanya berpunca dari kelemahannya sebagai Perdana Menteri.

Rakyat Pulau Pinang hidup dengan penuh kesejahteraan. Pelbagai program-program kebajikan telah disediakan bagi meringankan beban golongan yang berpendapatan rendah faktor utama dalam kos perbelanjaan hidup ialah inflasi dimana harga barang sentiasa naik dari masa ke masa. Soalnya sekarang mengapa ini berlaku? Antara yang menyebabkan harga barang naik adalah tahap nilai ringgit Malaysia yang rendah berbanding dengan mata wang yang lain. Memang inflasi adalah ciri ekonomi bebas seperti yang diamalkan oleh Malaysia. Yang selalu dipersalahkan adalah ekonomi serta perusahaan luar negara, faktor ini ialah selalu ditekankan. Sebenarnya YB. Dato' Speaker, faktor-faktor dalam negara juga menyumbang kepada inflasi negara, hal ini tidak ditekankan kerana apa? Kerana ia akan menyerlahkan kelemahan Kerajaan Barisan Nasional.

Sesungguhnya YB. Dato' Speaker, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan adalah antara yang menyebabkan harga barang naik. Semua salah laku ini nampaknya sudah menjadi wabak. Ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional telah gagal menjadi kerajaan yang cekap dan berintegriti. Hal ini telah menjadi pengetahuan awam, jika dibiarkan berterusan akan memusnahkan Malaysia.

YB. Dato' Speaker, perkara yang akhir saya ingin sentuh ialah tentang tanah runtuh di projek Tanjung Bunga. Kita semua tahu bahawa kes ini bukan kes yang diklasifikasikan sebagai pembangunan cerun bukit. Pembangunan bukan di bukit tetapi di tanah yang bawah memang tidak ada bangunan di cerun bukit. Apa yang kita saksikan adalah kegagalan untuk mengukuhkan cerun bukit. *Failure to stabilize the hill slope*. Itu adalah sebab apa keruntuhan tanah berlaku tetapi pihak-pihak yang tertentu untuk kepentingan mereka, mereka memberi pandangan-pandangan lain untuk putar belitkan keadaan ini.

Oleh kerana satu *Commissioner of Inquiry* telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya ingat semua pihak mesti menunggu keputusan *Commissioner of Inquiry* dan berhenti membuat tuduhan-tuduhan yang berunsur politik untuk kepentingan mereka sendiri.

YB. Dato' Speaker, dengan ini saya mengakhiri ucapan saya dan mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Bagan Dalam, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak tangguhkan Dewan dan kita bersidang semula esok jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.40 petang.